
KPDNKK

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA
(Agensi di bawah KPDNKK)

MEREVOLUSIKAN SEKTOR KORPORAT MERINTIS KUASA TRANSFORMASI

REVOLUTIONIZE THE CORPORATE LANDSCAPE UNLEASHING TRANSFORMATION POWER



LAPORAN TAHUNAN 2015 ANNUAL REPORT

KPDNKK

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA
(Agensi di bawah KPDNKK)

MEREVOLUSIKAN SEKTOR KORPORAT MERINTIS KUASA TRANSFORMASI

REVOLUTIONIZE THE CORPORATE LANDSCAPE UNLEASHING TRANSFORMATION POWER

LAPORAN TAHUNAN 2015 ANNUAL REPORT



KONSEP KULIT



MERINTIS KUASA TRANSFORMASI

Pergerakan alunan gelombang yang lancar menunjukkan bagaimana SSM sentiasa sejajar dengan perubahan-perubahan yang berlaku di kalangan komuniti korporat dan ia dapat dilihat dalam penyampaian perkhidmatannya yang cemerlang. Loreng warna putih melambangkan sinergi hasil daripada kerjasama strategik manakala warna-warna yang lain melambangkan bagaimana SSM merevolusi pelbagai aspek landskap korporat di Malaysia.

KANDUNGAN

MUKASURAT 6	PERUTUSAN YB MENTERI	8	PRAKATA PENGERUSI	14	ULASAN TAHUNAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
MUKASURAT 27	ANGGOTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)	33	PENGURUSAN EKSEKUTIF	41	TINJAUAN EKONOMI 2015 DAN ANALISA STATISTIK UTAMA SSM
MUKASURAT 51	LAPORAN PENGURUSAN	52	PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN	63	INISIATIF PENGUATKUASAAN
MUKASURAT 83	INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG	85	PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHAK BERKEPENTINGAN	95	AKADEMI LATIHAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (COMTRAC)
MUKASURAT 105	CABARAN DAN HALATUJU 2016	113	PENYATA KAWALAN DALAMAN	119	PENYATA KEWANGAN

PERNYATAAN WAWASAN SSM

"MENJADI PENDAFTAR DAN ORGANISASI KAWAL SELIA KORPORAT BERTARAF DUNIA YANG MEMENUHI KEPERLUAN PERNIAGAAN MENERUSI PENDAFTARAN, MAKLUMAT, KAWAL SELIA DAN KHIDMAT NASIHAT YANG BERKESAN"

MEMENUHI KEPERLUAN PERNIAGAAN

SSM DIDORONG KE ARAH MEMENUHI KEPERLUAN PERNIAGAAN, TERMASUKLAH MEMBERIKAN PERNYATAAN NILAI YANG LEBIH BAIK MELALUI PRODUK DAN PERKHIDMATAN BERKUALITI SERTA PENYAMPAIAN KHIDMAT YANG CEMERLANG.

BERKESAN

SSM MEMPUNYAI MATLAMAT UNTUK MENCAPAI KECERMERLANGAN OPERASI DALAM SEMUA AKTIVITI YANG DIJALANKAN. DEMI MENCAPAI MATLAMAT INI, SSM PERLU MENJADI SEBUAH ORGANISASI BERKESAN YANG MENGOPTIMUMKAN SUMBER DAN MENCAPAI MATLAMAT TEPAT PADA MASANYA.

PENDAFTARAN, MAKLUMAT, KAWAL SELIA

UNTUK MENJADI PENGAWAL SELIA KORPORAT YANG UNGGUL, FOKUS SSM AKAN DITUMPUKAN KEPADA USAHA MEMBINA ASAS YANG KUKUH DALAM FUNGSI UTAMANYA. CITA-CITA INI MENETAPKAN PENCAPAIAN STANDARD YANG TIADA TARANYA DALAM KETIGA-TIGA BIDANG INI SEBAGAI SASARANNYA.

KHIDMAT NASIHAT

FOKUS DIMENSI BARU YANG BERMATLAMAT KE ARAH MEMBERIKAN NILAI TAMBAH KEPADA KOMUNITI PERNIAGAAN DENGAN MENYEDIAKAN KHIDMAT NASIHAT PERNIAGAAN.

PERUTUSAN YB MENTERI



Visi saya adalah untuk mentransformasikan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) menjadi sebuah "Kementerian Ekonomi" terutamanya dalam isu perdagangan dalam negeri dan memastikan pertumbuhan ekonomi domestik dalam trend meningkat.

Tahun 2015 merupakan tahun yang mencabar buat negara kesan dari persekitaran ekonomi global yang tidak menentu. Penurunan harga komoditi serta permintaan terhadap produk dan perkhidmatan yang rendah telah sedikit sebanyak memberi kesan kepada ekonomi. Namun begitu, ekonomi Malaysia tetap kukuh menghadapi segala cabaran dan kegawatan ini.

Selaras dengan polisi Kerajaan berkenaan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), SSM telah melaksanakan satu perjanjian strategik dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi membekalkan maklumat pendaftaran perniagaan yang mengenakan GST di Malaysia. Komuniti perniagaan mahupun orang ramai kemudiannya boleh mendapatkan maklumat dan status semasa pendaftaran tersebut daripada (JKDM), ini bagi memudahkan cara menjalankan perniagaan.

Dalam mewujudkan ekonomi yang diteraju oleh sektor swasta, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memastikan kadar pertumbuhan ekonomi negara berkembang dengan baik. Inisiatif seperti pemodenan peraturan perniagaan dan meliberalisasikan sektor perkhidmatan berjaya menunjukkan kadar pertumbuhan ekonomi negara sebanyak 5% yang merupakan bukti jelas keteguhan dasar-dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Sejajar dengan itu, Kerajaan perlu memodenkan kerangka undang-undang perniagaan iaitu Akta Syarikat 1965. Dua rang undang-undang yang signifikan untuk komuniti korporat iaitu Rang Undang-Undang Syarikat 2015 dan Rang Undang-Undang Skim Kepentingan 2015 telah melalui bacaan kali pertama di Dewan Rakyat pada 19 Oktober 2015. Usaha ini akan memberi impak positif yang menyeluruh kepada komuniti korporat.

Visi saya adalah untuk mentransformasikan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) menjadi sebuah "Kementerian Ekonomi" terutamanya dalam isu perdagangan dalam negeri dan memastikan pertumbuhan ekonomi domestik dalam trend meningkat.

Seiring dengan itu, SSM memperkenalkan jerayawara yang dikenali dengan nama Online Networking Entrepreneurs (ONE) bertujuan untuk menyalurkan maklumat berkaitan insentif oleh agensi-agensi Kerajaan, perkongsian maklumat, latihan dan kemudahan pembiayaan khususnya untuk golongan usahawan perniagaan atas talian (online). Program ini berjaya mendorong bakal usahawan untuk menceburi bidang perniagaan dan secara tidak langsung merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

Saya percaya 2016 akan menjadi satu lagi tahun yang bermakna kerana era transformasi mula terlaksana. Fasa ini akan memberi kesan bukan sahaja kepada SSM tetapi terhadap kesemua komuniti perniagaan keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

YB DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN
Menteri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

PRAKATA PENGERUSI



Kemajuan tahunan yang signifikan

Suasana persekitaran korporat berterusan mencabar pada keseluruhan tahun 2015 berikutan ketidaktentuan yang belum pernah terjadi sebelum ini. Cabaran ini mencakupi ketidakpastian dalam dunia perniagaan dan turun naik nilai mata wang, di samping ketidakstabilan harga minyak global yang membawa kepada ketidaktentuan keadaan penawaran-permintaan. Meskipun berdepan dengan halangan yang mendesak, strategi SSM serta iltizam tenaga kerjanya telah berjaya mengekal dan mengukuhkan prestasi Malaysia dalam landskap korporat di dalam dan di luar negara.

Pada tahun ini, SSM meneruskan pelaksanaan Program Transformasi Organisasi (SSMTP) dalam usaha memperkemas struktur, tatacara dan proses pengendalian standard organisasinya pada setiap peringkat proses kerja, membangunkan sistem teras baharu dan memperkukuh kemahiran sumber manusianya. Inisiatif SSMTP ini melibatkan penyusunan semula proses dan prosedur dalaman yang sedia ada dengan penerapan aliran kerja yang berasaskan elektronik untuk mempercepatkan penyampaian perkhidmatan yang mencakupi pelbagai aktiviti berkaitan perniagaan, seperti pendaftaran perniagaan, pemerbadanan syarikat dan pelbagai penyerah simpanan dokumen statutori daripada syarikat dan entiti perniagaan.

Proses aliran kerja pemantauan dan pengawasan baharu yang dilaksanakan di bawah SSMTP ini pula akan membolehkan SSM memantau tahap pematuhan syarikat dan perniagaan dengan lebih cekap. Inisiatif rasionalisasi ini akan mempermudah dan meminimumkan tempoh pemprosesan di SSM, khususnya bagi urusan memulakan perniagaan, dan pada masa yang sama mencipta nilai tambah bagi pihak berkepentingannya.

Perkhidmatan SSM akan diperluaskan dengan inisiatif SSMTP dan ini memerlukan anjakan paradigma. SSM perlu melaras dan menjajarkan semula fokusnya sebagai susulan kepada bakal pelaksanaan perundangan baharu, iaitu Rang Undang-undang Syarikat 2015 dan Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015, dalam usahanya untuk memenuhi jangkaan komuniti korporat. Inisiatif SSMTP akan memastikan SSM terus berada di puncak prestasi penyampaiannya kepada usahawan perniagaan, seterusnya memberi sokongan yang diperlukan oleh sektor swasta untuk terus menjadi penjana serta pencetus pertumbuhan ekonomi.

SSM telah melaksanakan SSMTP dengan jangkaan bahawa Rang Undang-undang Syarikat 2015 yang baharu akan diluluskan oleh Parlimen pada tahun 2016. Ini akan menyaksikan Akta Syarikat 1965 yang sedia ada dimansuhkan untuk memberi laluan kepada rangka kerja undang-undang syarikat baharu yang akan memperkenalkan amalan korporat terkini dan pembangunan dalam sektor korporat di samping memberikan kelebihan daya saing yang amat diperlukan oleh Malaysia pada peringkat global.

Tahun 2015 begitu mencabar bagi pesaing korporat tempatan yang berdepan dengan kejatuhan nilai mata wang serantau, kejatuhan harga minyak dan pelaburan asing langsung yang lebih rendah selain kenaikan kos operasi susulan kejutan komoditi dan mata wang global yang tidak dijangka, pergolakan pasaran kewangan dan aliran modal negatif yang mendadak. Dorongan peningkatan kos berikutan susut nilai mata wang Ringgit yang ketara dan tarikan permintaan disebabkan harga sumber bahan api yang rendah mungkin menyaksikan kenaikan kadar inflasi pada tahun 2016. Faktor ini, bergabung dengan tindakan fiskal, mungkin akan turut meningkatkan harga barangan pengguna lebih tinggi daripada paras yang dijangkakan. Justeru itu, SSM perlu mengimbangi antara usaha memberikan perkhidmatan bagi memudahkan komuniti perniagaan di Malaysia dan pada masa yang sama, meneruskan usaha perbelanjaan berhemah dalam melaksanakan inisiatif penjimatan kos secara berperingkat, dengan mengambil kira kesan langkah-langkah ini terhadap pelanggan dan pihak berkepentingan SSM. SSM perlu sentiasa menyemak keberkesanan langkah-langkah ini pada semua peringkat tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan dan produk yang ditawarkan.

Dalam dunia perniagaan yang berkembang pesat, cara perniagaan dijalankan turut mencerminkan dinamisme persekitarannya. Pertumbuhan pesat Internet di peringkat global serta kemajuan pantas dalam teknologi dengan sistem teknologi maklumat (IT) yang selamat dapat melindungi maklumat kewangan penting daripada digunakan secara salah dan mencegah aktiviti pencurian identiti dalam talian.

Program tanggungjawab korporat yang dilaksanakan oleh SSM sejak sekian lama telah mengharumkan nama SSM serta telah membina kepercayaan komuniti perniagaan, dan ini amat diperlukan dalam menghadapi waktu yang begitu mencabar kini. Sejak bertahun-tahun, SSM telah melaksanakan rangka kerja strategik untuk membudayakan amalan tanggungjawab korporat dalam kalangan komuniti korporat di Malaysia.

Untuk menyokong kelestarian korporat dalam "perniagaan hijau *(green business)*", SSM telah melancarkan set panduan ketiga yang bertajuk "Set Panduan Melaksanakan Perniagaan Hijau" pada 14 April 2015. Set Panduan Melaksanakan Perniagaan Hijau yang dibangunkan oleh SSM dengan kerjasama WWF-Malaysia yang diberikan secara percuma sebagai panduan untuk membantu komuniti perniagaan melaksanakan program *green business* di dalam pengendalian harian perniagaan mereka.

Set panduan ini mengandungi banyak idea menarik yang mudah dan tidak menelan belanja yang besar untuk dilaksanakan, khususnya dalam bahagian Pejabat Hijau. Sebahagian idea ini mungkin dapat membantu mengurangkan kos operasi, memperoleh peluang pasaran yang lebih meluas atau meraih kesetiaan pelanggan dan menjadikan kakitangan lebih komited dan produktif tanpa memberikan kesan negatif yang ketara terhadap perniagaan.



Justeru, inisiatif kelestarian korporat SSM memfokuskan tiga bidang utama: menggalakkan tadbir urus dan kesejahteraan korporat, meminimumkan kesan terhadap alam sekitar yang negatif dan menjana manfaat kepada komuniti perniagaan di Malaysia.

Meskipun berdepan persekitaran yang mencabar pada tahun 2015, 364,230 (2014: 332,723) perniagaan baharu telah didaftarkan, 46,599 (2014: 49,203) syarikat baharu diperbadankan dan 2,968 (2014: 2,304) Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) baharu telah didaftarkan. Walaupun terdapat penurunan sedikit iaitu 5.3% dalam bilangan syarikat baharu yang diperbadankan sepanjang tahun 2015, peningkatan jumlah pendaftaran perniagaan baharu sebanyak 9.5% menunjukkan trend memberangsangkan dalam kalangan peniaga Industri Kecil dan Sederhana (IKS), dan ini mencerminkan permintaan yang kukuh dalam pasaran perniagaan domestik.

Kos yang kian meningkat di samping penurunan permintaan pengguna dan pengurangan margin keuntungan disebabkan faktor luaran yang memberikan kesan negatif serta perilaku pengguna yang mendesak, telah mendorong usahawan beralih kepada dunia perniagaan secara dalam talian. Kini perniagaan bukan hanya berdepan dengan pesaing sedia ada, malah daripada perniagaan secara dalam talian. Perniagaan dalam talian mempunyai kedai maya yang menawarkan alternatif yang lebih murah untuk memperoleh, menyimpan dan mengagihkan barangan secara terus kepada pengguna, justeru kos mereka lebih rendah daripada peniaga runcit yang menjual dari kedai fizikal selain dapat menawarkan pengalaman beli-belah secara interaktif dari rumah kepada pengguna dengan harga yang menarik.

Sehubungan dengan trend baharu ini, SSM telah memperkenalkan program Carnival Online Networking Entrepreneurs (SSM ONE) pada tahun 2015 dan berjaya menganjurkan tiga acara untuk menghubungkan usahawan-usahawan yang menjalankan perniagaan secara dalam talian dan menggalakkan mereka untuk menjalankan perniagaan secara formal dengan mendaftarkan perniagaan mereka di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956. Setelah perniagaan dalam talian ini telah didaftarkan, usahawan dapat memanfaatkan pelbagai kelebihan yang disediakan kepada entiti perniagaan yang ditubuhkan secara sah, seperti pengiktirafan dari segi undang-undang dan keupayaan penguatkuasaan transaksi perniagaan, kelayakan mendapatkan pinjaman dan lain-lain insentif yang ditawarkan oleh agensi Kerajaan. Malah pengguna akan merasa lebih selamat apabila berurusan dengan kedai maya kerana identiti dan kesahihan kewujudan perniagaan ini akan menjadi lebih telus. Selain itu, program SSM ONE menyediakan pusat sehenti untuk mendapatkan nasihat berkaitan pematuhan undang-undang di bawah kawal seliaan SSM, maklumat disalurkan tentang pengurusan perniagaan, pengurusan kewangan, penyumberan kredit dan insentif untuk pembangunan perniagaan.

Dalam dunia perniagaan yang berkembang pesat, cara perniagaan dijalankan turut mencerminkan dinamisme persekitarannya. Pertumbuhan pesat internet di peringkat global serta kemajuan pantas dalam teknologi maklumat (IT) yang selamat dapat melindungi maklumat kewangan penting daripada disalahgunakan dan mencegah aktiviti kecurian identiti dalam talian.

Mengambil kira trend transaksi dalam talian yang semakin popular, SSM turut berkembang dan berubah sejajar dengan trend dan melaksanakan pembangunan terkini dalam teknologi maklumat serta menawarkan akses yang lebih baik dan mudah kepada perkhidmatannya. Dalam aspek ini, SSM telah memperkenalkan portal ezBiz yang beroperasi 24/7 untuk menyediakan perkhidmatan bagi semua transaksi dalam talian yang utama demi kemudahan pelanggan. Pada masa yang sama, SSM juga telah menempatkan beberapa kios ezBiz di beberapa pejabat utama SSM untuk keselesaan pelanggan. Selain portal dan kios ezBiz, SSM turut menaik taraf portal MyLLP untuk menyediakan perkhidmatan dalam talian dari pendaftaran hingga penutupan perniagaan bagi PLT. SSM yakin bahawa usaha meningkatkan kebolehcapaian perkhidmatannya bukan hanya akan mendorong peningkatan kadar pematuhan malah turut menggalakkan pertumbuhan dalam sektor perniagaan domestik.

Untuk meningkatkan tahap pematuhan, pengurangan kompaun sebanyak 50% hingga 80% telah ditawarkan mulai September hingga Disember 2015 untuk

Anggota Suruhanjaya SSM dan pasukan pengurusan eksekutif telah memainkan peranan aktif dan mengambil langkah proaktif untuk memastikan keseimbangan kemahiran serta pengalaman yang dicerminkan dalam penyampaian perkhidmatan yang cemerlang. Saya percaya, budaya korporat yang positif ini akan diteruskan pada masa akan datang.



membantu syarikat yang mempunyai tunggakan kompaun untuk mengemas kini rekod mereka di SSM dan membantu mengekalkan kos pematuhan mereka rendah. Sepanjang tempoh tersebut, tawaran ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada syarikat-syarikat yang telah mengambil kesempatan ini untuk mematuhi obligasi statutori apabila cukup tempohnya.

Pada Disember 2015, pihak pengurusan kanan SSM telah membuat lawatan ke pasar malam terkemuka di Uptown Kuala Lumpur di mana kaunter SSM dibuka untuk mengendalikan isu serta pelbagai soalan daripada penjaja, usahawan kecil dan orang awam. Peniaga dan bakal usahawan telah meraih manfaat daripada program ini dengan mendaftarkan perniagaan mereka selain mendapatkan maklumat dan nasihat berguna daripada pegawai SSM. Keupayaan dan kesanggupan untuk turun ke padang dan bertemu dengan penjaja-penjaja dan usahawan-usahawan kecil telah menjadikan SSM terkenal di kalangan Pendaftar global.



Pada tahun 2015, kami mengalu-alukan YB Abdullah Hj. Saidol, YBhg. Dato' Othman bin Semail dan YB Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz sebagai Anggota Suruhanjaya yang baharu serta YBhg. Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner yang telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) SSM yang baharu untuk menerajui pasukan pengurusan eksekutif SSM serta memegang jawatan sebagai Anggota Suruhanjaya. Kami berharap dapat menjalin kerjasama yang erat dengan mereka dalam usaha untuk memenuhi pelbagai mandat di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 dan memberikan perkhidmatan nilai tambah untuk semua pihak berkepentingan. Pada tahun-tahun sebelumnya, Anggota Suruhanjaya SSM dan pasukan pengurusan eksekutif telah memainkan peranan aktif dan mengambil langkah proaktif untuk memastikan keseimbangan kemahiran serta pengalaman yang dilihat dalam penyampaian perkhidmatan yang cemerlang. Saya percaya, budaya korporat yang positif ini akan diteruskan pada masa akan datang.

Akhir kata, bagi pihak Suruhanjaya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Anggota Suruhanjaya, pasukan pengurusan eksekutif dan semua pekerja SSM atas usaha gigih, semangat dan daya tahan mereka dalam menyampaikan keberhasilan meskipun berdepan persekitaran yang sungguh mencabar. Komitmen dan fokus mereka telah membolehkan SSM mencapai kemajuan yang besar. Saya percaya, SSM akan terus meraih pencapaian yang lebih hebat pada tahun 2016.

DATO' SRI ALIAS BIN HJ. AHMAD
Pengerusi
Suruhanjaya Syarikat Malaysia

ULASAN TAHUNAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



SSM sentiasa berusaha ke arah perkhidmatan yang unggul serta menjalankan fungsinya sebagai pengawal selia korporat yang efisien dan efektif. Kapasiti dan keupayaan turut diberi perhatian kerana ia akan membawa kepada penjimatan kos operasi.

Walaupun Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) ditubuhkan pada tahun 2002, namun organisasi ini sesungguhnya telah menyelusuri pelbagai pengalaman di sebalik sejarah penubuhannya yang telah melangkaui beberapa dekad sebelumnya. Pendaftar syarikat dan perniagaan yang dahulunya ditadbir secara berasingan telah melalui pelbagai perubahan yang akhirnya membawa kepada penyatuan sehingga tertubuhnya SSM. Namun begitu, pengalaman-pengalaman yang dibawa bersama oleh tenaga kerja kedua-dua pendaftar ini telah berkembang dan berkemahiran untuk menjalankan fungsinya sejajar dengan landskap perniagaan yang senantiasa berubah dan semakin kompleks.

Kelembapan ekonomi yang dialami secara global telah memberi kesan terhadap sektor perniagaan dalam negara. SSM selaku pendaftar dan pengawal selia korporat, telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan program untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang mampan dan ini telah menjana kesan yang positif terhadap pembangunan ekonomi negara. Saya dengan ini amat berbangga untuk melaporkan bahawa usaha-usaha yang dilaksanakan oleh SSM telah menjana kemajuan dalam mencapai matlamat memacu pertumbuhan bagi sektor perniagaan dan ini dapat dibuktikan melalui peningkatan pendaftaran perniagaan dan Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) bagi tahun ini.

Sepanjang tahun 2015 ini, sebanyak 364,230 (2014: 332,723) pendaftaran perniagaan baharu telah dicatatkan iaitu peningkatan sebanyak 9.5%. Seterusnya, bilangan PLT baharu juga merekodkan kenaikan iaitu sebanyak 2,968 telah berjaya didaftarkan (2014: 2,304) yang membawa kepada jumlah keseluruhan sebanyak 6,712 pada 31 Disember 2015. Ini mewakili peningkatan sebanyak 28.8% jika dibandingkan dengan tahun 2014. Namun begitu, jumlah syarikat yang diperbadankan mengalami penurunan sebanyak 5.3% yang membawa kepada jumlah keseluruhan sebanyak 46,599 (2014: 49,203). Secara keseluruhannya, sebanyak 1,160,064 (2014:1,113,465) syarikat diperbadankan manakala 5,998,331 (2014: 5,634,101) perniagaan didaftarkan sehingga akhir tahun 2015. Ini menunjukkan peningkatan keseluruhan ke atas pemerbadanan syarikat dan pendaftaran perniagaan masing-masing sebanyak 4.2% dan 6.5% jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan pada tahun 2014. Walaupun rendah daripada jangkaan kadar pertumbuhan dunia iaitu 2.6%, jumlah syarikat dan perniagaan yang berdaftar masih meningkat di negara ini. Ekonomi Malaysia meningkat pada kadar 5% pada tahun 2015 (2014:6%), dan ia merupakan prestasi yang membanggakan walaupun dengan kejatuhan ekonomi dunia secara purata 2.8%.

Berkaitan penurunan jumlah pemerbadanan syarikat bagi tahun 2015 pula, ianya dapat ditampung dengan peningkatan pendaftaran PLT dan perniagaan. Ini juga memberi indikasi bahawa komuniti perniagaan telah sedia maklum dan telah mengenal pasti bahawa terdapat pelbagai alternatif dalam pembentukan entiti yang boleh dipilih untuk memulakan perniagaan masing-masing.

Melihat pada kedudukan ekonomi global seiring dengan maklumat yang dijana melalui aktiviti pemantauan yang dilaksanakan, SSM mengambil akan maklum permintaan dan keperluan dari komuniti perniagaan yang memerlukan sesuatu entiti perniagaan alternatif yang mudah untuk didaftarkan dengan kos pematuhannya yang rendah.

Berdasarkan statistik SSM, perniagaan tunggal, perkongsian konvensional dan PLT dilihat menjadi pilihan yang popular di kalangan komuniti perniagaan pada masa kini. Sebagai contoh, PLT menjadi pilihan kerana ianya menggabungkan ciri-ciri perkongsian konvensional namun liabilitinya terhad seperti yang termaktub di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

Persaingan sengit di antara negara-negara untuk menarik pelabur asing telah meningkatkan daya saing masing-masing. Ini menjadikan pelabur dan komuniti korporat sensitif terhadap kelestarian sesuatu perniagaan dan menyebabkan mereka mengamalkan norma tadbir urus korporat berpiawaian antarabangsa. Strategi ini adalah perlu untuk mengukuh atau meningkatkan keyakinan pelabur antarabangsa dan menjadikan Malaysia sebuah negara mesra perniagaan.

Bagi mencapai matlamat ini, SSM juga telah mengambil beberapa langkah kukuh untuk memupuk dan membangunkan landskap perniagaan agar pertumbuhan ekonomi dapat dijana melalui peluang-peluang pekerjaan yang wujud hasil daripada pertumbuhan perniagaan. Sesungguhnya, ini telah menjadi objektif utama penubuhan SSM sebagai sebuah badan berkanun sejak 16 April 2002.

Salah satu pencapaian penting bagi tahun 2015 ini adalah apabila Rang Undang-undang (RUU) Syarikat 2015 dan RUU Skim Kepentingan 2015 dibaca pada kali pertama di Parlimen pada Oktober 2015. Saya percaya sejarah telah terlakar dan RUU ini bakal mencetus anjakan paradigma dan akan mengubah landskap perniagaan secara menyeluruh dan seterusnya mewujudkan era baru dalam pertumbuhan dan kemakmuran sektor perniagaan negara.

Salah satu pencapaian penting bagi tahun 2015 ini adalah apabila Rang Undang-undang (RUU) Syarikat 2015 dan RUU Skim Kepentingan 2015 dibaca pada kali pertama di Parlimen pada Oktober 2015. Saya percaya sejarah telah terlakar dan RUU ini bakal mencetus anjakan paradigma dan akan mengubah landskap perniagaan secara menyeluruh dan seterusnya mewujudkan era baru dalam pertumbuhan dan kemakmuran sektor perniagaan negara.

Secara ringkasnya, RUU syarikat ini memberi penekanan terhadap kawalan dalaman, tadbir urus dan tanggungjawab korporat serta menjalankan aktiviti perniagaan sejajar dengan kepentingan awam dan negara. Selaras dengan piawaian tadbir urus korporat yang lebih tinggi dan kawal selia yang dipertingkatkan, SSM perlu mencapai keseimbangan dengan cara memperluaskan fleksibiliti untuk menguruskan perniagaan. Kos bagi memulakan perniagaan juga dijangka dapat dikurangkan untuk menjana pertumbuhan perniagaan.

RUU Skim Kepentingan 2015 pula adalah berasal daripada salah satu Bahagian di dalam Akta Syarikat 1965 yang sedia ada. Namun begitu ianya telah dikenal pasti sebagai sebuah model perniagaan yang berpotensi untuk merangsang ekonomi negara. Dengan mengambil kira faktor ini, sebuah perundangan baharu berasingan telah diwujudkan. Ianya adalah bertujuan untuk memodenkan rangka kerja undang-undang sedia ada di samping memberi fleksibiliti sebagai saluran alternatif penjanaan modal di Malaysia. RUU ini akan memudahkan prosedur kelulusan, meningkatkan kawal selia bagi melindungi pelabur serta memperkukuhkan tadbir urus melalui keperluan laporan berkala. RUU ini juga dijangka akan menjana pertumbuhan pesat perniagaan seumpama ini tanpa mengira saiz dan jenis perniagaannya.

Pengenalan kedua-dua RUU ini merekodkan peristiwa yang amat penting dan bersejarah bagi Malaysia dan sektor korporat khususnya. Walaupun SSM telah bertindak sebagai tenaga penggerak, terdapat juga beberapa badan profesional dan individu yang telah banyak menyumbang ke arah pembangunan RUU ini. Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada ahli *Corporate Law Reform Committee, Accounting Issues Consultative Committee*, Jabatan Peguam Negara, badan-badan profesional, ahli akademik dan komuniti perniagaan atas sumbangan mereka bermula dari proses semakan undang-undang sehinggalah kepada memperhalusi draf RUU untuk pembentangannya di Parlimen.

SSM sebagai sebuah badan berkanun yang proaktif dan peka terhadap keperluan pihak berkepentingan menyedari bahawa perubahan dan keupayaan untuk berubah sejajar dengan trend global adalah amat penting lebih-lebih lagi setelah RUU ini diluluskan kelak. Oleh yang demikian, selaras dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP), maka Program Transformasi SSM (SSMTP) telah dilancarkan. SSMTP ini direka untuk bertindak sebagai pemangkin bagi memajukan daya saing Malaysia dan meningkatkan kadar tindak balasnya terhadap kesan globalisasi. Ia juga dijangka akan bertindak balas secara berkesan terhadap kemajuan teknologi yang memberi impak terhadap perniagaan yang sedia ada. Kesan positif ini akan menjadikan Malaysia sebuah destinasi pilihan bagi usahawan yang berbakat dan bercita-cita tinggi

melalui sinergi seterusnya untuk menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Bagi tujuan ini juga, SSM sentiasa berusaha ke arah perkhidmatan yang unggul serta menjalankan fungsinya sebagai pengawal selia korporat yang efisien dan efektif. Kapasiti dan keupayaan turut diberi perhatian kerana ia akan membawa kepada penjimatan kos operasi. Untuk mencapai objektif ini, tumpuan diberikan kepada tiga bidang teras utama iaitu proses perniagaan, penggunaan teknologi dan sistem serta tenaga kerja dan organisasi. Di SSM, tenaga kerjanya adalah sangat bernilai dan kami telah mengamalkan tiga strategi seperti berikut:

1) Transformasi proses kerja melalui pelaksanaan sistem teras baru dan sistem sokongan secara menyeluruh;

2) Transformasi dari segi teknologi dan sistem melalui penyediaan persekitaran teknologi maklumat (IT) yang bersepadu dan responsif terhadap perubahan proses perniagaan; dan

3) Transformasi sumber manusia dan organisasi secara menyeluruh agar selari dengan visi dan nilai-nilai korporat SSM.



SSM juga telah mengenal pasti keberkesanan teknologi bagi mempercepatkan proses kerja dan memudahkan urusan-urusan pihak awam. Oleh yang demikian, pelaksanaan penggunaan secara mandatori bagi pemerbadanan syarikat melalui portal MyCoID yang telah mula diperkenalkan secara berperingkat pada tahun 2014. Pada tahun 2015, sejumlah 44,173 syarikat baharu telah berjaya diperbadankan melalui MyCoID.

Selain daripada itu, SSM juga telah memperkenalkan portal ezBiz yang membolehkan pendaftaran perniagaan diperbaharui melalui tiga langkah mudah secara dalam talian dan direka khusus bagi menangani kemungkinan berlakunya *fraud*. Pengguna adalah dikehendaki untuk mendaftar secara dalam talian melalui portal SSM dan seterusnya mengesahkan identiti biometrik mereka di mana-mana pejabat SSM sekali seumur hidup. Kemudahan ini menawarkan khidmat pembaharuan pendaftaran perniagaan dengan mudah, pantas dan boleh dilakukan 24 jam sehari, tujuh hari seminggu.

Ini secara langsung membenarkan transaksi memperbaharui perniagaan kini boleh dilakukan di rumah atau premis perniagaan dan tidak terikat dengan waktu operasi SSM. Servis ini juga dijangka akan mengurangkan keberangkalian peniaga-peniaga menjalankan perniagaan yang tamat tempoh kerana tidak dapat melakukan pembaharuan dalam masa yang ditetapkan.

Untuk memastikan kelangsungan dan kejayaan sesuatu perniagaan, maklumat yang tepat dan pantas adalah sangat penting dalam membuat keputusan. Bagi memudah dan menggalakkan pembangunan perniagaan di Malaysia, SSM telah melancarkan aplikasi telefon pintar e-Info pada 2 Oktober 2015. Aplikasi ini membolehkan pengguna untuk membeli produk-produk seperti profil syarikat dan perniagaan, perbandingan kewangan dan dokumen statutori syarikat dengan menggunakan telefon pintar mereka melalui perisian aplikasi khusus seperti Android atau iOS. Istilah "Maklumat di hujung jari anda" adalah benar-benar tepat dalam hal ini kerana maklumat boleh diperolehi dengan cara yang cepat dan pantas.

Seterusnya, pada 13 November 2015, sistem MyLLP yang ditambah baik telah dilancarkan. Sistem ini menawarkan servis-servis baharu secara dalam talian seperti penyerahan semua dokumen PLT, pembelian maklumat dan membolehkan pelaporan maklumat statutori oleh pegawai pematuhan PLT. Pelancaran sistem MyLLP itu bukan sahaja dijangka dapat menyelesaikan isu-isu pematuhan dengan cara yang pantas dan cekap malah dapat memudahkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan SSM. Kami percaya sistem ini dapat meningkatkan pemilihan PLT sebagai entiti perniagaan masa kini dan memupuk budaya pematuhan yang menggalakkan.

SSM juga tidak lupa untuk melindungi kepentingan orang awam dengan pengenalan perkhidmatan e-Semak pada 7 Ogos 2015. Perkhidmatan percuma ini membolehkan orang ramai menentukan kesahihan mana-mana entiti perniagaan yang didaftarkan di SSM. Orang ramai hanya perlu memasukkan nombor pendaftaran syarikat, pendaftaran perniagaan atau PLT untuk mendapatkan paparan maklumat penting tentang entiti yang ingin diketahui seperti nombor pendaftaran, nama syarikat, perniagaan atau PLT, status semasa dan nombor pendaftaran GST. Perkhidmatan ini membolehkan orang ramai mengesahkan status sesebuah entiti sebelum menjalankan sebarang transaksi perniagaan dan sekiranya maklumat lanjut diperlukan, carian maklumat boleh dijalankan bagi mendapatkan profil syarikat atau perniagaan seterusnya. Dengan adanya kemudahan ini, kes-kes penipuan, salah faham dan lain-lain diharap dapat dikurangkan.

SSM juga terus berusaha untuk meningkatkan tahap pematuhan di kalangan komuniti perniagaan. Bagi tujuan tersebut juga, SSM telah memperkenalkan e-Kompaun pada 1 September 2015. Perkhidmatan percuma ini membolehkan orang ramai menyemak notis kompaun tertunggak yang dikeluarkan bagi kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956. Perkhidmatan e-Kompaun ini berfungsi sebagai pencegah yang berkesan terhadap ketidakpatuhan kerana entiti perniagaan perlu menyelesaikan kompaun yang tertunggak dengan segera sebelum maklumat tersebut diperoleh oleh bank, pembekal atau pelanggan yang boleh membawa kesan negatif terhadap imej perniagaan mereka. Namun yang lebih penting adalah kemudahan ini dapat menggalak dan memupukkan budaya pematuhan dalam kalangan komuniti perniagaan.

Selain kemudahan-kemudahan yang telah saya nyatakan, SSM juga di dalam proses untuk memperkenalkan kios-kios layan diri yang akan ditempatkan di luar premis kesemua pejabat SSM di seluruh negara. Servis yang ditawarkan pada permulaannya adalah untuk memperbaharui lesen perniagaan, membuat bayaran kompaun dan bagi mendapatkan maklumat perniagaan.

Untuk memastikan kelangsungan dan kejayaan sesuatu perniagaan, maklumat yang tepat dan pantas adalah sangat penting dalam membuat keputusan. Bagi memudah dan menggalakkan pembangunan perniagaan di Malaysia, SSM telah melancarkan aplikasi telefon pintar e-Info pada 2 Oktober 2015. Aplikasi ini membolehkan pengguna untuk membeli produk-produk seperti profil syarikat dan perniagaan, perbandingan kewangan dan dokumen statutori syarikat dengan menggunakan telefon pintar mereka melalui perisian aplikasi khusus seperti Android atau iOS. Istilah "Maklumat di hujung jari anda" adalah benar-benar tepat dalam hal ini kerana maklumat boleh diperolehi dengan cara yang cepat dan pantas.

Manakala maklumat korporat dan servis-servis lain akan ditawarkan secara beransur-ansur. Kios ini akan membolehkan pembayaran secara tunai dan kad kredit atau debit serta dilengkapi dengan teknologi pengesahan biometrik terkini bagi melindungi pengguna.

Pelbagai inisiatif untuk menaik taraf perkhidmatan SSM menggunakan platform secara dalam talian dan kios ini tidak mungkin dapat dicapai tanpa usaha gigih dan penuh dedikasi warga kerjanya. SSM melihat bahawa pelaburan yang besar di dalam ICT dan teknologi ini adalah perlu bagi memastikan pengurusan dan pemantauan lebih 1.16 juta syarikat dan hampir 6 juta perniagaan dapat dilaksanakan. Oleh itu, adalah amat penting bagi sistem teras SSM untuk menggunakan sistem pengurusan yang terkini dari segi perisian, jaringan dan ciri-ciri keselamatan mengikut piawaian antarabangsa.

Bagi memastikan kesinambungan dan keselamatan aset siber negara terjamin, kerajaan telah melaksanakan satu inisiatif iaitu Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (CNII) yang mengkehendaki agensi untuk mengamalkan piawaian dan garis panduan untuk menjamin keselamatan IT dan aset yang berkaitan. Piawaian ini amat menyeluruh dan merangkumi semua aspek IT dan strukturnya yang berkaitan termasuk rangkaian dan *interface*. Memandangkan penggunaan IT yang meluas oleh kerajaan dan negara serta peranan penting yang dimainkan oleh teknologi dalam jentera perkhidmatan kerajaan, maka piawaian yang dilaksanakan adalah untuk memastikan kesinambungan perkhidmatan ini dan integriti data terjamin setiap masa.

Menyedari kepentingan peranan pangkalan data dan sistem terasnya kepada ekonomi negara dan semua aktiviti ekonomi serta kesannya jika berlaku sebarang gangguan data dan sistem terhadap ekonomi, satu pelan tindakan ICT dilaksanakan dalam tahun 2014, iaitu bagi mendapatkan persijilan untuk pusat data SSM. Projek ini telah dimulakan pada 14 Februari 2014 dengan penubuhan dua jawatankuasa, iaitu Jawatankuasa Pemandu ISMS (PSC) dan Jawatankuasa Kerja Projek ISMS (PWC) untuk memantau dan menyelaras pelaksanaan ISO/IEC 27001 di ibu pejabat SSM. Persijilan audit telah dilaksanakan di SSM pada 14 hingga 15 April 2015 oleh SIRIM QAS. Saya dengan bangganya ingin menyatakan bahawa SSM telah berjaya mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh ISO/IEC 27001:




2013 dan telah dianugerahkan ISO/IEC 27001: 2013 pada 8 Mei 2015.

Seterusnya fokus perlu diberikan terhadap inisiatif-inisiatif atau agenda tanggungjawab korporat SSM yang telah berjaya dilaksanakan sejak lima tahun sebelumnya. Pada 14 April 2015, SSM telah menunjukkan pencapaian yang membanggakan dengan penerbitan set panduan Pekeliling Perniagaan Amalan Terbaik (BBPC) dan pelbagai Siri Seminar Tanggungjawab Korporat (CRSS) bagi meningkatkan penglibatan komuniti perniagaan kecil dan sederhana (PKS) untuk mengamalkan agenda tanggungjawab korporat ini. Set panduan ini memberi fokus kepada inisiatif-inisiatif hijau yang boleh dilaksanakan oleh komuniti korporat bagi mengurangkan pencemaran terhadap alam sekitar. Panduan ini dibahagi kepada tiga kategori iaitu: Pejabat Hijau, Perolehan Hijau dan Operasi Hijau. Set panduan ini juga adalah bertujuan untuk mencapai beberapa objektif seperti berikut:

- Untuk meningkatkan kesedaran terhadap etika dan persekitaran di kalangan sektor swasta mengenai impak perniagaan bagi memastikan kelestarian alam sekitar yang boleh diwarisi oleh generasi akan datang;
- Memberi garis panduan kepada sektor swasta agar menjadi sumber ekonomi yang lebih cekap, dengan penggunaan sumber secara mampan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap kekurangan bekalan dan harga pasaran yang tidak stabil; dan

- Mempromosi dan mendidik sektor swasta agar menyokong pertumbuhan hijau dengan melibatkan diri dalam pembudayaan perniagaan hijau melalui amalan pejabat hijau, perolehan hijau dan operasi hijau.



Ringkasnya, set panduan ini menggariskan cadangan berkaitan inisiatif hijau dan aktiviti-aktiviti yang boleh dilaksanakan oleh syarikat dan perniagaan dalam operasi harian mereka. Panduan ini juga turut menyediakan satu bahagian khusus bagi PKS untuk mengamalkan perniagaan hijau mereka dari segi perolehan dan operasi.

Satu usaha sama strategik di antara SSM dan Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF) telah dibentuk pada tahun 2010 yang memberi fokus untuk meningkatkan tahap kesedaran tentang hak asasi kanak-kanak, inisiatif tanggungjawab korporat serta menjalankan penyelidikan berkaitan isu-isu yang mempromosi amalan perniagaan mesra keluarga dalam persekitaran korporat dan perniagaan di Malaysia. Komuniti korporat adalah digalakkan untuk mengamalkan "Children's Rights and Business Principles (CRBP)" yang menggariskan sepuluh prinsip yang melindungi kepentingan dan hak kanak-kanak. Seterusnya, melalui kerjasama ini, SSM dan UNICEF telah menganjurkan dua bengkel berkaitan CRBP pada 23 April 2015 di Kota Kinabalu, Sabah dan di Kuching Sarawak pada 7 Julai 2015. Bengkel ini disertai oleh PKS, Badan-badan bukan Kerajaan, ahli akademik dan pihak berkepentingan yang lain-lain dan bertujuan untuk meningkatkan tahap pemahaman serta mendorong komuniti korporat agar lebih peka terhadap keperluan ini.

Pada 25 Ogos 2015, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menganjurkan Minggu Penyusuan Susu Ibu Kebangsaan di Putrajaya sempena Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia. Dalam forum tersebut, SSM telah dijemput untuk membentangkan Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik 2/2011 bertajuk "Mewujudkan Persekitaran Kerja yang Kondusif untuk Wanita: Program Penyusuan Susu Ibu di Tempat Kerja". Selain mengambil bahagian dalam forum tersebut, SSM juga telah diberi peluang untuk mempamer dan mempromosikan kesedaran terhadap bahan-bahan penerbitan berkaitan persekitaran yang mesra keluarga serta membincangkan perkara-perkara ke arah mewujudkan persekitaran tempat kerja yang mesra kanak-kanak. Program ini telah dirasmikan oleh YAB. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor dan menyenaraikan pelbagai penceramah ternama untuk forum ini antaranya daripada pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) dan Kementerian Sumber Manusia.

Seterusnya pada 2 Oktober 2015, SSM telah dijemput oleh SUHAKAM sebagai panel bagi program "Strengthening Corporate Respect for Human Rights: Roundtable on the UN Guiding Principles Reporting Framework and the Roles of Key Actors in Incentivising Improved Corporate Performance". Program kerjasama yang melibatkan United Nations Malaysia, Asian CSR Network, Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia, Mazars and Shift ini adalah untuk membincangkan laporan "UN Guiding Principles on Business and Human Rights dan UNGP Reporting Framework" (UNGPRF). UNGPRF ini menggariskan beberapa panduan kepada syarikat untuk melaporkan tanggungjawab korporat mereka

Satu usaha sama strategik di antara SSM dan Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF) telah dibentuk pada tahun 2010 yang memberi fokus untuk meningkatkan tahap kesedaran tentang hak asasi kanak-kanak, inisiatif tanggungjawab korporat serta menjalankan penyelidikan berkaitan isu-isu yang mempromosi amalan perniagaan mesra keluarga dalam persekitaran korporat dan perniagaan di Malaysia.

tentang hak asasi manusia dalam perniagaan terhadap pekerja, dasar keselamatan, alam sekitar, pembekal dan pihak berkepentingan yang lain. Panel-panel juga membincangkan keperluan pelaporan yang bukan berkaitan kewangan secara sukarela seperti pelaporan tanggungjawab korporat dan SSM melaporkan bahawa keperluan ini adalah sebahagian daripada penambahbaikan yang termaktub di dalam RUU Syarikat kelak.

Selain daripada itu, SSM juga telah menganjurkan Persidangan Kebangsaan bertemakan "Modernizing the Companies Act: Creating Synergy in Malaysian Business Landscape" yang telah berlangsung dengan jayanya pada 8 dan 9 September 2015 di Kuala Lumpur. Ianya telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Hamzah Bin Zainuddin, Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan dihadiri oleh 560 perwakilan daripada pelbagai pihak berkepentingan dari kedua-dua sektor awam dan swasta serta pegawai-pegawai kanan SSM. Pada persidangan tersebut, seramai 23 penceramah, ahli panel dan moderator telah menyampaikan kertas kerja masing-masing yang meliputi pelbagai topik daripada tadbir urus korporat kepada pemodenan Rang Undang-undang dan lain-lain perkembangan terkini yang berkenaan dengan komuniti perniagaan di Malaysia.

SSM juga meneruskan usaha penganjuran Persidangan Serantau di Kuching Sarawak pada 7 Oktober 2015. Tema yang dipilih pada tahun ini iaitu "Revamping The Companies Act" telah dihadiri oleh 170 orang perwakilan dari Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia. Delegasi adalah terdiri daripada pelbagai pihak berkepentingan dari kedua-dua sektor awam dan swasta. Seramai lima penceramah telah menyampaikan kertas kerja yang meliputi pelbagai topik berkaitan pembaharuan yang akan dibawa oleh RUU syarikat kelak dan pencegahan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.



SSM terus menunjukkan komitmen yang tinggi untuk mendorong dan meningkatkan tahap tanggungjawab korporat komuniti perniagaan. Ini kerana sesuatu landskap perniagaan yang kondusif akan menjadi daya penarik pelabur-pelabur kerana keyakinan terhadap rangka kerja undang-undang Malaysia ini yang dapat melindungi kepentingan mereka. SSM akan terus berusaha untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang adil, telus dan beretika agar aliran modal pelaburan dapat dijana dari pelabur dari serata dunia.

Rangka kerja undang-undang yang kukuh dan jelas berserta prosedur yang mudah dan kos berpatutan adalah antara faktor yang penting bagi proses permulaan sesuatu perniagaan. Dalam laporan "Doing Business 2016" oleh Bank Dunia, Malaysia mengalami penurunan sebanyak satu tangga dan berada pada

kedudukan yang ke 18 pada tahun ini. Namun begitu, Malaysia masih mendahului beberapa negara seperti Switzerland (26), Perancis (27), Thailand (49), Filipina (103) dan Indonesia (109), malahan berada di tangga kedua selepas Singapura bagi negara-negara ASEAN.

Selain daripada itu, Malaysia juga diiktiraf dan ditempatkan di kedudukan ke-4 di dalam "World Emerging Market Logistics" di antara 45 negara-negara membangun yang lain. Bagi laporan "Competitiveness Yearbook 2015" dari Institute for Management Development pula, Malaysia berada di kedudukan yang ke-14 di antara 61 negara-negara lain. Kesemua pencapaian ini adalah amat membanggakan bagi negara.

ASEAN Economic Community (AEC) yang telah dibentuk dan akan direalisasikan telah mendedahkan kita kepada pelbagai peluang yang sebelum ini agak sukar untuk dikecapi. Program liberasi ekonomi ini akan membabitkan peningkatan pasaran sebanyak 20 kali ganda daripada pasaran domestik kita. Ini kerana jumlah penduduk yang digabungkan menjadikan AEC ketiga terbesar selepas China dan India dengan jumlah 642 juta orang penduduk, KDNK sebanyak USD 2.6 trilion (2014), ekonomi ke-7 terbesar di dunia, ekonomi ke-3 terbesar di Asia, FDI USD 143 bilion atau 11% daripada FDI dunia dan jumlah perdagangan gabungan adalah USD 2.5 trilion.

Statistik-statistik ini adalah sukar untuk dibayangkan tetapi potensi dan risiko juga meningkat secara eksponen bagi pergerakan barangan dan perkhidmatan antara sempadan ini. Risiko yang akan dihadapi adalah tetap sama namun komuniti korporat perlu bersaing sesama sendiri dari pelbagai negara kerana ASEAN akan menjadi satu pasaran tunggal yang amat luas dengan penghapusan halangan dan tarif perniagaan. Selain daripada itu aliran bebas modal, barangan, perkhidmatan dan tenaga kerja mahir ini pasti akan meningkatkan persaingan. Persaingan yang sihat ini akan meningkatkan prestasi dan menjana idea-idea inovatif bagi menjamin pasaran masing-masing. Melihat kepada keadaan ekonomi negara di mana komuniti peniaga Malaysia telah membuat pelaburan besar di negara-negara ASEAN seawal tahun 70an, saya percaya mereka akan dapat mengambil kesempatan daripada rangkaian rakan kongsi perniagaan yang telah dipupuk ini untuk menjalin hubungan sinergi seterusnya. Dengan gabungan modal, kemahiran dan pasaran ini, saya percaya syarikat-syarikat multinasional akan diwujudkan setara dengan syarikat-syarikat multinasional dari kuasa ekonomi seperti Kesatuan Eropah.

SSM sebagai pengawal selia dan pendaftar juga mesti bersedia untuk menghadapi cabaran yang diwujudkan oleh AEC; ia memberi kesan kepada SSM seperti mana kesannya kepada perniagaan dan syarikat-syarikat yang dikawal selia oleh SSM. Kerjasama dengan pengawal selia di rantau ASEAN akan dijadikan satu norma kelak. Di pihak kami juga usaha untuk membantu dan memudahkan transisi komuniti perniagaan di Malaysia giat dijalankan dan beberapa program kesedaran telah menjadi agenda tahunan. Namun begitu, saya perlu menekankan bahawa SSM tidak boleh bertindak berseorangan dan bahawa kerjasama antara agensi yang terlibat secara langsung adalah perlu agar program kesedaran yang menyeluruh dapat dilaksanakan. Di sini, saya ingin menyatakan juga bahawa komitmen dan kerjasama yang diberikan oleh agensi-agensi lain di Malaysia dan rakan-rakan ASEAN selama ini adalah amat tinggi dan membanggakan. Namun begitu, usaha bagi pihak kerajaan ini tidak cukup sekiranya komuniti perniagaan sendiri tidak mengambil cabaran ini untuk berubah dan merebut pasaran luas yang dibuka melalui AEC ini.

Sesungguhnya ini adalah masa yang sangat mencabar kerana persaingan sengit akan berlaku di rantau ini untuk mendapatkan Pelaburan Langsung Asing. Integrasi AEC pada 2015 ini telah mendedahkan kita kepada persaingan dari dua peringkat, iaitu secara global dan di rantau negara ASEAN di mana kita perlu memastikan bahawa kita tidak hanya kekal berdaya saing tetapi relevan di peringkat global selain di peringkat ekonomi serantau. SSM mengakui bahawa model dan trend perniagaan berubah dari semasa ke semasa dan perubahan kini lebih cepat berlaku akibat perkembangan teknologi maklumat yang pesat.

SSM juga melihat perkembangan pesat model perniagaan secara francais dan dalam talian sejak kebelakangan ini. Perniagaan francais ini telah memberi persaingan yang sihat di kalangan komuniti perniagaan tempatan di mana sebanyak 181 perniagaan dan syarikat menawarkan francais dengan 407 menjadi penerima francais; di samping itu terdapat sekurang-kurangnya 26 perniagaan francais tempatan yang telah mengembangkan sayap mereka ke 49 buah negara. Melihat kepada perkembangan ini, SSM secara konsisten

telah mengambil bahagian dalam aktiviti antarabangsa dan domestik yang berkaitan dengan francais dan peluang perniagaan yang berkaitan dengannya. Pada tahun ini, SSM telah mengambil bahagian dalam enam aktiviti di peringkat antarabangsa iaitu:

1) Dua program di Sydney dan Melbourne, Australia : "The Franchising & Business Opportunities 2015";

2) Dua program di Jakarta dan Surabaya, Indonesia: "International Franchise, Licence & Business Concept Expo & Conference (IRFA) 2015" dan "Indonesia Franchise Business Concept Expo";

3) Program di Turki: "Be My Dealer? 13th Franchising & Brand Dealership Trade Fair"; dan

4) Program di Singapore: "Franchising & Licencing Asia (FL Asia) 2015".

Di kesemua program ini, pameran dari Malaysia telah menjadi tumpuan ahli perniagaan, bank-bank pelaburan dan orang awam yang berminat tentang francais dan peluang perniagaan yang terdapat di Malaysia. Saya juga amat berpuas hati apabila melihat pameran SSM menjadi tumpuan utama kerana merupakan sumber rujukan kepada yang berminat untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan pendaftaran di samping pembekalan maklumat syarikat dan perniagaan. Faktor-faktor ini adalah merupakan informasi yang akan digunakan sebagai pertimbangan sebelum memulakan sebarang penglibatan bersama rakan kongsi tempatan.

Di Malaysia, SSM telah menyertai dua pameran francais, iaitu Hari Francais 2015 yang diadakan di Putrajaya dan Francais Antarabangsa Malaysia 2015 yang diadakan di Kuala Lumpur. Sekali lagi saya melihat pameran SSM menjadi tumpuan utama pengunjung yang berminat untuk menceburi bidang perniagaan. Melalui pameran ini, SSM dapat menjelaskan secara terus kepada kumpulan sasaran dan proses pendaftaran perniagaan dan penubuhan syarikat yang sentiasa diperkemas ini menjamin tempoh masa yang singkat untuk menubuhkan sesuatu entiti perniagaan telah berjaya menarik perhatian pengunjung.



Penambahan bilangan perniagaan secara dalam talian yang mendadak kini mendapat perhatian pihak SSM. Sehingga 31 Disember 2015, sejumlah 1,072 syarikat dan 28,909 perniagaan terlibat dalam perdagangan runcit dan lelongan dalam talian. Statistik ini tidak termasuk pelbagai individu yang menjalankan perniagaan mereka melalui portal seperti eBay, mudah.com dan lelong.com. secara sepenuh atau separuh masa dan kebanyakan individu-individu ini masih belum mendaftarkan perniagaan masing-masing dengan SSM. Melihat kepada keadaan ini,

Pada tahun 2015 ini, sebanyak 3 karnival SSM ONE telah dilaksanakan dengan jayanya dan bermula di pusat membeli-belah The Curve mulai 4 hingga 5 Jun 2015. Karnival ini bertujuan untuk merapatkan kumpulan usahawan dalam talian dengan usahawan konvensional dan pada masa yang sama, menawarkan khidmat nasihat, latihan dan bimbingan dari segi pembangunan model perniagaan, bantuan modal dan lain-lain.

SSM mengambil langkah proaktif untuk melaksanakan rangkaian program Carnival Online Networking Entrepreneurs (SSM ONE) bagi mendekati usahawan dalam talian ini dan memastikan mereka mengetahui bahawa terdapat pelbagai insentif ditawarkan oleh kerajaan yang membolehkan perniagaan kecil menjadi sebuah perniagaan yang disegani. Pada tahun 2015 ini, sebanyak 3 karnival SSM ONE telah dilaksanakan dengan jayanya dan bermula di pusat membeli-belah The Curve mulai 4 hingga 5 Jun 2015. Karnival ini bertujuan untuk merapatkan kumpulan usahawan dalam talian dengan usahawan konvensional dan pada masa yang sama, menawarkan khidmat nasihat, latihan dan bimbingan dari segi pembangunan model perniagaan, bantuan modal dan lain-lain.

Karnival ini seterusnya diadakan di Pasir Gudang, Johor dari 2 hingga 3 Oktober 2015 dan di Kuching Sarawak dari 13 hingga 15 November 2015. Melalui karnival ini, para usahawan dapat memperluaskan pengetahuan masing-masing dan merebut peluang untuk mendapatkan bantuan-bantuan kerajaan, badan berkanun dan pertubuhan bukan kerajaan sedia ada secara berpusat.

Selain daripada pameran dan khidmat nasihat yang diberikan oleh SSM, karnival ini juga memperkenalkan personaliti tempatan yang berjaya dalam bidang perniagaan agar mereka boleh berkongsi pengalaman dan seterusnya memberi inspirasi kepada para usahawan. Pengunjung yang terdiri daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi membanjiri karnival ini dan dianggarkan sebanyak 20,000 ribu peserta telah turut serta. Hasil daripada inisiatif ini, kumpulan usahawan yang hadir telah mendaftarkan perniagaan mereka seterusnya dapat menikmati pelbagai insentif yang ditawarkan kerajaan selain beroperasi menurut rangka kerja undang-undang di bawah kawal seliaan SSM dan ini akan meningkatkan kepercayaan pengedar dan pelanggan masing-masing.

SSM sebagai pendaftar syarikat, perniagaan dan PLT mengawal selia komuniti perniagaan dari yang besar hinggalah kepada penjaja dan peniaga kecil. Kami cuba untuk menangani isu-isu yang dihadapi oleh semua pihak, terutamanya peniaga kecil, penjaja dan orang kelainan upaya yang ingin menceburi bidang perniagaan. Pelbagai bantuan dihulurkan kepada kumpulan-kumpulan sasaran ini seperti memudahkan proses pendaftaran, menghubungkan mereka dengan agensi-agensi yang dikenal pasti oleh kerajaan bagi menyalurkan bantuan dan lain-lain lagi. Untuk melaksanakan tanggungjawab ini, SSM mengambil bahagian dalam beberapa aktiviti yang khusus bertujuan untuk memupuk dan membangunkan kemahiran misalnya, Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Kebangsaan yang diadakan dari 4 hingga 6 Disember di Lumut Perak, Transformasi Penjaja dan Peniaga Kecil 2015, pada 27 April 2015 di Dewan Perdana Pusat Membeli Belah Keramat, Kuala Lumpur, dan Walkabout Bazaar Malam pada 10 Disember, 2015 di Uptown Kota Damansara. SSM juga telah membuka kaunter di tempat-tempat ini untuk membantu peniaga untuk memperbaharui pendaftaran perniagaan masing-masing dan ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada peniaga.

Selain daripada itu, SSM juga percaya bahawa bakat usahawan muda perlu dipupuk dan usaha berterusan perlu dijalankan agar mereka melibatkan diri di dalam bidang perniagaan. Ini dapat dicapai apabila SSM mengambil bahagian di dalam beberapa aktiviti seperti

SSM telah meningkatkan tindakan penguatkuasaan dari segi pemantauan dan pada masa yang sama membudayakan penguatkuasaan seimbang. Ini bermakna, SSM tidak lupa untuk terus mendidik pihak berkepentingan seperti setiausaha syarikat, pegawai dan pengarah syarikat untuk meningkatkan tahap pemahaman terhadap tugas dan tanggungjawab mereka dalam mencapai pematuhan secara sukarela dan berterusan ini.

mengadakan pameran dalam "Seminar Keusahawanan Muda Komuniti Parlimen Cheras" pada 17 Januari 2015 di Dewan Komuniti Cheras, "Konvensyen Keusahawanan Anak Muda Negeri Pulau Pinang" pada 17 Mei 2015 di Kompleks Masyarakat Penyayang, Pulau Pinang, "Bahtera - Bumipreneurs of Tomorrow" dari 19 hingga 20 Ogos, 2015 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, "Karnival Kerjaya dan Keusahawanan MARA", 12 hingga 13 September 2015 di Kuala Lumpur dan "Sidang Kemuncak Keusahawanan 1 ASEAN (1AES)" dari 21 hingga 22 November 2015 di Kuala Lumpur. Dengan pelbagai inisiatif proaktif ini, pelbagai kumpulan sasaran dapat diliputi yang berlatarbelakangkan pelbagai sosioekonomi.

Pejabat-pejabat negeri SSM juga mengambil bahagian dalam menjalankan program-program seperti *corporate tea talks*, mengadakan sesi dialog bersama Setiausaha Syarikat dan pelbagai aktiviti-aktiviti kesedaran. Aktiviti-aktiviti ini adalah lanjutan daripada usaha kami untuk memperluaskan skop bagi mendekati kumpulan sasaran agar kepelbagaian lokasi geografi perniagaan dapat di capai. Adalah menjadi matlamat kami agar semua pihak yang berkepentingan menerima maklumat-maklumat yang terkini berkaitan penguatkuasaan, undang-undang atau insentif dan bantuan yang ditawarkan seterusnya menerima perhatian yang sama dengan komuniti perniagaan di kawasan bandar. Oleh yang demikian, sebanyak 32 program telah dianjurkan oleh pejabat negeri SSM sepanjang 2015 yang meliputi pelbagai agenda dan ini memastikan tiada lokasi geografi yang diabaikan terutamanya penduduk di kawasan luar bandar.

Pada tahun ini, SSM telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan yang agresif secara meluas yang meliputi salah laku dan ketidakpatuhan terhadap akta-akta di bawah kawal seliaan SSM. Di samping itu, hubungan yang rapat dan kerjasama yang diwujudkan dengan agensi kawal selia yang lain membawa kejayaan melalui faedah sinergi melalui penggabungan kemahiran dan sumber. Di samping itu, pejabat penguatkuasaan juga telah menambahbaikkan aktiviti pemantauan dengan penambahbaikan penggunaan teknologi.

Dengan ini, tindakan pantas dapat diambil terhadap ketidakpatuhan dan ini meningkatkan tahap keyakinan kepada pihak-pihak yang ingin menjalankan perniagaan di Malaysia.

Di sini saya ingin melaporkan bahawa tahap pematuhan syarikat meningkat kepada 93% dari 92% di tahun sebelumnya. Ini menunjukkan budaya pematuhan komuniti korporat terus meningkat dan membuktikan bahawa usaha yang gigih dilaksanakan oleh mereka untuk mematuhi undang-undang. Budaya pematuhan yang dimaksudkan oleh saya adalah apabila sesuatu syarikat mengamalkan pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang kukuh dibentuk agar ketidakpatuhan seperti salah guna dan amalan yang tidak beretika dapat dibendung dan dikurangkan di kalangan pekerja. Namun begitu, sesebuah syarikat juga perlu bijak mengimbangi budaya pematuhan ini dengan kos-kos operasi yang terlibat.

Dengan tujuan untuk meningkatkan tahap pematuhan dan membudayakan pematuhan terhadap undang-undang, SSM telah mengambil inisiatif untuk menawarkan diskaun terhadap kompaun-kompaun yang tertunggak sepanjang September hingga Disember 2015. Berikutan itu sejumlah 256,693 notis kompaun telah dapat diselesaikan iaitu peningkatan sebanyak 22.4% berbanding tahun sebelumnya (2014: 209,664).

Dalam usaha kami untuk mengukuhkan tindakan penguatkuasaan, SSM menerima pakai strategi yang lebih fokus dalam aktiviti pemantauan bagi memastikan tadbir urus korporat dan amalan perniagaan yang beretika diamalkan. Selain daripada itu, penglibatan syarikat dan perniagaan di dalam aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan di Malaysia juga perlu dibendung. Bagi mencapai matlamat ini, SSM telah meningkatkan tindakan penguatkuasaan dari segi pemantauan dan pada masa yang sama membudayakan penguatkuasaan seimbang. Ini bermakna, SSM tidak lupa untuk terus mendidik pihak berkepentingan seperti setiausaha syarikat, pegawai dan pengarah syarikat untuk meningkatkan tahap pemahaman terhadap tugas dan tanggungjawab mereka dalam mencapai pematuhan secara sukarela dan berterusan ini.

Saya percaya orang awam perlu memahami bahawa inisiatif-inisiatif SSM adalah menyeluruh dan berpaksi kepada mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif dan bukan semata-mata untuk mendaftarkan entiti perniagaan di Malaysia sahaja. Bagi tujuan tersebut juga, SSM terus mewujudkan hubungan kerja yang baik dengan media dan stesen radio tempatan bagi

memastikan liputan media meluas dilakukan terhadap pelbagai inisiatif kami.

Menerusi penglibatan dalam pameran di dalam negara dan ekspo di peringkat antarabangsa yang diadakan di Australia, Indonesia, Turki dan Singapura, ianya telah menarik minat yang besar terhadap Malaysia dan peranan yang dimainkan oleh SSM dalam pertumbuhan ekonomi negara. Pada tahun ini, SSM menerima beberapa kunjungan hormat daripada rakan-rakan di dalam dan luar negara serta lawatan sambil belajar pelajar universiti dari seluruh dunia. Ini memberikan peluang kepada SSM untuk memberi penerangan tentang peranan serta produk dan perkhidmatan yang ditawarkan.

Kami di SSM akan sentiasa berusaha untuk penambahbaikan proses kerja walaupun pelbagai kejayaan dan pengiktirafan diberikan. Ini kerana perubahan adalah bersifat berterusan dan kami perlu mengikut perubahan tersebut untuk kekal relevan. Memang diakui, SSM terus meningkatkan prestasinya sejak penubuhan, tetapi kerana peranannya yang meluas, SSM terus menghadapi cabaran untuk memenuhi kehendak pelanggan kerana tekanan dan jangkaan pelbagai pihak juga turut meningkat mengikut kemajuan sosial, ekonomi dan teknologi. Tambahan pula, SSM perlu kekal relevan sebagai pemangkin terhadap pertumbuhan komuniti korporat dalam negara dan membolehkan mereka bersaing dalam persekitaran ekonomi global yang sentiasa berubah.

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, terdapat peningkatan jangkaan terhadap sistem pelaksanaan perkhidmatan awam yang cekap. Sejak SSM ditubuhkan, orang ramai menjadi semakin sedar serta peka mengenai kualiti perkhidmatan yang mereka terima dan pilihan yang ada untuk mereka. Keperluan untuk bertindak balas kepada perubahan teknologi, terutamanya dalam sistem pelaksanaan perkhidmatan awam, telah menyebabkan peningkatan kos operasi di SSM.

Peningkatan kos operasi ini dialami oleh kerana perubahan masa dan peningkatan permintaan daripada pihak berkepentingan bagi perkhidmatan yang lebih berkesan dan telus. Pada masa yang sama, isu-isu berkaitan komuniti perniagaan bertambah rumit dan mereka masih ingin mengekalkan hak-hak sosial masing-masing. Cabaran besar SSM adalah untuk mencari jalan baru bagi memenuhi tuntutan-tuntutan ini tetapi pada masa yang sama mengekalkan keseimbangan antara kekangan had perbelanjaan dan jangkaan pihak awam. Oleh itu, dalam beberapa tahun akan datang, SSM menjangkakan akan menghadapi beberapa cabaran paling sukar sebagai pendaftar dalam persekitaran ekonomi yang berubah dengan pesat di dalam negara dan juga di peringkat global ini.

Tahun 2015 adalah tahun yang penuh dengan ranjau kerana SSM terpaksa menghadapi beberapa cabaran namun masih perlu mengekalkan azam yang kukuh dan tetap fokus. Saya percaya SSM akan terus maju dalam mencapai visi untuk menjadikan Malaysia persekitaran perniagaan yang selamat dan menjadi pilihan untuk menjalankan perniagaan melalui pendaftaran yang berkesan, pembekalan maklumat yang tepat, pengawal seliaan yang efisien dan perkhidmatan nasihat yang bernas.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, Pengerusi dan Anggota Suruhanjaya atas nasihat mereka yang berharga dan tidak ketinggalan juga kepada pihak pengurusan Eksekutif atas usaha dan sokongan mereka yang berterusan. Seterusnya, saya ingin merakamkan penghargaan kepada warga kerja SSM kerana komitmen mereka untuk menjayakan visi SSM serta bersikap responsif terhadap permintaan pihak-pihak berkepentingan. Warga kerja kami adalah aset kami yang paling berharga, dan kerana usaha-usaha mereka inilah, SSM telah berkembang dan muncul sebagai pengawal selia kendiri, pengawal selia korporat berautonomi yang terkenal di dalam negara dan di peringkat antarabangsa.

Saya yakin dengan sokongan pasukan warga kerjanya yang berdedikasi dan berbakat, SSM akan terus menempa kejayaan dalam tahun-tahun mendatang.

DATO' ZAHRAH ABD WAHAB FENNER
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Syarikat Malaysia

ANGGOTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)

ANGGOTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)



1. YBhg. Dato' Zaidon bin Haji Asmuni
2. YB Tuan Abdullah Haji Saidol
3. Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad (Pengerusi)
4. YBhg. Datuk Seri Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee
5. YB Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur



6 YBhg. Dato' Othman bin Semail

7 YBhg. Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner

8 YBhg. Prof. Dato' Dr. Aishah Bidin

9 YB Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz

10 YBhg. Dato' Sri Robin Tan Yeong Ching

YBhg. Dato' Sri Alias Bin Hj. Ahmad

Dato' Sri Alias bin Hj. Ahmad telah dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bermula pada 5 Februari 2014. Beliau memegang ijazah Sarjana Pengajian Strategik dan Pertahanan serta Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Fakulti Sastera dan Sains Sosial, kedua-duanya dari Universiti Malaya. Beliau juga pemegang Diploma Perisikan dan Keselamatan dari Taiwan (Kolej Ketenteraan).

Dato' Sri Alias memulakan kerjaya pada tahun 1982 sebagai Pegawai Tadbir Diplomatik. Beliau pernah menyandang pelbagai jawatan di beberapa buah kementerian dan badan kerajaan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri. Beliau pernah berkhidmat dalam beberapa jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri bermula pada tahun 2003, sebelum dilantik sebagai Ketua Pengarah Imigresen Malaysia pada 15 Oktober 2010. Dato' Sri Alias mula menjalankan tugas sebagai Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pada Februari 2014. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Bank Rakyat.

YBhg. Dato' Zaidon Bin Hj. Asmuni

YBhg. Dato' Zaidon bin Hj. Asmuni, yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Hons) dari Universiti Sains Malaysia telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya bermula 15 Oktober 2014. Beliau memulakan kerjaya sebagai Pegawai Tadbir Diplomatik pada 1981 di Kementerian Dalam Negeri. Beliau telah berkhidmat dalam pelbagai jabatan di Kementerian tersebut. Dato' Zaidon juga pernah berkhidmat sebagai Pengarah Bahagian Pentadbiran Jabatan Imigresen Malaysia, dan sebagai Ketua Pengarah Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA). Beliau seterusnya dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) Kementerian Belia dan Sukan. Dato' Zaidon kini merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

YBhg. Datuk Seri Syed Ali Bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee

YBhg. Datuk Seri Syed Ali bin Syed Abbas Alhabshee telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 16 Januari 2012. Beliau merupakan pemegang Diploma Kepimpinan dan Pengurusan daripada New Zealand Institute of Management, New Zealand. Datuk Seri Syed Ali merupakan Pengerusi Yayasan Pendidikan Cheras dan Pengarah Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan. Di samping itu, beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Tourism Malaysia.

YB Datuk Datu Nasrun Bin Datu Mansur

YB Datuk Datu Nasrun telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya bermula 1 Disember 2013 sehingga 30 November 2015. Beliau merupakan pemegang ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) daripada Universiti Malaya. Beliau merupakan Pengerusi POIC Sabah Sdn. Bhd. dan Naib Yang Dipertua Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA). YB Datuk Datu Nasrun merupakan Ahli Parlimen P.188 Silam.

YBhg. Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner

YBhg. Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Sebelum pelantikan beliau sebagai KPE pada 1 Januari 2015, beliau merupakan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan) [TKPE (Perkhidmatan)] bermula pada 1 Jun 2002. Dato' Zahrah merupakan pemegang Ijazah Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia, ahli majlis Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan merupakan Akauntan Bertauliah. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan, Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia (IRDA) dan juga ahli majlis Institut Akauntan Malaysia (MIA) sejak 16 Julai 2011. Ketika beliau memegang jawatan sebagai TKPE (Perkhidmatan), beliau menerajui Bahagian Sumber Korporat, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Bahagian Akademi Latihan (COMTRAC) dan Seksyen Perhubungan Awam. Dato' Zahrah memulakan kerjayanya sebagai Penasihat Akauntan di Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja antara Ogos 1984 hingga April 1992 selaku penasihat hal ehwal berkaitan penilaian mutu antarabangsa secara praktis di pasaran terbuka. Dato' Zahrah telah menyertai Kementerian Luar Negeri antara Mei 1992 sehingga Julai 1995 di mana beliau bertanggungjawab dalam akaun kewangan dan audit untuk Kedutaan Tinggi Malaysia di seluruh dunia. Kemudiannya beliau telah menyertai Pejabat Pendaftar Syarikat (ROC) pada 1995 sebagai Ketua Akauntan sehingga 16 April 2002. Apabila SSM ditubuhkan hasil daripada penggabungan antara Pejabat Pendaftar Syarikat (ROC) dan Pejabat Pendaftar Perniagaan (ROB), Dato' Zahrah telah dilantik sebagai TKPE (Perkhidmatan) SSM dan beliau telah memegang jawatan tersebut sehingga 2014.

YB Abdullah Hj. Saidol

YB Abdullah Hj. Saidol telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya mulai 2 Januari 2015. Beliau merupakan graduan Undang-Undang dari ITM (UiTM) dan mempunyai 20 tahun pengalaman dalam sektor korporat. Beliau pernah bekerja di Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE) dan Research Institute of Investment Analysis Malaysia (RIAAM). YB Abdullah merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri Semop, Sarawak.

YBhg. Prof. Dato' Dr. Aishah Bidin

Prof. Dato' Dr. Aishah telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya mulai 1 Januari 2011. Beliau adalah seorang Profesor Undang-Undang Korporat dan Insolvensi dan sekarang ini merupakan Dekan Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau adalah undang-undang syarikat dan kewangan korporat, regulasi sekuriti, bankrupsi dan insolvensi. Beliau mula mengajar undang-undang syarikat dan perkongsian bermula pada tahun 1989, dan antara bidang lain yang menjadi tumpuan beliau adalah regulasi alam sekitar dan korporat. Prof. Dato' Dr. Aishah banyak menghasilkan penulisan untuk pelbagai jurnal akademik terbitan Malaysia dan Britain tentang undang-undang syarikat, sekuriti dan insolvensi. Prof. Dato' Dr. Aishah menerima ijazah sarjana muda LLB (Hons) daripada Universiti Malaya, ijazah Sarjana Undang-undang daripada University of Kent dan ijazah Kedoktoran Falsafah Undang-undang daripada University of London.

Prof. Dato' Dr. Aishah pernah menjadi ahli Malaysian Corporate Law Reform Committee (CLRC). Beliau adalah Penasihat Undang-undang UKM Holdings, yang merupakan cabang korporat Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau juga merupakan Pengerusi Panel Penasihat COMTRAC (Akademi Latihan Suruhanjaya Syarikat Malaysia), Anggota Panel Penasihat MLTIC (Malaysian Legal and Tax Information Centre), anggota Lembaga Pengarah Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) dah ahli Lembaga Penasihat Harta Intelek UKM. Prof. Dato' Dr. Aishah juga merupakan Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM).

YBhg. Dato' Othman Bin Semail

Dato' Othman bin Semail berkelulusan Ijazah Sarjana Pengurusan Kewangan dan telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya mulai 2 Januari 2015. Beliau memulakan kerjayanya di dalam perkhidmatan awam pada 1982 sebagai Penolong Pegawai Pertanian di RISDA. Beliau seterusnya telah berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik di Kementerian Perusahaan Utama dan seterusnya di Kementerian Kewangan sehingga sekarang. Dato' Othman merupakan Timbalan Setiausaha Bahagian di Sektor Dasar Perolehan Kerajaan & Akreditasi, Bahagian Perolehan Kerajaan, sebelum dilantik sebagai Setiausaha Bahagian Perolehan Kerajaan.

YB Dato' Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz

YB Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 1 Disember 2015. Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Kejuruteraan Sivil dari University of Tennessee, Amerika Syarikat. Dato' Ikmal Hisham merupakan Pengerusi Mara Incorporated Sdn. Bhd yang merupakan anak syarikat MARA. Beliau juga merupakan Pengarah Urusan Noble Twin (M) Sdn. Bhd. dan TJM Sdn. Bhd, syarikat-syarikat yang menjalankan penjualan kereta nasional & kereta import. Beliau sebelum ini pernah dilantik sebagai Pengarah Bebas Taiping Super Berhad dan OSK Property Holdings Berhad, di samping menjadi Pengerusi Jawatankuasa Audit OSK Property Holdings Berhad selama lebih 4 tahun. Dato' Ikmal Hisham merupakan Ahli Parlimen Tanah Merah sejak 2013.

YBhg. Dato' Sri Robin Tan Yeong Ching

YBhg. Dato' Sri Robin Tan Yeong Ching telah berkhidmat sebagai Anggota Suruhanjaya bermula pada 16 Januari 2014. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dalam jurusan Perakaunan/Undang-Undang daripada University of Southampton, United Kingdom pada tahun 1995.

Beliau telah menyertai Berjaya Group Berhad pada tahun 1995 sebagai seorang Eksekutif sebelum dilantik sebagai Pengurus Besar, Hal Ehwal Korporat pada tahun 1997. Beliau telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Lembaga Berjaya Corporation Berhad (BCorporation) pada 21Disember 2006. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Ketua Pengarah Eksekutif BCorporation pada 1 Januari 2011 dan seterusnya sebagai Pengerusi/Ketua Pengarah Eksekutif BCorporation pada 23 Februari 2012.

Dato' Sri Robin Tan merupakan Pengerusi Berjaya Media Berhad, Sun Media Corporation Sdn. Bhd. dan Informatics Education Ltd, Singapura dan Pengarah Atlan Holdings Bhd., Berjaya Sompo Insurance Berhad, KDE Recreation Berhad dan Berjaya Golf Resort Berhad. Beliau juga merupakan Pengerusi Eksekutif Berjaya Food Berhad. Dato' Sri Robin Tan juga merupakan pengarah di dalam beberapa buah syarikat persendirian yang lain di bawah BCorporation.

ANGGOTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)

Anggota Suruhanjaya dilantik oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sebagaimana yang diperuntukkan oleh seksyen 6 Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001. Anggota Suruhanjaya terdiri daripada pengamal undang-undang, pegawai kanan kerajaan, golongan profesional dan tokoh korporat yang memiliki rekod pencapaian cemerlang. Anggota Suruhanjaya yang mempunyai pengalaman luas dalam pelbagai bidang ini diamanahkan untuk memimpin dan memacu hala tuju SSM. Pada tahun-tahun yang lepas, panduan dan bimbingan yang amat berguna daripada Anggota Suruhanjaya telah membolehkan SSM mencapai kejayaan cemerlang dan menjadi penanda aras dalam sektor korporat.

Anggota Suruhanjaya telah bermesyuarat sebanyak sembilan (9) kali sepanjang tahun 2015 bagi membincangkan pelbagai perkara penting termasuk pelan jangka panjang, inisiatif strategik dan analisis petunjuk prestasi utama (KPI) yang ditetapkan. Anggota Suruhanjaya berpendapat tadbir urus dan amalan terbaik adalah penting untuk dimasukkan ke dalam pelbagai fungsi serta tugas yang dilaksanakan dalam mengawal selia operasi yang dilaksanakan oleh Pengurusan SSM.

Butiran mesyuarat yang diadakan pada tahun 2015 ialah seperti berikut:

Anggota	Mesyuarat Anggota ke 78	Mesyuarat Anggota ke 79	Mesyuarat Anggota ke 80	Mesyuarat Khas 1/2015	Mesyuarat Anggota ke 81	Mesyuarat Anggota ke 82	Mesyuarat Anggota ke 83	Mesyuarat Khas 2/2015	Mesyuarat Anggota ke 84	Jumlah Kehadiran
YBhg. Dato' Sri Alias bin Hj. Ahmad										9/9
YBhg. Datuk Seri Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee										9/9
YBhg. Prof. Dato' Dr. Aishah Bidin										8/9
YB Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur										6/8
YBhg. Dato' Sri Robin Tan Yeong Ching										5/9
YBhg. Dato' Zaidon bin Haji Asmuni										8/9
YB Tuan Abdullah bin Haji Saidol										7/9
YBhg. Dato' Othman bin Semail										8/9
YBhg. Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner										9/9
YB Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz										1/1

Hadir
Tidak Hadir

PENGURUSAN EKSEKUTIF

PENGURUSAN EKSEKUTIF



YBhg. DATO' ZAHRAH ABD WAHAB FENNER
KETUA PENGAWAI EKSEKUTIF

Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner memiliki Ijazah Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan adalah seorang Akauntan Bertauliah.

Beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif SSM pada 1 Januari 2015. Sebelum ini, beliau menyandang jawatan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan) [TKPE (Perkhidmatan)] dari 16 April 2002 hingga 31 Disember 2014. Sebagai TKPE (Perkhidmatan), beliau mengetuai Bahagian Sumber Korporat, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Bahagian Akademi Latihan (COMTRAC) dan Seksyen Perhubungan Awam. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan, Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia (IRDA) serta Ahli Majlis Institut Akauntan Malaysia semenjak 16 Julai 2011.

Beliau memulakan kerjayanya sebagai Penasihat Akauntan di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja antara bulan Ogos 1984 dan April 1992 selaku penasihat hal-ehwal berkaitan penilaian dan piawaian amalan antarabangsa di pasaran terbuka. Beliau menyertai Kementerian Luar Negeri antara bulan Mei 1992 dan Julai 1995, dan bertanggungjawab menyelia akaun kewangan dan audit untuk Kedutaan dan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di seluruh dunia.



KHUZAIRI YAHAYA
TIMBALAN KETUA
PEGAWAI EKSEKUTIF (OPERASI)

Khuzairi Yahaya telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) bermula pada 15 Mac 2015. Beliau bertanggungjawab mengetuai Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran, Bahagian Pembangunan Perniagaan & Pemasaran, Bahagian Polisi & Pembangunan Korporat dan Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi. Beliau juga mengetuai program transformasi SSM. Sebelum ini, beliau memegang portfolio Pengarah, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi SSM semenjak tahun 2010. Khuzairi Yahaya yang berkelulusan Sarjana Muda Sains Pengurusan (Minor dalam MIS), Purdue University, Amerika Syarikat, memulakan kerjayanya di Bahagian Teknologi Maklumat, Suruhanjaya Sekuriti selama 9 tahun, kemudiannya dilantik sebagai Pengurus Besar, Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi pada tahun 2003 dan kemudian Pengarah Audit Dalaman pada tahun 2007.

Rosli Haji Ahmad telah dilantik sebagai Timbalan ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan) berkuatkuasa 15 Mac 2015. Beliau mengetuai Bahagian Sumber Korporat, Bahagian Akademi Latihan (COMTRAC), Seksyen Komunikasi Korporat dan Seksyen Operasi Pejabat Negeri di mana beliau bertanggungjawab menyelia dan memantau 14 buah pejabat negeri dan 4 buah pejabat cawangan. Rosli yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia telah memulakan kerjayanya di Pejabat Pendaftar Syarikat sebagai Penolong Pendaftar Syarikat pada tahun 1985 dan tahun 1990 telah di tempatkan di Pejabat Pendaftar Syarikat Persisiran Cawangan Labuan. Pada tahun 1992 pula, beliau bertugas sebagai Ketua Cawangan, Pejabat Pendaftar Syarikat, Negeri Pahang dan Negeri Melaka. Bertukar ke Pejabat Pendaftar Syarikat, Ibu Pejabat pada tahun 1998 sebagai Ketua Unit, Bahagian Pentadbiran & Kewangan. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa pelaksana penubuhan SSM, Peringkat Kementerian KPDNKK antara tahun 1999 hingga 2002. Kemudiannya pada tahun 2004 hingga 2006 beliau dilantik sebagai Pengarah Negeri SSM Melaka dan Johor. Seterusnya pada tahun 2008 beliau telah dilantik sebagai Pengarah Bahagian Pematuhan dan seterusnya sebagai Pengarah Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran pada 4 Februari 2014.



ROSLI AHMAD
TIMBALAN KETUA
PEGAWAI EKSEKUTIF (PERKHIDMATAN)

Abdul Rasid bin Sudin memperoleh Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dengan Kepujian (LLB)(Hons) pada tahun 1986 dari Universiti Malaya. Beliau telah dilantik sebagai Pengarah Kanan Penguatkuasaan di Pejabat Penguatkuasaan SSM pada 15 April 2014. Beliau bertanggungjawab dalam portfolio aduan, pematuhan, siasatan, litigasi awam dan penasihat undang undang di SSM. Sebelum pelantikan ini, beliau telah berkhidmat dalam pelbagai jawatan sebagai Timbalan Pendakwa Raya di Ibu Pejabat Badan Pencegah Rasuah, Malaysia dari 1986 hingga 1989, Timbalan Pendakwa Raya Sabah di Jabatan Peguam Negara Cawangan Sabah dari tahun 1989 hingga 1991, Timbalan Pendakwa Raya Pahang di Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Pahang dari tahun 1991 hingga 1992, Peguam Persekutuan di Jabatan Hasil Dalam Negeri di Johor Bahru, Johor dari tahun 1992 hingga 1993, Penolong Penasihat Undang-undang Negeri Johor di Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Johor dari tahun 1993 hingga 2000, Peguam Kanan Persekutuan di Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya dari tahun 2000 hingga 2001, Peguam Kanan Persekutuan/Timbalan Pendakwa Raya Sabah di Jabatan Peguam Negara Cawangan Sabah dari tahun 2001 hingga 2004, Ketua Unit Pendakwaan/ Timbalan Pendakwa Raya Johor di Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Johor dari tahun 2004 hingga 2007 dan Penasihat Undang-undang Negeri Perlis di Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Perlis dari tahun 2007 hingga 2013. Seterusnya, dari 1 November 2013 hingga 14 April 2014 beliau bertukar ke Ibu Pejabat Jabatan Bantuan Guaman, Putrajaya sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Sivil).



RASID SUDIN
PENGARAH KANAN
(PENGUATKUASAAN)

PENGURUSAN EKSEKUTIF



NOR AZIMAH ABDUL AZIZ
Pengarah
Bahagian Pembangunan Korporat
& Polisi



AMIR AHMAD
Pengarah
Akademi Latihan Suruhanjaya
Syarikat Malaysia



AZNORASHIQ MOHAMED ZIN
Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran



MUHAMAD FARIS OTHMAN
Pengarah
Bahagian Siasatan



REZY IZWAN RAMLY
Pengarah
Bahagian Pematuhan



KU HAYATI KU HARON
Pengarah
Bahagian Perkhidmatan
Perundangan



AZIZAH ROHANI
Pengarah
Bahagian Teknologi Maklumat
& Komunikasi




ZARINA
ABDUL SAMAD
Pengarah
Bahagian Sumber Korporat




FARID AHMAD
Pengarah
Bahagian Pembangunan
Perniagaan & Pemasaran


CARTA ORGANISASI



SEPINTAS LALU STATISTIK UTAMA SSM



PIAGAM PELANGGAN SSM



PENGGUNA MAKLUMAT e-Info
SSM e-Info Services



UNITED KINGDOM
5,814

AMERIKA SYARIKAT
13,395

INDIA
18,449

SINGAPURA
40,326

AUSTRALIA
5,714

MALAYSIA
1,489,155

CHINA
2,029

HONG KONG
26,397

JEPUN
3,661

FILIPINA
3,722

LAIN-LAIN
46,414

TINJAUAN EKONOMI 2015 DAN ANALISA STATISTIK UTAMA SSM

TINJAUAN EKONOMI 2015 DAN ANALISA STATISTIK UTAMA SSM

Pada tahun 2015, ekonomi dunia mengalami kadar pertumbuhan sederhana dengan sumbangan yang sederhana daripada ekonomi maju dan sebahagian kecilnya daripada pasaran yang sedang pesat membangun dan ekonomi membangun. Aktiviti ekonomi dalam ekonomi maju seperti Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK) akan terus menyokong perkembangan aktiviti ekonomi global; malah terdapat jangkaan pemulihan di kawasan Euro dan Jepun. Dasar kewangan dan fiskal yang menyokong kawasan Euro dan Jepun, kejatuhan harga minyak dan peningkatan keyakinan pengguna serta keadaan pasaran pekerja di AS dan kawasan Euro merupakan antara faktor yang telah menyumbang kepada pertumbuhan dalam ekonomi maju.

Namun, harga minyak dan komoditi yang rendah dijangka akan menjejaskan potensi pertumbuhan pasaran yang sedang pesat membangun dan ekonomi membangun, khususnya pengeksport komoditi manakala pertumbuhan ekonomi China diramalkan perlahan selepas mengalami pengembangan kredit dan pelaburan yang pantas sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Walau bagaimanapun, pertumbuhan yang kukuh dalam kalangan negara ASEAN telah membantu mengurangkan kesan negatif terhadap ekonomi global secara keseluruhan.

Pada tahun 2015, ekonomi global mencatat pertumbuhan kecil dengan peningkatan sebanyak 0.5% kepada 3.1%. Meskipun pertumbuhan global yang sederhana dijangka berterusan sehingga tahun 2016, wujud beberapa risiko pertumbuhan yang lebih perlahan seperti turun naik pasaran modal, penyusutan nilai mata wang dalam pasaran yang sedang pesat membangun dan ekonomi membangun, aliran keluar modal dan kemungkinan peningkatan dalam kadar faedah AS.

Kerjasama erat dengan organisasi serantau dan antarabangsa adalah penting untuk meningkatkan kecekapan pasaran, mengurangkan kesan limpahan negatif dan mengurus risiko besar dalam usaha mencapai pertumbuhan yang mampan dan seimbang. Justeru, Malaysia telah mencapai penyelarasan dasar yang lebih baik dan penyepaduan ekonomi yang lebih meluas dan mendalam melalui kerjasama dengan ekonomi serantau ASEAN dan APEC. Malah, Malaysia telah meraih manfaat daripada khidmat nasihat dan inisiatif pembinaan keupayaan melalui aktiviti dengan organisasi antarabangsa seperti Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF), Kumpulan Bank Dunia (World Bank Group, WBG), Bank Pembangunan Asia (Asian Development Bank) dan Bank Pembangunan Islam (Islamic Development Bank). Pada masa yang sama, Malaysia memudahkan penubuhan Bank Pelaburan Infrastruktur Asia (Asian Infrastructure Investment Bank) sebagai sebahagian daripada usaha menyokong pembangunan infrastruktur di Asia. Untuk menjalin hubungan dua hala, perjanjian perdagangan bebas turut dimeterai dengan matlamat untuk memperkemas peraturan dan undang-undang selain menggalakkan lebih banyak perdagangan dan pelaburan. Usaha ini akan mempercepat pertumbuhan ekonomi Malaysia ke arah matlamat mencapai status negara berpendapatan tinggi.

Sehubungan dengan ini, dalam persekitaran ekonomi yang berubah dengan pantas, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) sentiasa menggalakkan kestabilan ekonomi dan kewangan global. Selain itu, IMF turut bekerjasama dengan Malaysia untuk menyediakan bantuan teknikal (technical assistance, TA) dan latihan bagi pembinaan keupayaan sektor awam dalam beberapa bidang seperti Cukai Barangan dan Perkhidmatan (Goods and Services Tax, GST), Belanjawan Berasaskan Hasil (Outcome-Based Budgeting) dan pembinaan keupayaan dalam Analisis dan Ramalan Fiskal (Fiscal Analysis and Forecasting). Disamping itu, IMF dan Malaysia telah menyempurnakan Alat Penilaian Diagnostik Pentadbiran Cukai (Tax Administration Diagnostic Assessment Tool, TADAT) pada bulan Ogos 2015 untuk membolehkan penilaian yang objektif terhadap kekuatan dan kelemahan sistem pentadbiran cukai Malaysia yang merangkumi cukai teras termasuk cukai korporat, cukai pendapatan perseorangan dan cukai barang dan perkhidmatan(GST).

Pada tahun 2015, ekonomi global berdepan beberapa cabaran seperti kelembapan mendadak di beberapa

ekonomi yang sedang membangun, penurunan harga komoditi yang mendadak dan berpanjangan, ketidakstabilan dalam pasaran kewangan serta normalisasi dasar kewangan di AS. Semua faktor-faktor ini merupakan sebahagian daripada risiko negatif yang perlu ditangani negara. Berdasarkan tahap keterbukaan ekonomi dan sistem kewangan Malaysia yang tinggi, penting bagi Malaysia untuk menguruskan ekonomi makronya dengan baik. Ini boleh dilakukan dengan memberikan penekanan kepada usaha mengurus impak kerentanan luaran, mengukuhkan daya tahan ekonomi dan menjaga kesejahteraan rakyat oleh kerana ekonomi tidak dapat dilindungi sepenuhnya daripada unsur-unsur negatif.

Inisiatif transformasi dan langkah pencegahan berterusan yang dilaksanakan oleh Kerajaan telah dapat mengurangkan sedikit kesan permintaan luaran yang lemah terhadap ekonomi domestik sekali gus membolehkan ekonomi mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 5% pada tahun 2015 (2014: 6%) meskipun berdepan prospek ekonomi global yang suram. Pertumbuhan ini disokong oleh permintaan domestik yang kukuh dan disokong oleh pelaburan serta penggunaan swasta. Kemajuan projek sedia ada yang sedang dilaksanakan dan projek pelaburan baharu dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan, terutamanya dalam industri berorientasikan eksport, menyumbang secara positif kepada pertumbuhan dalam tahun semasa.

Sektor awam terus memberikan sokongan walaupun beberapa langkah telah dilaksanakan untuk mengurangkan defisit fiskal dan memperkenalkan langkah penjimatan kos terhadap perbelanjaan pelbagai oleh sektor awam. Pertumbuhan penggunaan awam yang mampan dapat diperhatikan pada tahun 2015. Pelaburan awam meningkat berikutan perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh syarikat awam dan sektor awam.

Pada tahun 2015, perdagangan luar mencatat lebihan dagangan berikutan sokongan keluaran perkilangan dan komoditi serta sektor luaran yang kekal berdaya tahan sepanjang tahun.

Permintaan dalam negeri menyokong pertumbuhan ekonomi walaupun mencatat purata pertumbuhan 5.1% (2014: 5.9%). Kadar pertumbuhan yang lebih rendah ini disebabkan oleh pertumbuhan yang perlahan dalam sektor swasta manakala perbelanjaan sektor awam menunjukkan peningkatan yang sedikit berikutan pengurangan di dalam pelaburan awam.

Sementara itu, peningkatan kos sara hidup susulan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), kejatuhan nilai Ringgit dan kenaikan harga barangan isi rumah menyebabkan isi rumah membuat penyesuaian dalam perbelanjaan mereka. Justeru, penggunaan swasta berkembang sederhana pada kadar 6.0% (2014: 7.0%) pada tahun 2015.

Penggunaan awam menunjukkan penurunan sedikit iaitu sebanyak 0.1% kepada 4.3% (2014: 4.4%) berikutan usaha pengurangan kos dalam sektor awam yang membawa kepada perbelanjaan yang lebih rendah dalam sektor awam. Walau bagaimanapun, jumlah perbelanjaan bagi bekalan dan perkhidmatan adalah lebih tinggi pada tahun 2015, disokong oleh penyelenggaraan dan komunikasi serta utiliti.

Walau bagaimanapun, pelaburan swasta mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan iaitu sebanyak 6.4% (2014: 11.0%), berikutan sentimen perniagaan yang sederhana. Meskipun pelaburan sederhana dicatatkan dalam penerokaan minyak dan gas pada tahun 2015, pelaburan dalam aktiviti hiliran kekal memberangsangkan seperti yang ditunjukkan oleh pengembangan keupayaan dalam kemudahan pengeluaran petrokimia dan penyimpanan minyak. Prestasi pelaburan secara keseluruhannya terus disokong oleh kemajuan projek yang baharu dan yang sedang dilaksanakan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Pelaburan swasta dalam sektor pembuatan (24%) terus berkembang, disokong oleh industri berorientasikan eksport yang meraih manfaat daripada permintaan terhadap barang yang dikilangkan. Dalam sektor perkhidmatan, 51% daripada pelaburan swasta disokong oleh perbelanjaan modal dalam perkhidmatan logistik, pengangkutan dan penyimpanan serta subsektor yang berkaitan dengan pelancongan.

Pelaburan awam mencatat peningkatan kecil pada akhir tahun 2015 susulan perbelanjaan yang lebih tinggi oleh syarikat awam dan sektor awam berikutan beberapa projek besar yang dijalankan oleh syarikat awam pada awal tahun tersebut yang hampir siap. Hasilnya,

pelaburan awam pulih sedikit kepada -1.0% (2014: -4.7%) dan sebahagian besar daripada perbelanjaan pembangunan oleh sektor awam telah dihalakan ke sektor ekonomi untuk meningkatkan daya saing dan keupayaan produktif ekonomi. Projek penting yang melibatkan pembinaan infrastruktur pengangkutan dan kerja naik taraf kemudahan diberikan keutamaan untuk merangsang aktiviti perdagangan dan ekonomi, terutamanya di koridor ekonomi serantau.

Demikian juga, untuk merangsang sektor perkhidmatan sosial, perbelanjaan modal telah diberikan keutamaan untuk meningkatkan dan menambah baik perkhidmatan penting seperti perkhidmatan pendidikan dan perumahan. Syarikat awam terus melaksanakan aktiviti ekonomi yang memerlukan perbelanjaan modal untuk mengembangkan dan mempelbagaikan aktiviti perniagaan mereka, khususnya dalam sektor minyak dan gas, pengangkutan dan subsektor utiliti, sekali gus memberikan sokongan kepada ekonomi secara keseluruhan.

Sektor luar Malaysia terus berdaya tahan meskipun terdapat ketidakpastian dalam persekitaran ekonomi global. Defisit yang lebih besar dalam akaun perkhidmatan dan pendapatan sekunder mengurangkan lebihan akaun semasa tetapi terus disokong oleh lebihan dagangan yang memberangsangkan. Pada tahun 2015, perdagangan luar menunjukkan trend yang berbeza dengan permintaan yang rendah bagi komoditi dan penurunan harga komoditi yang menyebabkan penurunan eksport kasar Malaysia sebanyak 3.1% pada separuh pertama tahun ini. Seterusnya, pertumbuhan eksport meningkat semula kepada 6.8% berikutan permintaan yang lebih tinggi bagi keluaran barang perkilangan dan komoditi serta kesan menggalakkan akibat kejatuhan nilai Ringgit pada separuh kedua tahun ini.

Ekonomi global dijangka berkembang pada kadar yang sederhana pada tahun 2016 tetapi masih terdedah kepada risiko negatif disebabkan ketidakpastian dalam harga komoditi global dan pelarasan pasaran kewangan yang tidak dijangka. Pertumbuhan dalam ekonomi negara maju dijangka berterusan pada kadar yang perlahan dan tidak seimbang manakala ekonomi yang sedang pesat membangun dijangka pulih daripada tekanan negatif permintaan luar yang dialami pada tahun 2015.

Landskap ekonomi dan kewangan antarabangsa akan kekal mencabar dan ini akan memberikan impak yang besar terhadap prospek ekonomi Malaysia bagi tahun 2016. Daya tahan pertumbuhan ekonomi global dan pergerakan harga minyak global akan bertindak sebagai penunjuk penting terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia. Walau bagaimanapun, Malaysia akan berdepan cabaran ini dengan kedudukan yang kukuh serta disokong oleh pelbagai struktur sedia ada, asas yang mantap dan dasar fleksibel yang dipacu oleh permintaan dalam negara yang teguh. Justeru, pertumbuhan ekonomi Malaysia pada 2016 dijangka kekal positif pada purata 4.5%.

PENDAFTARAN PERNIAGAAN

Pada tahun 2015, pendaftaran perniagaan baharu mencatat peningkatan yang mendadak sebanyak 9.5%, iaitu meningkat kepada 364,230 berbanding dengan 332,723 pada tahun 2014. Ini melonjakkan jumlah keseluruhan perniagaan yang berdaftar dengan SSM setakat ini kepada 5,998,331. Pencapaian ini disebabkan terutamanya oleh program *outreach* yang dijalankan secara berterusan seperti Karnival Rangkaian Usahawan Dalam Talian (Carnival Online Networking Entrepreneur, SSM ONE), Lawatan SSM (SSM Walkabout) dan beberapa aktiviti lain. Peningkatan mendadak ini mencetuskan dorongan kepada SSM untuk melaksanakan pelbagai inisiatif lain seperti membesarkan pejabat UTCKL untuk meningkatkan tahap keselesaan pada bilangan pelawat yang meningkat dan berminat untuk mendaftarkan perniagaan dan pengenalan sistem ezBiz untuk memudahkan proses pembaharuan perniagaan. Selain itu, pemerhatian lanjut menunjukkan komuniti perniagaan di Malaysia kini beralih daripada kaedah tradisional dalam menjalankan perniagaan kepada kaedah dalam talian. Menurut kaji selidik yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia baru-baru ini, 15.3% daripada isi rumah di Malaysia atau kira-kira 4.8 juta rakyat Malaysia menggunakan e-dagang untuk membeli atau memesan barangan dan perkhidmatan. Pada masa yang sama, 28,136 perniagaan di Malaysia didaftarkan dengan tujuan untuk menawarkan jualan pelbagai jenis produk melalui Internet. Ini jelas menunjukkan bahawa komuniti perniagaan cepat menyesuaikan diri dengan perubahan pemasaran berdasarkan permintaan pengguna.


Pendaftaran Perniagaan

Transaksi	2015	2014	2013
Pendaftaran Baharu	364,230	332,723	329,895

PEMERBADANAN SYARIKAT

Transaksi	2015	2014	2013
Pemerbadanan Baharu	46,599	49,203	46,321

Ekonomi global berkembang pada kadar yang sederhana sebanyak 2.8% dengan peningkatan 0.2% berbanding dengan pertumbuhan pada tahun sebelumnya. Walaupun menerima impak daripada faktor persekitaran luar kawalan, krisis kewangan global yang berpanjangan dan ditambah dengan penurunan mendadak harga minyak pada tahun 2015, ekonomi Malaysia mencatat prestasi yang memberangsangkan, dengan catatan pertumbuhan sebanyak 5% pada tahun 2015 (2014: 6%). Pencapaian ekonomi yang positif telah diperkukuhkan oleh asas makroekonomi yang teguh, struktur ekonomi yang pelbagai serta sistem kewangan yang mantap.



PERTUMBUHAN GDP MALAYSIA

5%

Pertumbuhan yang memberangsangkan ini disokong oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan dan diperteguh oleh pemulihan yang kukuh dalam eksport. Kejatuhan Ringgit berbanding mata wang utama seperti dolar AS dan Euro telah menjadikan barangan dan perkhidmatan negara lebih menarik, justeru meningkatkan kadar eksport negara. Rangsangan ekonomi telah diambilkira dalam memastikan bahawa:

(i) ekonomi terus mengekalkan momentum pertumbuhan yang kukuh;
(ii) pengukuhan kewangan awam;
(iii) mengukuhkan modal insan; dan
(iv) menggiatkan pembangunan bandar dan luar bandar.

Beberapa strategi telah digariskan berserta beberapa program dan projek telah dilaksanakan untuk merancakkan semula aktiviti ekonomi dalam sektor perkhidmatan selain menarik pelaburan ke koridor pertumbuhan wilayah seperti Iskandar Malaysia, Projek Pembangunan Koridor Utara di bawah Wilayah Ekonomi Koridor Utara (Northern Corridor Economic Region, NCER), Projek Pembangunan Pantai Timur di bawah Wilayah Ekonomi Pantai Timur (East Coast Economic Region, ECER), Projek Pembangunan Sabah di bawah Koridor Pembangunan Sabah (Sabah Development Corridor, SDC) dan Projek Pembangunan Sarawak Tengah di bawah Koridor Tenaga Boleh Dibaharui Sarawak (Sarawak Corridor of Renewable Energy, SCORE).



Menyedari pentingnya peranan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dalam ekonomi, IKS digalakkan untuk meningkatkan nilai melalui langkah peningkatan produktiviti. Sebanyak RM110 juta telah diperuntukkan di bawah Pinjaman Mudah untuk Program IKS dan Lean Transformation Programme. Program ini bertujuan membantu IKS dengan teknik dan pendekatan praktikal kepada pengurangan kos dan meningkatkan produktiviti. Selain inisiatif pembangunan, dana latihan untuk industri khusus seperti multimedia kreatif, pelancongan, robotik, jentera dan pembuatan juga telah diperuntukkan.

Di samping itu, pelbagai inisiatif seperti pelaksanaan program dan projek yang berterusan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) dipadukan dengan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah menghasilkan kesan positif terhadap ekonomi yang ketara seperti peningkatan bilangan syarikat yang diperbadankan pada tahun 2015.

Bilangan syarikat yang diperbadankan pada tahun 2015 ialah 46,599 (2014:49,203) yang mencakup 46,542

Syarikat yang diperbadankan menurut kategori sektor berdasarkan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia 2008 (MSIC 2008) untuk tahun 2015



syarikat tempatan (2014:49,144) dan 57 syarikat asing (2014:59). Ini menunjukkan penurunan sebanyak 5.3% daripada jumlah bilangan syarikat yang diperbadankan pada tahun sebelumnya dan penurunan sebanyak 3.4% bagi syarikat asing yang diperbadankan berbanding tahun sebelumnya.

Berikutan penguatkuasaan SSM yang ketat terhadap ketidakpatuhan peruntukan Akta Syarikat 1965 serta langkah penjimatan kos yang dilaksanakan oleh sektor korporat, pemerbadanan syarikat hanya akan dilakukan apabila perlu. Kewujudan Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) sebagai alternatif bagi entiti perniagaan juga menyebabkan kebanyakan perkongsian memilih untuk menubuhkan PLT bagi menjalankan operasi perniagaan mereka berbanding syarikat.

PEMERBADANAN SYARIKAT MENGIKUT SEKTOR

Sektor Perkhidmatan

Pada tahun 2015, sektor perkhidmatan menikmati kadar pertumbuhan sebanyak 2.8% dan menyumbang 53.5% kepada KDNK. Walau bagaimanapun, jumlah syarikat dalam sektor ini mengalami penurunan yang ketara iaitu 10.8% kepada 24,540 (2014:27,514). Meskipun berlaku penurunan dalam pemerbadanan syarikat baharu, sektor perkhidmatan telah berkembang pada kadar yang sederhana iaitu sebanyak 5.1% (2014: 6.3%).

Sektor perkhidmatan mencakup pendidikan, 669 (2014: 579), aktiviti hartanah, 2,908 (2014:3,284), kewangan dan insurans/takaful 1,745 (2014:2,014), maklumat dan komunikasi 2,062 (2014:1,942), penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan, 2844 (2014:2,671), perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan motor dan motosikal, 13,533 (2014:16,089) dan aktiviti perkhidmatan lain, 779 (2014:935).

Pada tahun 2015, pertumbuhan sektor perkhidmatan terjejas berikutan pertumbuhan yang sederhana dalam subsektor berkaitan kepenggunaan di samping penyusutan dalam subsektor kewangan dan insurans. Pertumbuhan dalam subsektor berkaitan kepenggunaan, khususnya dalam segmen runcit dan kenderaan bermotor, menurun seiring dengan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam perbelanjaan isi rumah. Subsektor kewangan dan insurans mencatat penurunan minima, disebabkan oleh pendapatan berasaskan fi yang lebih

rendah susulan aktiviti pasaran modal yang lebih lemah dan pertumbuhan premium insurans yang lebih rendah pada tahun 2015. Sebaliknya, subsektor maklumat dan komunikasi kekal kukuh, didorong oleh permintaan untuk perkhidmatan komunikasi data dan peranti yang kukuh. Pertumbuhan ini turut disokong oleh prestasi yang lebih baik daripada segmen borong dan subsektor pengangkutan dan penyimpanan yang menjana manfaat daripada peningkatan aktiviti berkaitan dagangan.

Pengenalan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada April 2015 telah memberi kesan terhadap perkhidmatan penginapan dan makanan serta subsektor industri pembaikan kenderaan bermotor. Industri pembaikan kenderaan bermotor juga terpaksa berdepan dengan turun naik nilai Ringgit yang telah mempengaruhi harga alat ganti dan komponen yang merupakan kos input utama bagi subsektor tersebut. Manakala pengenalan GST terhadap barangan makanan yang diproses dan makanan gourmet telah menyebabkan pertumbuhan yang sederhana dalam perbelanjaan makanan berkaitan dengan pengguna. Keadaan ini menjadi lebih kritikal kerana kebanyakan barangan makanan adalah diimport dan terdedah kepada risiko kadar pertukaran mata wang asing yang berubah-ubah.

Sektor perkhidmatan akan terus berkembang pada tahun 2016 namun pada kadar yang lebih sederhana. Pertumbuhan dalam subsektor berkaitan kepenggunaan seperti perdagangan runcit, makanan dan minuman serta penginapan dijangka sederhana seiring dengan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam penggunaan swasta. Sebaliknya, subsektor maklumat dan komunikasi dijangka mencatat pertumbuhan kukuh kerana permintaan untuk perkhidmatan komunikasi data kekal teguh. Subsektor pengangkutan dan penyimpanan akan terus berkembang berikutan manfaat yang diperolehi menerusi aktiviti perdagangan yang lebih tinggi. Prestasi subsektor kewangan dan insurans dijangka kekal lemah, selari dengan pertumbuhan pinjaman yang lebih sederhana dan aktiviti pasaran modal yang lebih perlahan berikutan ramalan perdagangan yang lebih rendah.

Sektor Pertanian

Secara keseluruhan, pada tahun 2015, Sektor Pertanian di Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang sederhana sebanyak 1% (2014: 2.6%) dengan bilangan syarikat yang diperbadankan di sektor ini berkurangan kepada 1,404 pada tahun ini (2014: 1,424).

Banjir berskala besar di Semenanjung Malaysia yang disusuli kemarau pada pertengahan tahun telah memberikan kesan yang ketara terhadap hasil pengeluaran pertanian. Penurunan yang minima ini disebabkan terutamanya oleh harga komoditi yang lebih rendah serta tempoh yang diperlukan bagi ladang seperti kelapa sawit untuk menjana pendapatan adalah panjang.

Sektor pertanian terdedah kepada kekurangan tenaga buruh akibat kebergantungan yang tinggi terhadap pekerja asing. Keengganan tenaga buruh tempatan menyertai bidang pertanian berikutan daya tarikan yang tinggi dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan telah menyebabkan kebergantungan sektor pertanian kepada pekerja asing mencapai tahap kritikal. Kelapa sawit yang merupakan subsektor pertanian terbesar memerlukan tenaga kerja yang banyak memandangkan kurangnya prospek penjenteraan bagi sektor ini. Selain itu, pelaksanaan dasar gaji minimum semasa bagi pekerja tempatan dan pekerja asing turut memberikan kesan yang besar terhadap subsektor seperti kelapa sawit dan getah. Oleh yang demikian, produktiviti dalam sektor pertanian hanya mencakup 38% daripada sektor pembuatan. Kos pentadbiran terutamanya untuk melunaskan gaji tenaga buruh akan meningkat jika gaji minimum tidak setara dengan peningkatan produktiviti pekerja.

Inisiatif seperti penubuhan Majlis Makanan dan Industri Asas Tani untuk Eksport (Food and Agro Council for Export, FACE) dijangka meningkatkan eksport dan pengeluaran buah-buahan berikutan kadar pertukaran Ringgit yang lebih baik.

Pengeluaran pertanian terutamanya dalam sektor komoditi dijangka mencatat penurunan pada tahun 2016. Ini disebabkan terutamanya oleh hasil minyak sawit yang lebih rendah susulan keadaan cuaca panas dan kering akibat fenomena cuaca *El Nino* yang teruk dan permintaan yang lembap terhadap komoditi secara berterusan.

Sektor Perlombongan

Pada tahun 2015, bilangan syarikat baharu yang diperbadankan dalam sektor ini ialah 936 (2014:1,133), iaitu penurunan sebanyak 17.4%. Walau bagaimanapun, sektor perlombongan mencatat kadar pertumbuhan sebanyak 4.7% (2014:3.1%) dalam ekonomi Malaysia pada tahun 2015. Ini didorong oleh peningkatan pengeluaran minyak mentah dan gas asli, selain permulaan pengeluaran minyak dari pelantar minyak

yang baharu di Sabah, terutamanya pada separuh kedua tahun tersebut.

Sektor perlombongan berkembang pada tahun 2015 yang disokong oleh peningkatan pengeluaran gas asli ketika pengeluaran minyak mentah adalah pada tahap sederhana. Pada tahun 2015, pengeluaran minyak mentah meningkat berikutan pengoperasian Lapangan Pembangunan Gumusut-Kakap Deepwater. Apabila pengeluaran minyak bermula sejak suku keempat tahun 2015, kerja pembinaan *Gas Injection Facilities* turut dimulakan pada tahun yang sama.

Tiada pelantar dan telaga minyak baharu dijangka diterokai memandangkan terdapat lebihan bekalan minyak mentah global yang murah pada masa ini selain pengurangan belanjawan yang besar dalam penerokaan dan pembinaan telaga minyak serta kemudahan penapisan oleh industri.

Sektor Pembinaan

Pada tahun 2015, sektor pembinaan berkembang pada kadar sederhana iaitu sebanyak 8.2% (2014: 11.6%), disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih perlahan dalam subsektor kediaman. Aktiviti pembinaan dalam subsektor kediaman terjejas berikutan pelancaran hartanah yang kurang pada tahun tersebut. Walau bagaimanapun, pertumbuhan dalam subsektor kejuruteraan awam yang meningkat menggambarkan kemajuan projek infrastruktur sedia ada di samping permulaan projek petrokimia yang besar di Johor. Pertumbuhan dalam sektor pembinaan turut disokong oleh subsektor bukan kediaman, yang disokong oleh projek-projek dalam segmen hartanah industri dan komersial.

Pertumbuhan yang pesat dalam subsektor kediaman adalah disebabkan kemajuan yang berterusan dalam projek perumahan mewah di Johor, Lembah Klang dan Pulau Pinang, manakala aktiviti pembinaan dalam subsektor bukan kediaman disokong oleh projek-projek komersial dan industri. Subsektor kejuruteraan awam memberi sokongan tambahan bagi sektor ini menerusi projek infrastruktur sedia ada dan yang baharu.

Walaupun subsektor kediaman terus berkembang, wujud jurang penawaran yang ketara bagi perumahan mampu milik untuk pembeli rumah kali pertama atau golongan yang berpendapatan sederhana. Ini menyebabkan paradoks di mana hartanah mewah seperti pangsapuri servis atau rumah yang dibeli bagi tujuan pelaburan dan sewaan kepada ekspatriat tidak dapat dijual dan disewakan. Disebabkan spekulasi dan permintaan yang berterusan, kediaman ini tidak dapat dibeli oleh pembeli rumah yang biasa. Sektor ini berdepan risiko negatif akibat penawaran kondominium mewah yang berlebihan.

Terdapat sejumlah besar hartanah komersial dan industri yang telah memasuki pasaran di hab komersial di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang sedangkan keadaan ekonomi global yang meleset ini menyebabkan banyak syarikat menghentikan operasi masing-masing.

Faktor ini mewujudkan ketidakseimbangan dalam sektor pembinaan kerana pada masa ini terdapat lebihan penawaran ruang komersial serta perumahan mewah termasuk kondominium di bandar-bandar utama tetapi kekurangan yang ketara bagi perumahan mampu milik. Meskipun sektor pembinaan berkait rapat dengan pemaju, sektor ini masih belum dapat menyesuaikan ciri penawaran memandangkan fokusnya adalah kepada permintaan daripada pembeli dari luar negara dan bagi projek perumahan berstatus premium sahaja.

Pertumbuhan dalam subsektor kejuruteraan awam tidak menunjukkan kelembapan yang ketara meskipun beberapa projek utama seperti Mass Rapid Transit (MRT) telah hampir siap. MRT dijangka akan memulakan operasi pada pertengahan 2016 iaitu setelah ujian peringkat akhir dan kemasan dalaman di stesen selesai. Walaupun terdapat sekatan dan pengurangan belanjawan, projek seperti MRT2 (RM23 bilion), LRT3 (RM9 bilion), Lebuh Raya Pan-Borneo (RM27 bilion) dan Lebuh Raya Pantai Barat (RM5 bilion) dijangka akan tetap dilaksanakan tetapi secara berperingkat. Projek lebuh raya utama lain yang telah dimulakan pembinaannya atau dalam peringkat akhir kajian kebolehlaksanaan termasuklah Lebuh Raya Lembah Klang Timur (RM1.6 bilion), Lebuh Raya Damansara-Shah Alam (RM4.2 bilion), Lebuh Raya Sungai Besi-Ulu Klang (RM5.3 bilion) dan naik taraf landasan kereta api Pantai Timur (RM150 juta). Projek kejuruteraan awam yang sedang berterusan, khususnya aktiviti yang berkaitan dengan minyak dan gas (O&G) serta pengembangan stesen kuasa elektrik dan talian penghantaran serta pencawang dan tempat pensuisan (switching yard), akan memberi sumbangan

ketara kepada subsektor kejuruteraan awam. Ini termasuk pembangunan projek Floating Liquefied Natural Gas1 (FLNG 1) dan projek Sabah Ammonia - Urea Plant (SAMUR) serta loji kuasa elektrik di Manjung dan Seberang Prai. Selain itu, projek-projek berterusan seperti peluasan Light Rail Transit (LRT), projek peluasan bekalan air bersih dan pemanjangan bekalan elektrik ke kawasan luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak serta pembesaran Pelabuhan Kuantan, sambungan Lebuh Raya Damansara ke Ulu Klang (DUKE) dan pembinaan Lebuh Raya Pantai Barat dan Central Spine Road dari Bentong ke Kuala Krai akan merangsang pertumbuhan dalam subsektor. Semua projek ini telah menghasilkan peningkatan bilangan syarikat kepada 4,410 (2014: 4,025) yang mencerminkan peningkatan 9.6% dalam bilangan syarikat-syarikat yang diperbadankan dalam sektor ini.

Momentum pertumbuhan dalam sektor pembinaan dijangka perlahan sedikit pada tahun 2016. Dalam subsektor kediaman, pengembangan dijangka kekal sederhana berikutan kelulusan pinjaman perumahan dan pelancaran hartanah yang lemah. Prestasi dalam subsektor bukan kediaman dijangka lebih perlahan berikutan aktiviti pembinaan yang lebih perlahan dalam segmen hartanah industri dan komersial. Walau bagaimanapun, prestasi keseluruhan sektor pembinaan akan disokong oleh projek jangka panjang kejuruteraan awam yang baharu dan sedia ada, khususnya dalam segmen pengangkutan dan petrokimia.

Sektor Pembuatan

Pada tahun 2015, sektor pembuatan berkembang sebanyak 4.9% (2014: 6.2%), terutamanya disebabkan oleh kekukuhan yang berterusan dalam industri berorientasikan eksport. Prestasi industri berorientasikan eksport dipacu terutamanya oleh pertumbuhan pengeluaran yang kukuh dalam kumpulan elektronik dan elektrik (E&E), khususnya dalam segmen elektrik berasaskan pengguna dan komponen semikonduktor tertentu. Pertumbuhan ini turut disokong terutamanya oleh permintaan serantau yang berterusan terhadap produk kimia. Walau bagaimanapun, industri berorientasikan dalam negeri meningkat pada kadar yang sederhana terutamanya disebabkan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam kelompok berkaitan pengguna.

Sektor pembuatan dijangka terus berkembang pada kadar yang lebih cepat berikutan peningkatan eksport barangan elektrik dan elektronik (E&E) susulan permintaan luar negeri yang bertambah baik yang didorong oleh kejatuhan nilai Ringgit berbanding mata wang utama. Jualan dan eksport komputer peribadi dan bahagian yang berkaitan kembali pulih, disokong oleh permintaan global yang semakin baik dan penurunan kos memegang inventori. Pada tahun 2015, sebanyak 5,580 syarikat telah diperbadankan dalam sektor ini (2014: 5,967) iaitu pengurangan sebanyak 6.5% berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 19.9% dalam pemerbadanan syarikat pada tahun 2014.

Prestasi kukuh dalam sektor ini dari segi sumbangan kepada KDNK disokong oleh pengeluaran yang lebih tinggi dari eksport dan industri penggunaan domestik. Industri perkhidmatan pasaran domestik adalah termasuklah peralatan pengangkutan, makanan dan minuman. Industri eksport pula termasuklah produk elektrik dan elektronik, tekstil, pakaian, barangan kulit dan kasut. Industri berkaitan eksport dalam sektor ini telah dapat bersaing di peringkat global dari kedudukan yang lebih baik terutamanya dalam barangan pengguna yang sensitif terhadap naik turun harga penawarannya.

PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD

Transaksi	2015	2014
Pendaftaran Baru	2,968	2,304

Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 berkuat kuasa pada bulan Februari 2013 dan sehingga 31 Disember 2015, jumlah perkongsian liabiliti terhad (PLT) yang didaftarkan ialah sebanyak 6,712. Daripada jumlah itu, 88 buah PLT adalah pendaftaran baharu hasil daripada pertukaran perniagaan perkongsian di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (ROBA 1956), manakala 39 buah PLT lagi ialah pertukaran daripada syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 (CA 1965). Pada tahun 2015, jumlah PLT yang didaftarkan ialah 2,968 (2014:2,304) iaitu peningkatan sebanyak 28.8%. Pendaftaran PLT dijangka meningkat pada masa akan datang kerana ciri unik PLT iaitu penggabungan diantara unsur perkongsian konvensional dan syarikat liabiliti terhad.

SKIM KEPENTINGAN

Pada tahun 2015, sebanyak sepuluh permohonan telah diterima untuk mengendalikan skim kepentingan dengan tiga permohonan telah diluluskan dan didaftarkan. Jumlah skim yang didaftarkan pada tahun 2015 ialah 4 skim (termasuk satu skim yang diluluskan pada tahun 2014 tetapi hanya memenuhi syarat pendaftaran pada tahun 2015). Empat skim yang didaftarkan termasuk dalam kategori berikut: Skim Taman Peringatan dan Kelab Golf dan Rekreasi.

Pada tahun 2015, SSM telah menolak dua permohonan untuk menubuhkan skim di bawah kategori Taman Peringatan (1 permohonan) dan Skim Kongsi Tani (1 permohonan) kerana pemohon tidak memenuhi terma dan syarat bagi skim kepentingan dan/atau selepas mengambil kira kepentingan awam. Satu lagi permohonan untuk skim taman peringatan telah dikaji dan sedang dalam proses untuk memenuhi syarat-syarat kelulusan. Permohonan ini beserta empat permohonan lain yang diterima pada akhir tahun 2015 akan dibawa ke tahun 2016 untuk dipertimbangkan.

Sehingga 31 Disember 2015, bilangan skim kepentingan yang berdaftar telah meningkat kepada 199 skim.

Kategori	2015	2014	2013
Kelab Golf dan Rekreasi	72	71	71
Bilangan Kelab	22	19	19
Kelab Rekreasi	34	34	34
Perkongsian Masa	27	27	27
Marina	9	9	9
Taman Peringatan	12	9	8
Kongsi Tani	10	10	10
Peralatan	3	3	2
Hartanah	10	10	10
JUMLAH	**199**	**192**	**190**

PENGGULUNGAN DAN PEMBATALAN NAMA PADA DAFTAR SYARIKAT

Tahun	2015	2014	2013
Penggulungan Syarikat	2,363	1,744	2,581
Pembatalan Nama (Seksyen 308)	30,643	29,180	23,849

Tahun 2015 telah mencatatkan peningkatan syarikat yang digulung iaitu sebanyak 35.5% kepada 2,363 syarikat berbanding dengan 1,744 pada tahun 2014. Dari jumlah tersebut, sebanyak 2,107 buah syarikat melalui penggulungan secara sukarela oleh ahli-ahli dan pemiutang, manakala selebihnya penggulungan oleh perintah mahkamah.

Sementara itu, bilangan syarikat yang dibubarkan melalui proses pembatalan nama syarikat meningkat daripada 29,180 pada tahun 2014 kepada 30,643 pada tahun 2015, iaitu peningkatan sebanyak 28.5%. Sejumlah 8,996 permohonan pembatalan nama telah diterima manakala selebihnya ialah usaha SSM untuk membatalkan nama syarikat daripada daftar SSM. Usaha SSM yang berterusan untuk mewujudkan kesedaran di kalangan pengarah korporat untuk membatalkan nama syarikat yang dorman telah membuahkan hasil dengan peningkatan bilangan syarikat yang dibatalkan.



PENAMATAN PERNIAGAAN

Jumlah perniagaan yang ditamatkan pada tahun 2015, meningkat sebanyak 31.5% kepada 35,450 (2014: 26,966). Data yang dikumpulkan oleh SSM menunjukkan bahawa purata bilangan perniagaan yang ditamatkan setiap tahun untuk tiga tahun terakhir ialah sebanyak 26,859 (2014: 21,800), dan ini menunjukkan peningkatan 23.2% bagi bilangan penamatan melibatkan perniagaan kecil. Walaupun terdapat peningkatan dalam bilangan penamatan perniagaan, kesannya terhadap sektor perniagaan tidak begitu ketara kerana terdapat peningkatan sebanyak 364,230 perniagaan baharu yang didaftarkan pada tahun 2015.

LAPORAN PENGURUSAN

LAPORAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Sejajar dengan komitmen untuk menjadi "Pendaftar Bertaraf Dunia", SSM melaksanakan prakarsa berterusan untuk mencapai kecemerlangan dalam penyampaian perkhidmatannya. Justeru, pelbagai inisiatif dan langkah telah diperkenalkan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih berkesan agar komuniti perniagaan mendapat perkhidmatan yang lebih bermutu.

PIAGAM PELANGGAN

Ketepatan masa merupakan perkara penting dalam Piagam Pelanggan SSM dalam usaha untuk memproses, melulus dan mendaftarkan transaksi perniagaan dengan cepat dan cekap. Ini termasuk semua proses yang berkaitan dengan pendaftaran perniagaan baharu, pendaftaran pembaharuan perniagaan, pendaftaran perubahan maklumat perniagaan, pendaftaran penamatan perniagaan dan sebarang proses yang melibatkan kelulusan dan pengeluaran sijil yang berkaitan dengan syarikat dan perniagaan.

Piagam Pelanggan SSM mengukur prestasi berdasarkan dua kategori: Piagam Pelanggan Perniagaan yang merangkumi Pendaftaran Perniagaan Baharu, Pendaftaran Pembaharuan Perniagaan, Pendaftaran Perubahan Maklumat Perniagaan dan Penamatan Perniagaan dan Piagam Pelanggan Syarikat yang mencakup Carian Nama Syarikat, Pemerbadanan Syarikat, Pendaftaran Gadaian, Pendaftaran Pertukaran Nama dan Pertukaran Status Syarikat.

Jadual di bawah menunjukkan pencapaian Piagam Pelanggan SSM bagi tahun 2015.

Prestasi Piagam Pelanggan Pendaftaran Perniagaan 2015

Jenis Borang	Piagam Pelanggan	Peratusan (%)
Pendaftaran Perniagaan Baharu (Borang A)	1 Jam	99.7%
Pembaharuan Perniagaan Baharu (Borang A1)	15 Minit	99.61%
Pendaftaran Perubahan Perniagaan (Borang B)	1 Jam	99.59%
Pendaftaran Penamatan Perniagaan (Borang C)	15 Minit	99.59%

Prestasi Piagam Pelanggan Pendaftaran Syarikat 2015

Jenis Borang	Piagam Pelanggan	Peratusan (%)
Pemerbadanan Syarikat Baharu (Borang 6A)	1 Hari	99.74%
Kelulusan Permohonan Nama Syarikat (Borang 13A)	1 Hari	99.55%
Sijil memulakan perniagaan bagi Syarikat Awam (Borang 18)	1 Hari	99.25%
Pertukaran Nama Syarikat [Borang 11(26)]	1 Hari	99.92%
Pertukaran Status Syarikat (Borang 11)	1 Hari	100%
Pendaftaran Gadaian (Borang 34)	2 Hari	99.61%
Kelulusan Surat Ikatan Amanah	5 Hari	100%
Pendaftaran Prospektus	3 Hari	100%

Pada tahun 2015, sejumlah 363,933 transaksi bagi pendaftaran perniagaan baharu dan 372,186 transaksi bagi pendaftaran pembaharuan perniagaan telah direkodkan. Manakala bagi pendaftaran perubahan maklumat perniagaan pula, sebanyak 223,774 transaksi direkodkan sementara 35,450 transaksi bagi penamatan perniagaan telah direkodkan.

Sehingga Disember 2015, SSM telah mencapai semua sasaran parameter prestasi Piagam Pelanggan, sekali gus mencerminkan komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh modal insan SSM.

Pakej Insentif bagi Orang Kelainan Upaya (OKU)

Tahun	Bilangan Dokumen
2013	705,048
2014	1,174,209
2015	1,069,650

Pakej Insentif bagi Orang Kelainan Upaya (OKU)

Pakej Insentif bagi Orang Kelainan Upaya (OKU) yang diperkenalkan pada tahun 2012 telah diteruskan pada tahun 2015. Insentif ini bertujuan menggalakkan penglibatan OKU dalam bidang perniagaan untuk menambahkan sumber pendapatan mereka sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Pakej ini boleh dinikmati oleh golongan OKU yang memiliki kad pendaftaran OKU daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Tahun 2015 menyaksikan sejumlah 9,820 transaksi yang bernilai RM164,010 bagi pendaftaran dan pembaharuan perniagaan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 bagi orang kelainan upaya.

PENDAFTARAN PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PLT)

Pada tahun 2015, SSM telah mengambil inisiatif untuk meluaskan skop pendaftaran secara dalam talian bagi Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT). Versi sistem MyLLP 1.0 sedia ada telah dinaik taraf kepada versi MyLLP 2.0 berkuat kuasa pada 13 November 2015. Penawaran perkhidmatan telah ditambah daripada kelulusan nama dan pendaftaran baharu kepada pertukaran maklumat PLT, Pengisytiharan Tahunan, penggulungan syarikat dan pembekalan maklumat.

Sehingga 31 Disember 2015, jumlah pendaftaran PLT ialah 6,712. Daripada jumlah tersebut, 178 PLT merupakan pendaftaran baharu daripada pertukaran syarikat perkongsian konvensional kepada PLT dan 68 PLT ialah hasil pertukaran daripada syarikat persendirian kepada PLT. Berdasarkan jumlah PLT yang didaftarkan pada tahun 2015, aktiviti paling popular bagi model perniagaan ini ialah Perkhidmatan Perundingan Pengurusan Perniagaan, Pengurusan Acara dan perkhidmatan perundingan lain.

Daripada sejumlah 6,712 PLT, 2,968 PLT didaftarkan pada tahun 2015, iaitu peningkatan 28.8% daripada tahun sebelumnya. Jumlah pendaftaran PLT dijangka terus meningkat berikutan cirinya yang unik dan kelebihannya selain pelbagai usaha *outreach* yang dilaksanakan oleh SSM untuk menggalakkan PLT sebagai model perniagaan yang baik.

Sehingga Disember 2015, transaksi yang diterima bagi pertukaran maklumat ialah 1,215 sementara Perakuan Tahunan dikemukakan di bawah Seksyen 68 Akta PLT 2012 mencatat 825 transaksi.

Transaksi	2015	2014	2013
PENDAFTARAN PLT			
Pendaftaran PLT baharu	2,841	2,263	1,362
Pertukaran perkongsian konvensional kepada perkongsian liabiliti terhad	88	35	55
Pertukaran syarikat persendirian kepada perkongsian liabiliti terhad	39	6	23
JUMLAH	**2,968**	**2,304**	**1,440**

Kemas Kini Maklumat Dan Penyerahan Perakuan Tahunan	2015	2014
Pertukaran maklumat PLT	1,215	296
Perakuan Tahunan	825	147
JUMLAH	**2,040**	**443**

PERMOHONAN PENGURUSAN KORPORAT

Permohonan korporat ialah permohonan yang dibuat di SSM mengikut peruntukan di bawah Akta Syarikat 1965 (CA 1965). Jenis permohonan yang diterima disenaraikan dalam jadual di bawah dan merangkumi pelbagai aspek yang berkaitan dengan peruntukan undang-undang.


Jenis Permohonan Korporat yang Diterima

Permohonan Korporat yang Diterima	Bilangan Permohonan 2015	2014	2013
Permohonan lanjutan masa di bawah seksyen 169(2) dan 143(2) Akta Syarikat 1965	736	592	603
Permohonan pelantikan proksi	2	1	1
Permohonan mendapatkan kelonggaran bagi mengecualikan beberapa keperluan dalam akaun di bawah seksyen 169A(1) Akta Syarikat 1965	194	179	172
Permohonan pengecualian bagi syarikat asing untuk menyerah simpan akaun di Malaysia di bawah seksyen 336(5) Akta Syarikat 1965	68	66	59
Serah simpan *initial public offerings, abridged prospectus* dan dokumen lain yang berkaitan	631	603	485
Serah simpan Borang 28A *Share Buy Back*	565	542	609
Serah simpan Laporan Suku Tahunan syarikat yang meminjam oleh pengarah syarikat	159	155	145
Jumlah	**2,355**	**2,138**	**2,074**

SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN (SBMJ)

Sebanyak 2,150 pemerbadanan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ) direkodkan pada tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, 1,328 merupakan SBMJ tanpa perkataan "Berhad" sementara 822 pula ialah SBMJ dengan perkataan "Berhad" pada nama syarikat.

STATISTIK PEMERBADANAN SBMJ



SBMJ boleh menggunakan nama yang diwartakan seperti "Yayasan" dengan kelulusan Menteri namun SBMJ tersebut mestilah mematuhi syarat lesen yang dikeluarkan, seperti mendapatkan kelulusan Menteri terlebih dahulu antaranya untuk meminda Memorandum dan Artikel Syarikat, melantik pengarah dan memperoleh dana.

Syarat lesen tersebut turut menetapkan bahawa SBMJ hendaklah memastikan semua dana tidak digunakan untuk tujuan yang menyalahi undang-undang atau untuk tujuan politik, dan semua keuntungan dan pendapatan digunakan semata-mata untuk menyokong matlamat syarikat yang telah diluluskan. Ini merupakan antara langkah kawalan untuk memastikan SBMJ tidak disalah guna oleh individu atau organisasi yang menyalahi undang-undang. Statistik permohonan kepada Menteri ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Bilangan Permohonan SBMJ Mengikut Kategori

Jenis Permohonan	Bilangan Permohonan 2015	2014	2013
Permohonan bagi memperbadankan SBMJ tanpa perkataan 'Berhad' pada namanya	96	83	73
Permohonan bagi memperbadankan SBMJ dengan perkataan 'Berhad' pada namanya	74	50	50
Permohonan kelulusan Menteri untuk mengugurkan perkataan 'Berhad' pada namanya	5	3	4
Permohonan kelulusan Menteri untuk memiliki / menjual / mencagar tanah / hartanah	47	55	26
Permohonan kelulusan Menteri bagi perlantikan pengarah baru	226	211	211
Permohonan kelulusan Menteri untuk mendapatkan sumbangan / derma dari orang ramai	13	5	6
Permohonan kelulusan Menteri untuk pindaan Memorandum dan Artikel syarikat	70	63	60
Jumlah	**531**	**470**	**430**

MALAYSIA CORPORATE IDENTITY (MyCoID)

Susulan pelaksanaan mandatori MyCoID, SSM menerima 44,173 permohonan untuk memperbadankan syarikat pada tahun 2015, iaitu peningkatan sebanyak 31% berbanding pada tahun 2014.

Transaksi	2015	2014	2013
Carian Nama	91,105	95,393	42,767
Penubuhan	44,173	33,728	17,458
Borang Serah Simpan Pertama	44,087	31,493	16,705
Jumlah	**179,365**	**160,614**	**76,930**

SKIM KEPENTINGAN

Daripada sepuluh permohonan yang diterima oleh SSM untuk pendaftaran skim baharu, empat skim yang diluluskan dan seterusnya didaftarkan ialah untuk taman memorial (tiga (3) skim) dan Kelab Golf dan Rekreasi (satu (1) skim).

Satu permohonan skim taman peringatan telah ditolak kerana tidak mematuhi kriteria pendaftaran wajib manakala satu permohonan lagi untuk skim kongsi tani telah ditarik balik oleh pemohon. Selain itu, satu permohonan untuk skim taman memorial sedang dalam proses untuk mematuhi syarat kelulusan. Secara keseluruhan, bilangan skim kepentingan yang didaftarkan meningkat kepada 199 sehingga 31 Disember 2015.

Berdasarkan data pendaftaran, sebanyak 64.3% daripada jumlah skim berdaftar terdiri daripada kelab golf dan rekreasi diikuti dengan skim kongsi masa sebanyak 13.6%. Pendaftaran skim taman memorial meningkat sebanyak 33.3% di seluruh negara kepada 12.


Terdapat peningkatan dalam trend pendaftaran skim kepentingan bagi tahun 2015 berbanding dengan tahun 2014. Peningkatan ini menyebabkan nilai keseluruhan skim kepentingan berdaftar meningkat kepada RM 21.8 bilion pada tahun 2015. Ini menunjukkan jumlah dan nilai sumbangan signifikan bagi sektor perniagaan ini kepada pertumbuhan ekonomi negara. Jadual di bawah menunjukkan perincian skim kepentingan di Malaysia:

Kategori	2015	2014	2013
Kelab Golf dan Rekreasi	72	71	71
Kelab Melalui Saham	22	19	19
Kelab Rekreasi	34	34	34
Kongsi Masa	27	27	27
Marina	9	9	9
Taman Memorial	12	9	8
Skim Kongsi Tani	10	10	10
Skim Kongsi Peralatan	3	3	2
Skim Hartanah	10	10	10
Jumlah	**199**	**192**	**190**

PENAMATAN SKIM KEPENTINGAN BERDAFTAR

SSM telah mengambil pendekatan proaktif untuk mengawal selia dan memantau skim kepentingan dalam usaha membantu orang ramai sebelum membuat sebarang komitmen kepada sebarang skim berdaftar. Maklumat tentang status skim, sama ada aktif atau telah ditamatkan, boleh didapati di laman sesawang SSM. Antara Januari dan Disember 2015, sebanyak lima skim telah ditamatkan manakala 11 skim masih lagi dalam proses untuk ditamatkan.

Status Skim Kepentingan



Susulan tindakan yang diambil, pelabur atau pemegang kepentingan dapat melaksanakan langkah-langkah yang wajar atau munasabah sejajar dengan peruntukan undang-undang, misalnya, menerima pampasan yang munasabah atau memperoleh semula hak untuk menikmati keistimewaan atau kemudahan skim yang telah dipulihkan oleh syarikat pengurusan baharu.

PENGGULUNGAN DAN PEMBATALAN NAMA DARIPADA DAFTAR SYARIKAT

Tahun 2015 menyaksikan peningkatan jumlah syarikat yang digulungkan sebanyak 35.5% iaitu 2,363 buah syarikat berbanding dengan 1,744 pada tahun 2014. Daripada jumlah itu, 2,107 syarikat telah melalui penggulungan sukarela oleh ahli dan pemiutang manakala selebihnya ialah penggulungan atas perintah mahkamah.

Jumlah syarikat yang dibubarkan melalui proses pembatalan nama meningkat daripada 29,173 pada tahun 2014 kepada 30,643 pada tahun 2015, iaitu peningkatan sebanyak 5%. Sejumlah 8,996 permohonan pembatalan nama telah diterima manakala selebihnya ialah usaha SSM untuk membatalkan nama syarikat daripada daftar SSM. Tindakan pembatalan nama dilakukan apabila SSM mempunyai sebab yang munasabah untuk percaya bahawa syarikat tidak menjalankan perniagaan atau telah memberhentikan operasinya.

Transaksi Penggulungan Syarikat

Transaksi Penggulungan Syarikat	2015	2014	2013
Syarikat yang dibubarkan melalui penggulungan	2,363	1,744	2,581
Syarikat yang dibubarkan melalui pembatalan nama	30,643	29,173	23,849

PENGURUSAN ASET SYARIKAT BUBAR

Pada tahun 2015, jumlah permohonan Pengurusan Aset Syarikat yang dikendalikan oleh SSM meningkat sebanyak 17.6% daripada 74 permohonan pada tahun 2014 kepada 87 permohonan pada tahun 2015.

Daripada 87 permohonan tersebut, 23 ialah permohonan kepada Pendaftar Syarikat untuk bertindak sebagai wakil syarikat yang telah dibubarkan di bawah seksyen 309 Akta Syarikat 1965, iaitu peningkatan sebanyak 27.8% daripada 18 permohonan pada tahun 2014. Manakala permohonan peletakan hak aset syarikat kepada nama Pendaftar di bawah seksyen 310 Akta Syarikat 1965 meningkat sebanyak 9.1% daripada 55 aset pada tahun 2014 kepada 60 aset pada tahun 2015.

SSM turut menerima empat permohonan bagi pembelian aset yang terletak hak kepada Pendaftar menurut seksyen 311 Akta Syarikat 1965 pada tahun 2015, termasuk pembelian saham dan kenderaan syarikat bubar.

Kategori Permohonan Pengurusan Aset Syarikat Bubar

Kategori	2015	2014	2013
Permohonan untuk Pendaftar Syarikat bertindak sebagai wakil syarikat yang telah dibubarkan di bawah seksyen 309 Akta Syarikat 1965	23	18	19
Aset yang terletak hak kepada Pendaftar Syarikat di bawah seksyen 310 Akta Syarikat 1965	60	55	17
Permohonan untuk membeli aset yang terletak hak di bawah seksyen 311 Akta Syarikat 1965	4	1	1
Jumlah Permohonan	**87**	**74**	**37**

Peningkatan permohonan bagi pengurusan aset syarikat yang dibubarkan pada tahun 2015 menunjukkan terdapat kesedaran dalam kalangan pihak berkepentingan tentang peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan aset syarikat yang dibubarkan. Permohonan bagi pengurusan aset syarikat yang dibubarkan pada tahun 2016 dijangka akan meningkat apabila SSM mengadakan program kesedaran dengan kerjasama agensi kerajaan, untuk meningkatkan pengetahuan tentang aset syarikat yang dibubarkan.

GADAIAN

Pendaftaran Gadaian ialah pendaftaran menurut seksyen 108(1) dan 110(1) Akta Syarikat 1965 berdasarkan kepada serahsimpan Borang 34 oleh syarikat. Apabila suatu gadaian diwujudkan atau harta yang tertakluk pada gadaian diperoleh oleh syarikat, syarikat hendaklah menyerah simpan pernyataan butiran yang ditentukan dengan Pendaftar dalam tempoh tiga puluh hari selepas tarikh kewujudan atau tarikh perolehan gadaian.

Pendaftaran Gadaian adalah penting kerana pendaftaran ini menjadi notis kepada orang ramai bahawa pemegang Gadaian mempunyai kepentingan pada harga yang digadaikan.

Pendaftaran Pelepasan Gadaian

Pendaftaran pelepasan gadaian menurut peruntukan seksyen 113 AS 1965 berlaku apabila apa-apa gadaian yang telah didaftarkan dan telah dibayar atau diselesaikan. Dalam keadaan ini, syarikat hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar satu borang yang ditetapkan yang memaklumkan bahawa gadaian tersebut telah dibayar atau diselesaikan.

Transaksi Gadaian

Transaksi Gadaian	2015	2014	2013
Pendaftaran Gadaian	23,533	25,292	26,248
Pendaftaran Pelepasan Gadaian	13,039	12,495	12,148

Pada tahun 2015, terdapat 23,533 pendaftaran gadaian, iaitu penurunan 7% berbanding dengan 25,292 pendaftaran gadaian pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, jumlah pendaftaran pelepasan gadaian menunjukkan peningkatan 4.4% daripada 12,495 pada tahun 2014.

PERKHIDMATAN KAUNTER

Kerajaan terus menekankan dan menyediakan peluang kepada rakyat untuk meningkatkan taraf sosioekonomi melalui penglibatan dalam sektor perniagaan. Pada asasnya, ekonomi yang berkembang maju akan mendorong daya saing yang lebih tinggi di negara kita berbanding dengan negara-negara maju. Dalam hal ini, SSM telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menggalakkan penjaja dan peniaga kecil untuk mendaftarkan perniagaan mereka melalui pelbagai program. SSM dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) menganjurkan program untuk penjaja dan peniaga kecil, program pelanggan yang melibatkan penjaja dan peniaga kecil, Karnival Online Networking Entrepreneurs (SSM ONE), Jelajah SSM (SSM Walkabout), pembukaan kaunter bergerak dan program kerjasama lain dengan beberapa agensi.


Kesannya dapat dilihat dalam peningkatan bilangan pendaftaran perniagaan baharu iaitu 364,230 pendaftaran pada tahun 2015. Jumlah ini mewakili peningkatan sebanyak 16.6% daripada jumlah pendaftaran pada tahun 2014 manakala jumlah pembaharuan pendaftaran perniagaan yang dicatat pada tahun 2015 ialah 372,186. Angka ini menunjukkan peningkatan 10.6% daripada jumlah pembaharuan pendaftaran yang dicatat pada tahun 2014.

Pendaftaran Perniagaan

Transaksi	2015	2014	% Perubahan
Pendaftaran Baharu	364,230	312,373	16.5
Pembaharuan	372,186	336,497	10.6


Transaksi Perubahan Maklumat Perniagaan

Jumlah transaksi berkaitan perubahan maklumat perniagaan yang dicatatkan pada tahun 2015 ialah 223,744 berbanding dengan 196,209 pada tahun 2014. Ini merupakan peningkatan sebanyak 27,535 atau 14% daripada jumlah perubahan maklumat perniagaan yang dicatatkan pada tahun 2014. Angka ini merupakan petunjuk bahawa komuniti perniagaan ialah ekosistem perniagaan yang berubah dan berkembang mengikut perubahan masa.



Penamatan Pendaftaran Perniagaan

Sebanyak 35,450 perniagaan berdaftar ditamatkan pada tahun 2015 berbanding dengan 26,966 pada tahun 2014. Ini merupakan peningkatan sebanyak 31.5% berbanding dengan jumlah penamatan yang dicatatkan pada tahun 2014. Meskipun terdapat peningkatan dalam bilangan penamatan perniagaan berdaftar, perkara ini tidak menjejaskan sektor perniagaan jika diambil kira perniagaan baharu yang didaftarkan pada tahun 2015.



PERKHIDMATAN E-INFO

e-Info diperkenalkan sejajar dengan langkah SSM untuk mengurangkan transaksi 'di kaunter' dan beralih kepada konsep 'maklumat di hujung jari'. e-Info ialah aplikasi berasaskan laman sesawang yang menawarkan carian dan pembelian maklumat berkaitan syarikat dan perniagaan secara dalam talian. Perkhidmatan ini boleh diakses 24 jam sehari, 7 hari seminggu di www.ssm.com.my atau www.ssm-einfo.my. Semua pengguna yang mempunyai sambungan Internet dan kaedah pembayaran yang ditetapkan boleh menggunakan perkhidmatan ini.

Perkhidmatan e-Info (Transaksi Tahunan)

2015	2014	2013
1,655,076	1,704,762	1,579,812

Kunjungan pelanggan pada peringkat antarabangsa ke laman sesawang e-info bagi tahun 2015 telah meningkat sebanyak 35.5% berbanding pada tahun 2014. Jadual di bawah menunjukkan negara asal pengunjung laman sesawang e-info pada tahun 2015, 2014 dan 2013. Angka-angka ini menunjukkan pentingnya maklumat perniagaan kepada warga asing yang ingin menjalankan perniagaan di Malaysia.

Bilangan Pengunjung Laman Sesawang e-Info

Negara	2015	2014	2013
Singapura	40,326	26,904	21,821
Hong Kong	26,397	7,601	6,580
United Kingdom	5,814	4,297	3,379
Amerika Syarikat	13,395	13,877	7,532
Australia	5,714	3,410	2,946
India	18,449	17,720	13,067
Jepun	3,661	2,488	1,220
China	2,029	2,249	1,750
Filipina	3,722	2,363	2,236
Lain-lain	46,414	41,508	19,612
Jumlah	**165,921**	**122,417**	**80,143**

Data Maklumat Korporat dan Perniagaan

Tahun	Bilangan Permohonan
2015	638
2014	619
2013	552

Data Maklumat Korporat dan Perniagaan (Corporate and Business Information Data, CBID) menyediakan maklumat syarikat dan perniagaan mengikut spesifikasi pelanggan. Data dan statistik ini memudahkan komuniti perniagaan membuat keputusan perniagaan berdasarkan maklumat. Pada tahun 2015, permohonan CBID meningkat sebanyak 3.1% berbanding dengan tahun 2014.

KAUNTER BERGERAK PENDAFTARAN PERNIAGAAN

Kaunter Bergerak Pendaftaran Perniagaan (KBPP) ialah salah satu inisiatif SSM untuk mendekati komuniti perniagaan. Perkhidmatan ini menawarkan kemudahan kepada peniaga untuk berurusan dengan SSM tanpa perlu datang ke pejabat SSM. Perkhidmatan KBPP dijalankan dengan kerjasama pelbagai agensi seperti Majlis Daerah, pejabat cawangan KPDNKK dan agensi-agensi lain.

KBPP mengendalikan transaksi kaunter di luar premis tetap SSM, lazimnya di tempat-tempat strategik yang terdapat banyak aktiviti berkaitan perniagaan seperti di pejabat majlis tempatan, pasar, pasar raya dan pasar besar. KBPP menawarkan kelulusan segera untuk pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran perniagaan. Selain memberikan perkhidmatan dalam suasana yang fleksibel, KBPP turut menyebarkan maklumat dan memberikan kesedaran kepada peniaga dan orang ramai.

Aktiviti KBPP mengikut negeri pada tahun 2015

Negeri	Kekerapan	Pendaftaran Perniagaan Baharu	Perubahan Maklumat	Pembaharuan Perniagaan
Kuala Lumpur	57	727	133	302
Labuan	7	-	-	-
Perlis	6	-	-	-
Terengganu	67	1,551	385	1,351
Melaka	52	187	43	79
Pahang	52	1,048	452	975
Negeri Sembilan	114	1,845	478	1,314
Kedah	334	6,804	2,601	7,635
Kelantan	90	2,372	750	1,933
Perak	97	3,146	1,821	3,387
Pulau Pinang	83	3,041	1,746	3,126
Selangor	34	916	148	242
Johor	225	6,501	2,878	5,639
Jumlah	**1,218**	**28,138**	**11,435**	**25,983**



Kaunter Perkhidmatan SSM di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan (KPDNKK) Trade, Co-operatives & Consumerism (MDTCC)

Tujuan utama perkhidmatan kaunter SSM di KPDNKK adalah untuk menyediakan perkhidmatan pendaftaran perniagaan kepada komuniti perniagaan di Putrajaya dan kawasan sekitar seperti Dengkil, Kajang, Bangi, Puchong, Seri Kembangan, Sepang, Semenyih, Hulu Langat dan Nilai.

Perkhidmatan kaunter bergerak di KPDNKK menyediakan kelulusan segera bagi pendaftaran perniagaan baharu, pembaharuan dan pembatalan lesen perniagaan.

Sejak pembukaan perkhidmatan ini di kaunter KPDNKK, komuniti perniagaan telah mula menggunakan perkhidmatan ini untuk urusan pendaftaran perniagaan. Transaksi pada tahun 2014 dan 2015 menunjukkan peningkatan ketara sebanyak 66.1% daripada 60,880 kepada 101,142 transaksi. Ini menunjukkan bahawa komuniti perniagaan menghargai inisiatif SSM untuk memudahkan proses memulakan perniagaan.

Tahun	Transaksi
2015	101,142
2014	60,880
2013	44,776

PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC) – KUALA LUMPUR, MELAKA, PAHANG DAN KEDAH

SSM UTC menghimpunkan pelbagai agensi di bawah satu bumbung dan menyediakan pusat sehenti untuk memudahkan transaksi perniagaan dengan pelbagai agensi kerajaan. UTC menawarkan perkhidmatan yang cekap, sekali gus meningkatkan indeks kepuasan perkhidmatan pelanggan selain membantu kerajaan merealisasikan matlamat penyampaian perkhidmatan awam yang cekap. SSM UTC menjadi pilihan utama untuk peniaga Malaysia berurusan dengan pelbagai agensi kerajaan.

Pada November 2015, SSM UTCKL telah berpindah ke lokasi yang lebih besar untuk menampung bilangan pengunjung yang kian meningkat. Perpindahan ini membolehkan kaunter tambahan disediakan selain ruang menunggu yang lebih selesa untuk orang ramai. Struktur baharu kaunter di UTCKL direka bentuk khusus untuk memastikan urusan berjalan dengan lancar dan cekap. Sehingga Disember 2015, transaksi perniagaan di SSM UTCKL mencatat peningkatan sebanyak 53.2% daripada 107,509 kepada 164,510 pada tahun 2015.

PRODUK-PRODUK LAIN

SSM menawarkan pelbagai produk untuk memenuhi keperluan dan permintaan komuniti perniagaan yang sentiasa meningkat. Sebahagian produk ini adalah respon SSM untuk memenuhi keperluan pelanggan.



(a) Sijil Memperingati

Sijil Memperingati yang direka bentuk khas adalah untuk syarikat dan perniagaan yang berhasrat mempunyai sesuatu yang unik untuk memperingati kewujudan mereka dengan cara yang istimewa. Sejumlah 82 permohonan dengan hasil jualan RM 5,000 dicatat pada tahun 2015.

	2015		2014		2013	
	ROC	ROB	ROC	ROB	ROC	ROB
UTC	Dokumen		Dokumen		Dokumen	
Kuala Lumpur	2,605	164,510	7,919	107,509	10,063	55,259
Melaka	478	9,904	342	9,990	509	6,345
Kedah	-	15,882	-	13,880	-	3,116
Pahang	-	23,657	39	31,501	27	9,359

Jualan Sijil Memperingati

Tahun	Perniagaan	Syarikat	Transaksi
2015	32	2	34
2014	73	9	82

(b) Jualan Tender Nombor Pemerbadanan Syarikat

Dua puluh lima permohonan telah diterima bagi jualan tender nombor permerbadanan pada tahun 2015 dengan hasil jualan berjumlah RM22,365. Walau bagaimanapun, penjualan tender nombor permerbadanan ini telah dihentikan mulai Ogos 2015.

Tender Nombor Pemerbadanan Syarikat

Tahun	Transaksi
2015	25
2014	46

PUSAT PANGGILAN SSM

Pusat Panggilan SSM (SSMCC) telah ditransformasikan untuk memastikan penyampaian produk dan perkhidmatan yang cekap dan lancar. SSMCC memberikan penekanan terhadap pelanggan dan merupakan platform untuk memulakan komunikasi aktif dengan semua pihak berkepentingannya.

Pusat panggilan yang berjaya adalah yang telah mencapai perkhidmatan pelanggan yang paling optimum. Misi SSM adalah untuk menyediakan pengalaman perkhidmatan pelanggan yang positif, pragmatik dan profesional dengan nilai khidmat pelanggan yang maksimum untuk pendaftaran dan penyelesaian perniagaan dan korporat.

Pada tahun 2015, SSMCC telah mencapai tahap perkhidmatan *service level* (SL) bagi panggilan, e-mel dan faks masuk. Untuk mencapai perkhidmatan pelanggan lebih baik yang setaraf dengan piawaian antarabangsa, SSMCC telah berusaha menambah baik SL dengan meningkatkan sasaran 85% panggilan yang diterima dijawab dalam masa 15 saat berbanding dengan sasaran terdahulu iaitu 80% panggilan dijawab dalam masa 20 saat.

SSMCC dikendalikan oleh lima belas (15) Pegawai Khidmat Pelanggan (Customer Service Personnel, CSP) yang dipantau oleh seorang Ketua Kumpulan dan tiga pegawai Titik Hubungan Tunggal (Single Point of Contact, SPOC). Secara purata, CSP menerima kira-kira 300 hingga 350 panggilan telefon dan lebih daripada 70 e-mel setiap hari.

		2015	2014
Statistik Panggilan			
Masuk	Panggilan Masuk	113,765	98,142
	Panggilan Dijawab	107,144	97,455
	Kadar Putus Panggilan (%)	0.97%	0.43%
	Tahap Perkhidmatan (%)	94.18%	97.41%
Statistik Emel			
Emel	Emel Diterima	28,714	25,751
	Tindakan Diambil Dalam Masa Ditetapkan (< 4 jam) %	95.51%	98.83%
Faksimili			
Faks	Faks Diterima	828	501
	Tindakan Diambil Dalam Masa Ditetapkan (< 4 jam) %	97.34%	96.21%



CSP dilatih untuk menjawab pertanyaan umum berhubung isu pendaftaran dan akta yang berkaitan. Isu yang lebih rumit pula dikendalikan oleh pasukan SPOC yang akan memajukan pertanyaan tersebut kepada pakar bidang (subject matter expert, SME) atau pegawai yang bertanggungjawab untuk mendapatkan maklum balas lanjut.

Keperluan pelanggan yang semakin kompleks memerlukan kerjasama lebih erat antara Bahagian dalam SSM dan pengendalian khidmat pelanggan yang lebih cekap pada tahap eksekutif untuk menyediakan perkhidmatan yang benar-benar memfokuskan pelanggan. Pusat panggilan mengambil peranan yang lebih penting dalam strategi pengurusan pelanggan organisasi.

Satu soal selidik telah dilaksanakan untuk mengukur tahap kepuasan pihak berkepentingan SSM terhadap perkhidmatannya dan untuk mendapatkan maklum balas dan cadangan penambahbaikan daripada pihak berkepentingan. Maklumbalas yang diperoleh adalah amat memberangsangkan, dengan 85.9% pihak berkepentingan menyatakan bahawa mereka sangat berpuas hati, dan angka ini melebihi jangkaan 80%.

INISIATIF PENGUATKUASAAN

AKTIVITI PENGUATKUASAAN

Keyakinan komuniti perniagaan antarabangsa dalam menjalankan perniagaan di Malaysia telah membolehkan Malaysia terus mengekalkan kedudukan ke-18 dalam penarafan global menurut *International Finance Corporation World Bank Doing Business 2016 Report* (DB2016). Ini boleh dianggap satu pencapaian signifikan memandangkan terdapat persaingan sengit antara negara dalam menarik perniagaan ke negara masing-masing. Keyakinan terhadap Malaysia disebabkan terutamanya oleh sokongan berterusan dan usaha bersungguh-sungguh oleh Kerajaan untuk memudahkan pelaburan asing di Malaysia dan memastikan integriti dan ketelusan korporat diamalkan dalam komuniti perniagaan.

SSM melaksanakan penguatkuasaan sebagai wahana untuk melindungi persekitaran korporat dan komuniti perniagaan daripada isu-isu ketidakpatuhan utama yang boleh mencalarkan imej negara. SSM melaksanakan aktiviti penguatkuasaan dengan strategi menyeluruh bagi mencapai penguatkuasaan yang seimbang. Pelbagai kaedah digunakan untuk memastikan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan korporat dalam kalangan usahawan dan syarikat kecil, sederhana serta besar. Antara pendekatan yang digunakan termasuklah pemeriksaan fizikal, semakan pangkalan data SSM yang ketat, program *outreach*, bengkel-bengkel, penerbitan dan nota amalan, talian utama (hotline) SSM dan pemeriksaan terhadap laman-laman web yang aktif. Semua aktiviti-aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan ini seiring dengan tindakan penyiasatan dan penguatkuasaan rutin.

PENGURUSAN ADUAN

Pada tahun 2015, sejumlah 1,472 aduan diterima (2014:1,328), iaitu peningkatan sebanyak 10.8%. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh kaedah mudah dan teratur dalam penerimaan dan penyelesaian aduan yang dilaksanakan oleh SSM.

Sejumlah 1,422 (96.6%) aduan telah diselesaikan pada tahun 2015 (2014:1,301). Hanya 1.7% aduan yang tidak diselesaikan dalam tempoh masa sasaran sementara 98.3% telah berjaya diselesaikan dalam tempoh masa sasaran.

Aduan Pada Tahun 2015

Aduan Diterima	Aduan Yang Berjaya Diselesaikan		Aduan Yang Berjaya Diselesaikan Mengikut Tempoh Masa Sasaran		Aduan Yang Diselesaikan Yang Tidak Mengikut Tempoh Masa Sasaran	
1,472	1,422	96.60%	1,398	98.3%	24	1.7%

Aduan Diterima

Tahun	2015	2014	2013
Syarikat	964	949	1,165
Perniagaan	508	379	399
Jumlah	**1,472**	**1,328**	**1,564**

Aduan Diselesaikan

Tahun	2015	2014	2013
Syarikat	920	927	1,110
Perniagaan	502	374	377
Jumlah	**1,422**	**1,301**	**1,487**


Tempoh Masa Aduan Diselesaikan

Kategori	Bilangan
Dalam tempoh masa 3 hari bekerja	959
Dalam tempoh masa 14 hari bekerja	94
Dalam tempoh masa 21 hari bekerja	345
Jumlah	**1,398**

Klasifikasi Penerimaan Aduan

Isu	Jumlah
Kesalahan daftar dan kesamaan nama syarikat dan perniagaan	73
Salahlaku pengarah syarikat	76
Salahlaku setiausaha syarikat	58
Salahlaku juruaudit syarikat	1
Fraud dan kesalahan serius seperti tadbirurus korporat dan serahsimpan maklumat palsu dan mengelirukan	371
Salahlaku semasa penggulungan syarikat	8
Ketidakaturan perakaunan	12
Kesalahan melibatkan skim pelaburan haram atau skim pelaburan tidak berdaftar	48
Kesalahan melibatkan skim pelaburan haram atau skim pelaburan yang berdaftar	3
Kesalahan asas dan rutin	422
Isu yang tidak melibatkan kesalahan yang ditadbir seperti tuntutan, masalah dalaman dan aturan mesyuarat	112
Isu yang melibatkan bidangkuasa agensi lain seperti isu pekerjaan, pelancongan, gores dan menang, jualan langsung dan penipuan	196
Aduan/Pertanyaan salahlaku korporat	92
Pendedahan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010	0
Jumlah	**1,472**

PECAHAN (3) KATEGORI ADUAN TERTINGGI



Tiga kategori aduan tertinggi yang diterima pada tahun 2015 adalah berkaitan dengan isu kesalahan lazim iaitu sebanyak 28.67% daripada keseluruhan jumlah aduan. Antara kesalahan di bawah kategori ini ialah tidak mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (*Annual General Meeting, AGM*), tidak menyerah simpan penyata tahunan dan penyata kewangan serta menjalankan perniagaan yang tidak didaftarkan.

Aduan kedua tertinggi sebanyak 25.20% daripada jumlah aduan yang diterima adalah berhubung *fraud* dan kesalahan serius. Antara kesalahannya ialah seperti menyerah simpan maklumat palsu dan mengelirukan, pengarah yang tidak menjalankan tanggungjawab dan tugas-tugas fidusiari dan pengambilan deposit atau tawaran pembelian saham kepada orang awam tanpa kebenaran. Aduan yang melibatkan agensi-agensi kerajaan dan di luar bidang kuasa SSM merupakan aduan ketiga tertinggi iaitu sebanyak 13.32% daripada jumlah aduan yang diterima pada tahun 2015.

PEMATUHAN

SSM komited dalam mewujudkan satu persekitaran perniagaan yang kondusif dan meningkatkan ketelusan korporat (corporate transparency). Dalam konteks ini, falsafah penguatkuasaan SSM iaitu penguatkuasaan seimbang (balanced enforcement) terus memainkan peranan penting dalam strategi dan inisiatif penguatkuasaan SSM.

Dalam menguatkuasakan strategi dan inisiatif penguatkuasaan pada tahun 2015, SSM mengambil kira aspek pendidikan and interaktif yang memperlihatkan pengenalan langkah pencegahan awal melalui pelbagai program kesedaran dan kerjasama strategik dengan pihak berkepentingan bagi mencapai objektif berikut:

a) Memastikan pematuhan kepada Akta yang dikawal selia oleh SSM;

b) Memastikan tindakan sewajarnya diambil terhadap kesalahan undang-undang dan peraturan yang dilakukan oleh entiti-entiti yang dikawal selia oleh SSM;

c) Memastikan pegawai-pegawai syarikat serta intermediari korporat mempunyai kelayakan dan kompetensi yang sesuai untuk mentadbir syarikat dengan lebih telus dan bertanggungjawab; dan

d) Meminimumkan risiko penyalahgunaan syarikat untuk menjalankan aktiviti tidak sah dan bercanggah dengan kepentingan awam dan negara.

Strategi penguatkuasaan SSM sepanjang tahun 2015 memfokuskan tiga strategi utama seperti yang ditunjukkan dalam rajah berikut:



AKTIVITI PEMERIKSAAN DAN PEMANTAUAN

Pada tahun 2015, SSM telah menjalankan pemeriksaan secara fizikal dan melalui pangkalan data terhadap 1,050,630 syarikat, perniagaan dan perkongsian liabiliti terhad (PLT) iaitu penurunan sebanyak 4.6% berbanding dengan pemeriksaan yang dijalankan pada tahun 2014. Penurunan ini adalah kerana pendekatan proaktif dan secara langsung difokuskan kepada pengurusan kompaun melalui pemantauan data untuk memastikan persekitaran yang lebih berasaskan pematuhan. Pemantauan data membolehkan SSM membuat tindakan susulan terhadap kompaun dan langkah ini bukan hanya mendorong pematuhan terhadap keperluan undang-undang malah bertindak sebagai langkah pencegahan.

Skop pemeriksaan yang dijalankan adalah seperti dalam jadual di bawah:

Aktiviti	Skop Pemantauan	Jumlah Pemeriksaan 2015	Jumlah Pemeriksaan 2014
Semakan ke atas maklumat korporat dan perniagaan yang disimpan dalam pangkalan data SSM (pemantauan data)	Status serah simpan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan berdasarkan peruntukan seksyen 165(4) Akta Syarikat 1965 (AS 1965) . Menganalisa penyata kewangan yang diserah simpan di SSM. Memantau kelayakan pengarah-pengarah syarikat berdasarkan peruntukan seksyen 130(1) dan 125(1) AS 1965. Memantau pematuhan syarikat yang sedang dalam proses penggulungan di bawah seksyen 234(3) dan 188(1) AS 1965. Memantau tarikh luput pendaftaran perniagaan di bawah seksyen 12(1)(b) Akta Pendaftaran Perniagaan (APP) 1956 Memantau serah simpan Perakuan Tahunan PLT berdasarkan peruntukan seksyen 68(2) Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 (PLT 2012). Kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dan agensi pelesenan (contohnya, Majlis Perbandaran dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam dan Darat (SPAD) bagi pemeriksaan berhubung status kepatuhan syarikat dan perniagaan yang mempunyai lesen atau permit daripada agensi tersebut.	1,026,117	1,067,056

Aktiviti	Skop Pemantauan	Jumlah Pemeriksaan 2015	Jumlah Pemeriksaan 2014
Pemeriksaan fizikal premis perniagaan dan alamat berdaftar syarikat	Pematuhan di bawah peruntukan seksyen 121(3) AS 1965 dan Kaedah 13A (2) Kaedah Pendaftaran Perniagaan 1957 (APP 1956) berkaitan paparan nama perniagaan dan nombor pendaftaran di premis perniagaan serta seksyen 12(2) APP 1956 berkaitan pameran sijil pendaftaran di premis perniagaan. Pematuhan di bawah peruntukan seksyen 12(1)(a) dan 12(1)(b) APP 1956 tentang pendaftaran dan pembaharuan perniagaan. Rekod dan penyelenggaraan Buku Berkanun oleh Setiausaha Syarikat berdasarkan peruntukan AS 1965 dan kehendak di bawah Kaedah-kaedah Syarikat 1966. Pematuhan PLT terhadap keperluan rekod-rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperuntukkan di bawah seksyen 69 PLT 2012.	24,513	23,932
Pemantauan perniagaan berasaskan internet dan iklan-iklan media	Pematuhan di bawah peruntukan seksyen 121(b) AS 1965 berhubung paparan nama dan nombor syarikat pada semua dokumen dan penerbitan syarikat. Pematuhan di bawah peruntukan seksyen 112(1)(a) dan 12(1)(b) APP berhubung pendaftaran dan pembaharuan perniagaan. Isu-isu melibatkan kepentingan awam seperti pelaburan tidak sah, skim kepentingan dan penipuan oleh syarikat dan perniagaan.	2,744 laman sesawang syarikat dan perniagaan serta 1,156 iklan syarikat dan perniagaan di media	4,112 laman sesawang syarikat dan perniagaan dan 3,063 iklan syarikat dan perniagaan di media
Pemantauan ke atas Intermediari Korporat	Pemantauan terhadap kewajipan dankebebasan juruaudit dan pelikuidasi : - Kelayakan dan kebebasan juruaudit di bawah seksyen 9 AS 1965 dan Syarat Kelulusan atau Pembaharuan Kelulusan Juruaudit yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. - Kewajipan juruaudit dalam memberikan pendapat berhubung dengan penyimpanan dan pengemaskinian buku-buku berkanun di bawah seksyen 174(3)(b) AS 1965. - Kelayakan dan kebebasan pelikuidasi di bawah seksyen 10 AS 1965.	795 firma audit, 567 juruaudit, 1,070 laporan juruaudit dan 53 pelikuidasi	121 firma audit, 233 juruaudit, 605 laporan juruaudit dan 4 pelikuidasi
	Pemantauan terhadap kelayakan dan kompetensi setiausaha syarikat: - Pemantauan terhadap kelayakan setiausaha Syarikat di bawah seksyen 139A(b) AS 1965. - Pemantauan terhadap syarikat di bawah seksyen 139(1)(d) AS 1965 bagi memastikan setiap syarikat yang diperbadankan mempunyai sekurang-kurangnya seorang setiausaha. - Penilaian kompetensi setiausaha syarikat melalui peringkat pematuhan ke atas peruntukan dan kehendak AS 1965. (Melibatkan pemantauan data dan pemeriksaan fizikal)	399 setiausaha syarikat	750 setiausaha syarikat

Usaha penguatkuasaan berterusan yang telah dilaksanakan dengan sokongan dan kerjasama agensi berkaitan dan pihak berkepentingan telah memberikan hasil yang lebih bersinergi. Gabungan sarana yang dikongsi bersama pengamal dan agensi penguatkuasaan lain telah menjadikan pendekatan penguasaan yang seimbang yang diguna pakai oleh SSM lebih bermakna dan efektif.

HASIL PEMANTAUAN DAN PEMERIKSAAN

Perjumpaan dengan Kumpulan Fokus

- sesi pejumpaan bersama setiausaha yang mempunyai jumlah syarikat tidak patuh tertinggi di bawah seliaan mereka dalam satu masa
- sesi perjumpaan dengan SBMJ terpilih bagi memastikan pemahaman SBMJ tersebut terhadap risiko penyalahgunaan SBMJ untuk menjalankan aktiviti yang menyalahi undang-undang

Kerjasama Strategik dengan Pihak Berkepentingan

- **41 sesi** taklimat bersama setiausaha dan pengarah syarikat seluruh negara berhubung isu pematuhan
- **4 sesi** taklimat bersama setiausaha syarikat sekitar Lembah Klang berhubung isu dan pematuhan AMLATFPUAA
- **2 sesi** taklimat bersama persatuan,syarikat franshais, pengusaha hotel, pengurusan bangunan dan agensi perbankan berhubung keperluan pematuhan terhadap Akta

Jalinan kerjasama dengan pelbagai agensi dan pihak berkuasa tempatan berhubung pematuhan syarikat, perniagaan dan PLT yang berurusan dengan agensi berkenaan

Objektif: menyampaikan mesej berkaitan aspek pematuhan Akta-Akta yang ditadbir urus oleh SSM secara terus kepada pihak-pihak berkepentingan bagi menggalakkan pematuhan sukarela di kalangan komuniti korporat

IMPAK

- Kerjasama Strategik yang berterusan dalam memastikan pematuhan korporat
- Tindakan segera ke atas isu ketidakpatuhan melalui pemantauan yang lebih cekap dan meyeluruh
- Tahap kompetensi intermediari korporat dan pengarah syarikat dipertingkatkan
- Meminimumkan risiko penyalahgunaan syarikat untuk aktiviti yang melanggar undang-undang

Kadar Pematuhan

Berdasarkan hasil pemantauan pangkalan data, SSM telah mengambil tindakan-tindakan berikut bagi meningkatkan kadar pematuhan berhubung serah simpan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan:


a) Notis peringatan dihantar kepada 343,037 syarikat dan 913,179 pengarah syarikat (2014: 276,261 syarikat dan 811,537 pengarah) untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) masing-masing sebelum tamat tempoh mengadakan MAT dan membentangkan akaun beraudit semasa MAT berdasarkan peruntukan seksyen 143(1) dan 169(1) AS 1965.

b) 227,094 notis kompaun (2014 : 116,098 notis kompaun) dan 65,198 notis perundangan di bawah seksyen 7(11) (a) AS 1965 (2014 : 56,628 notis perundangan) telah dihantar kepada syarikat yang gagal menyerah simpan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan berdasarkan peruntukan seksyen 165(4) AS 1965. 61,509 syarikat dirujuk untuk tindakan pendakwaan kerana tidak mengadakan MAT, membentangkan akaun beraudit dalam MAT dan menyerah simpan Penyata Tahunan bersama Penyata Kewangan kepada SSM (2014: 12,224); dan

c) 11,373 notis di bawah seksyen 308(1) AS 1965 telah dihantar kepada syarikat untuk memaklumkan tindakan Pendaftar untuk pembatalan nama syarikat (2014: 6,369)

d) Sebagai inisiatif baharu, 53,051 pengarah dan setiausaha syarikat telah disenaraihitamkan pada tahun 2015 kerana melanggar keperluan Akta secara berterusan.

Inisiatif-inisiatif tersebut telah menyumbang kepada kadar pematuhan sebanyak 93% [2014: 92%] bagi tahun 2015. Sejumlah 27,716 syarikat gagal menyerah simpan penyata tahunan pada tahun 2015 (2014: 31,640), iaitu pengurangan sebanyak 12.4% dari jumlah syarikat yang gagal mematuhi keperluan tersebut. Ini berikutan keberkesanan pelbagai inisiatif dan tindakan penguatkuasaan yang telah dilaksanakan oleh SSM.



Pemeriksaan

Dalam usaha mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif serta amalan tadbir urus korporat yang baik di kalangan pengarah syarikat dan pemilik perniagaan, tindakan berikut turut diambil terhadap hasil penemuan pemeriksaan fizikal di premis perniagaan, pemantauan aktiviti perniagaan di media dan Internet serta status kelayakan pengarah-pengarah syarikat. Sejumlah 7,391 (2014:6,784) syarikat, 16,977 (2014:17,118) premis perniagaan dan 145 premis PLT telah diperiksa pada tahun 2015. Hasilnya, sejumlah 200 notis kompaun telah dikeluarkan akibat ketidakpatuhan di bawah AS 1965 dan 141 notis telah dikeluarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan (ROBA) 1956. Menerusi pemantauan Internet dan media secara berterusan, sejumlah 463 notis kompaun telah dikeluarkan kepada perniagaan kerana gagal mendaftarkan atau membaharui lesen perniagaan. Selain itu, 110 notis dikeluarkan kepada syarikat yang gagal menyerah simpan penyata tahunan seperti yang ditetapkan di bawah AS 1965.

Pemeriksaan Di Premis Syarikat, Perniagaan dan PLT

7,391 Premis Syarikat (2014 : 6,784)

16,977 Premis Perniagaan (2014 : 17,118)

145 Premis PLT

Tindakan Dari Hasil Pemeriksaan

Notis Kompaun bagi ketidakpatuhan

200 Notis — Gagal pamer nama & nombor di luar premis

141 Notis — Gagal pamer sijil pendaftaran di luar premis

Pemantauan Entiti Tersenarai

415 Individu & **90** Entiti

yang disenaraihitam oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Berhubung isu-isu berkaitan pengubahan wang haram dan pembiayaan aktiviti keganasan dipantau

Pemantauan Internet dan Media

Tindakan dari hasil pemantauan

1. **463** Notis Pemantauan
   - S.12(1)(a) of APP 1956 S.12(1)(b) of APP 1956 (Gagal mendaftar atau mambaharui perniagaan)
   - S.121(1)(b) of AS1965 (Gagal pamer nama/ nombor pendaftaran di laman sesawang/ media)
2. **110** Notis kompaun bagi kegagalan serahsimpan Penyata Tahunan & Penyata kewangan
3. **325** Pemilik Web gagal dikenalpasti

Pemantauan Pengarah Bankrap dan disabitkan kesalahan

DISENARAIHITAM — **109** Pengarah & **98** Individu

Pemantauan Syarikat dalam Proses Pembubaran

475 Isu notis pematuhan kepada pengarah yang gagal kemukakan Penyata hal Ehwal dan Akaun Syarikat bagi melengkapkan proses penggulungan 151 syarikat

Pemantauan Penyata Kewangan

Bagi memastikan kualiti dan integriti Penyata Kewangan, SSM telah memantau sejumlah 4,996 penyata kewangan sepanjang tahun 2015 dan sebanyak 893 kesalahan dikenal pasti iaitu yang berkaitan dengan ketidakpatuhan terhadap piawaian perakaunan yang diluluskan (2%), gagal menyelenggarakan rekod perakaunan yang mencukupi bagi tujuan pengauditan (31%), menjalankan audit selepas MAT diadakan (23%), kegagalan Perkongsian Liabiliti Terhad untuk menyelenggara rekod dan akaun yang lengkap (22%) dan ketidakselarasan antara Penyata Juruaudit dan Laporan Juruaudit dalam Penyata Kewangan Beraudit bagi Syarikat Berkecuali (Exempt Private Company, EPC) (14%). Sejumlah 619 notis pematuhan, 100 pemeriksaan lanjut terhadap EPC dan 169 kompaun telah dikeluarkan kerana tidak mematuhi peruntukan di bawah AS 1965. Statistik lengkap berserta tindakan yang telah diambil adalah seperti berikut:

PEMANTAUAN PENYATA KEWANGAN

1,526
Penyata Kewangan disatukan bagi tahun kewangan berakhir 2013 dan 2014

2,270
Penyata Kewangan dengan pendapat Juruaudit Bersyarat
(2014 : 3,107)

1,140
Penyata Kewangan Syarikat Berkecuali (EPC)
(2014 : 1,000)


36
Penyata Kewangan Syarikat Berkecuali (EPC)
(2014 : 30)

8
Penyata Kewangan Syarikat Amanah
(2014 : 28)

9
Penyata Kewangan Syarikat Asing
(2014 : 9)

7
Lain-lain Penyata kewangan
(2014 : 108)

HASIL PEMANTAUAN



TINDAKAN SUSULAN

619
Notis Pematuhan dikeluarkan berhubung penyediaan akaun syarikat, penyata kewangan bersyarat, EPC dan PLT
(2014 : 868)

100
Semakan lanjut berhubung keraguan status solven dalam sijil EPC
(2014 : 156)

169
Kompaun berhubung ketidakpatuhan terhadap AS 1965
(2014 : 19)

Pemantauan berterusan terhadap penyata kewangan dan rekod-rekod perakaunan telah meningkatkan pematuhan terhadap peruntukan seksyen 166A AS 1965 berhubung penggunaan piawaian perakaunan yang diluluskan, seksyen 167 AS 1965 bagi penyimpanan rekod-rekod perakaunan dan seksyen 169 AS 1965 bagi penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran kedudukan kewangan syarikat yang benar dan adil.

Pemantauan Syarikat Berhad dengan Jaminan (SBMJ)

SSM memandang serius terhadap tahap tadbir urus korporat SBMJ. Aktiviti-aktiviti SBMJ sentiasa dipantau memandangkan ia mempunyai risiko tinggi untuk disalahguna sebagai platform aktiviti yang menyalahi undang-undang khususnya yang berkaitan dengan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.

SSM memantau SBMJ bagi memastikan sumber pendapatannya dan penggunaan dana tidak menjurus kepada aktiviti yang menyalahi undang-undang yang boleh menjejaskan kepentingan awam dan keselamatan negara. Pemantauan yang dijalankan oleh SSM selaras dengan salah satu saranan utama dalam *Recommendations* oleh *The Financial Action Task Force* (FATF) yang mewajibkan semua negara mengambil tindakan sewajarnya dalam memastikan organisasi pengganas tidak berselindung di sebalik organisasi tidak berasaskan keuntungan (NPO) yang sah.

PEMANTAUAN SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN

Inisiatif sepanjang 2015

500 Borang Maklumat Kewangan (BMK) dihantar melaui Notis S.7(11)(a) AS 1965

158 Notis kompaun S.7(11)(b)of AS 1965 kerana gagal mengemukakan maklumbalas berhubung BMK

Pengedaran **500** risalah berkaitan "Panduan Amalan Terbaik Pengurusan Bagi Syarikat Berhad Menurut Jaminan"

Pertemuan dengan SBMJ terpilih bagi perbincangan isu pematuhan

Memastikan pemahaman terhadap langkah-langkah pencegahan melibatkan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan antaranya mengamalkan prinsip "*know your donors*" dan "*associate entities*" serta mempunyai sistem kawalan dalaman di dalam syarikat

Melibatkan SBMJ yang aktif dalam aktiviti kebajikan di peringkat antarabangsa

634 Borang Soal Selidik dihantar kepada SBMJ bagi mengukur pemahaman terhadap "*Anti Money Laundering Anti Terroist Financing dan Proceeds of Unlawful Activities Act 2001*"

236 maklumbalas diterima

- **94%** Memahami maksud pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan
- **77%** Menyedari risiko bahawa SBMJ terdedah kepada risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan
- **99%** mengetahui kewajipan menyimpan rekod-rekod perakaunan
- **52%** menyedari kewujudan senarai Negara-negara berisiko tinggi yang disenaraikan oleh *Financial Action Task Force* (FATF)
- **52%** mengetahui tentang "*Anti Money Laundering Anti Terroist Financing* dan *Proceeds of Unlawful Activities Act 2001*"

Pemantauan Serahsimpan Borang 55(Penyata Tahunan) oleh SMBJ

1,175 Penyata Tahunan diserahsimpan

50 Notis Kompaun Seksyen165(5) AS 1965 dikeluarkan

Sehingga 31 Disember 2015, sejumlah 2,150 SBMJ telah diperbadankan berbanding 1,972 pada penghujung tahun 2014.

Berikut merupakan inisiatif yang diambil oleh SSM untuk memantau SBMJ:


- Pemeriksaan fizikal dan data termasuk semakan rekod perakaunan dan polisi kawalan dalaman SBMJ;
- Keperluan melapor operasi SBMJ kepada SSM termasuk laporan aktiviti pengumpulan dan pengagihan dana melalui Borang Maklumat Kewangan SBMJ;
- Melaksanakan kaji selidik bagi mengenalpasti tahap kesedaran terhadap isu-isu berkaitan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan; dan
- Sesi pertemuan dengan pemegang amanah dan pegawai-pegawai SBMJ terpilih bagi memahami operasi dan aktiviti yang dijalankan oleh SBMJ berkaitan.

Dalam tahun 2015, sebanyak 1,175 daripada 1,532 SBMJ aktif telah mematuhi keperluan untuk menyerahsimpan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan kepada SSM.

Selain aktiviti penguatkuasaan, SBMJ dan pegawai-pegawainya turut diberi pendedahan berterusan melalui program kesedaran SSM. Sejumlah 500 brosur bertajuk "Panduan Amalan Terbaik dalam Mengurus Syarikat Berhad dengan Jaminan" telah diagihkan kepada pegawai SBMJ sebagai panduan untuk menambah baik pengurusan dan pentadbiran SBMJ.

Pelesenan dan Pemantauan Setiausaha Syarikat

Berdasarkan rekod sehingga 31 Disember 2015, daripada 12,333 (2013: 13,996) individu yang aktif sebagai setiausaha syarikat, 2,618 (2014: 3,207) merupakan setiausaha berlesen yang berdaftar dengan SSM.



Sebanyak 202 pendaftaran baharu bagi mendapatkan lesen setiausaha syarikat diterima oleh SSM sepanjang tahun 2015 berbanding dengan 186 permohonan yang sama pada tahun 2014. Melalui 30 sesi temu duga yang telah dijalankan pada tahun 2015 (2014:26), 55% telah lulus dan layak diberi lesen berbanding dengan 47% pada tahun 2014.

Bagi pembaharuan lesen setiausaha syarikat, daripada 543 permohonan yang diterima (2014:1,053), sebanyak 171 permohonan gagal mematuhi keperluan mata *Continuing Professional Education* (CPE) SSM yang mula diperkenalkan sejak bulan Januari 2010.

Berhubung dengan aktiviti pemantauan, hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan terhadap 399 setiausaha berlesen, 556 notis telah dikeluarkan kepada pengarah syarikat kerana gagal melantik setiausaha baharu dalam tempoh 30 hari dari tarikh peletakan jawatan bagi menggantikan setiausaha yang telah meletakkan jawatan. Melalui pemantauan tahap kompetensi 172 setiausaha aktif, SSM mendapati 62% adalah kompeten dan mencapai tahap profesionalisme yang sewajarnya dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab profesional sebagai setiausaha syarikat.

Pemantauan Juruaudit

Sepanjang tahun 2015, SSM meneruskan pemantauan terhadap tadbir urus dan amalan juruaudit yang diluluskan bagi memastikan pelaksanaan tugas-tugasnya mematuhi semua syarat yang dikenakan keatasnya oleh AS 1965 dan Syarat Kelulusan atau Pembaharuan Kelulusan juruaudit yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia. Pada masa yang sama, SSM turut menjalankan pemantauan bagi menilai sejauh mana pasukan audit dan rakan



kongsi firma audit dapat mempamerkan kebebasan mereka dalam amalan pengauditan.


Sejumlah 567 juruaudit, 795 firma audit dan 1,070 laporan juruaudit telah dipantau dan 376 kesalahan direkodkan yang melibatkan 39 juruaudit di bawah seksyen 9(1) (c)(ii) AS 1965 kerana bertindak sebagai juruaudit syarikat dan pada masa yang sama, merupakan majikan (kepada pengarah syarikat atau setiausaha syarikat berkenaan). 35 lagi kesalahan membabitkan dua juruaudit di bawah peruntukan Seksyen 9(1) (c)(iv) AS 1965 kerana didapati menjadi juruaudit kepada syarikat di mana suami/ isterinya merupakan pemegang saham (pekerjanya merupakan pegawai syarikat tersebut). Turut direkodkan, 52 kes pelanggaran syarat pembaharuan lesen juruaudit iaitu pemegang lesen bertindak sebagai juruaudit syarikat tempat di mana suami atau isterinya bekerja sebagai setiausaha syarikat atau pegawai syarikat tersebut. Sebanyak 32 surat amaran dan 32 notis kompaun telah dikeluarkan kerana tidak mematuhi peruntukan AS 1965, manakala 29 kes lagi telah dirujuk kepada Jabatan Akauntan Negara dan Institut Akauntan Malaysia kerana melanggar peraturan atau salah laku.

SIASATAN

Tahun 2015 memperlihatkan aktiviti siasatan SSM yang masih mengekalkan momentum kecekapan yang selari dengan agenda transformasi yang disokong oleh kerajaan. Inisiatif dan tindakan proaktif telah dilaksanakan untuk membanteras jenayah yang dikenal pasti hasil aduan orang awam atau melalui pemantauan yang berterusan. SSM memfokus aktiviti siasatan terhadap kesalahan tadbir urus korporat, penipuan kewangan dan penganjuran skim pelaburan tidak sah untuk melindungi kepentingan awam. Pada masa yang sama, pegawai Penyiasat SSM terus berusaha memelihara integriti dan pemantapan berdisiplin tinggi dan memperkasa amalan profesionalisme sebagai budaya kerja untuk memastikan imej baik SSM. Hal ini adalah penting bagi SSM supaya pihak berkepentingan dan orang awam terus meletakkan kepercayaan terhadap peranan dan tanggungjawab SSM. Sepanjang tahun 2015, pelbagai langkah dan strategi yang dirancang telah berjaya dilaksanakan. Agenda utama inisiatif siasatan SSM adalah untuk memastikan setiap kertas siasatan yang dibuka berjaya melalui proses siasatan yang telus dan menyeluruh serta diselesaikan dengan kadar segera. Justeru itu, kepentingan awam dapat dilindungi dan remedi yang sewajarnya dilaksanakan sejajar dengan peruntukan bidang kuasa dan undang-undang.

Dalam memastikan agenda utama tersebut dapat dicapai, jalinan kerjasama strategik dengan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan telah dilaksanakan melalui kaedah perbincangan bersama dalam kes-kes siasatan, perkongsian maklumat siasatan dan kerjasama siasatan dan lawatan kerja menerusi jalinan kerjasama dengan pelbagai agensi seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Bahagian Siasatan Jenayah Komersial (JSJK, PDRM), Bank Negara Malaysia (BNM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Pendaftar Pertubuhan (ROS). Pendekatan jalinan kerjasama strategik yang lain pula adalah dengan menganjurkan sesi Jaringan dan Perkongsian Maklumat (Networking and Information Sharing) bersama badan kawal selia, agensi penguatkuasaan, agensi kerajaan, institusi kewangan dan syarikat telekomunikasi. Jalinan kerjasama strategik ini sebagai menyahut seruan YAB Perdana Menteri Malaysia supaya kementerian dan agensi bekerjasama dalam merangka dan melaksanakan inisiatif Strategi Lautan Biru yang kreatif dan bersifat transformasi. Selain itu, SSM masih mengekalkan komitmen terhadap Pasukan Petugas Khas yang diterajui Jabatan Peguam Negara dengan melanjutkan perkhidmatan dua orang pegawai penyiasat dalam pasukan tersebut.

Pecahan Kes Mengikut Kesalahan Yang Disiasat Dalam Tahun 2015



Kertas Siasatan (IP) Berkaitan Tadbir Urus Korporat yang Selesai

Selaras dengan tumpuan siasatan bagi membendung jenayah ekonomi yang melibatkan kesalahan tadbir urus korporat, Bahagian Siasatan SSM telah berjaya melengkapkan kertas siasatan berhubung kesalahan di bawah tadbir urus korporat seperti berikut:

Kesalahan (Seksyen)	Bilangan IP Selesai
Seksyen 364(2) AS 1965: Individu yang membuat atau membenarkan pernyataan palsu atau mengelirukan dalam sebarang bahan	123
Seksyen 132 AS 1965: Pelanggaran tugas-tugas fidusiari oleh pengarah	10
Seksyen 131 AS 1965: Kegagalan pengarah mendedahkan kepentingannya dalam kontrak, hartanah dan pejabat	8
Seksyen 91 AS 1965: Pengeluaran atau penawaran kepada orang awam untuk melanggan atau membeli pemilikan dalam skim tanpa kelulusan surat ikatan	2
Seksyen 300 AS 1965: Kesalahan oleh pegawai syarikat dalam penggulungan	3
Seksyen 15(1)(d) AS 1965: Melarang pelawaan kepada orang ramai untuk mendepositkan wang dengan syarikat bagi tempoh tetap atau boleh dibayar apabila diminta, sama ada mendatangkan faedah atau tidak	1
Seksyen 366 AS 1965: Mendorong orang ramai untuk melabur cara *fraud*	3

Untuk memastikan semua kertas siasatan yang dibuka melalui proses siasatan yang telus dan menyeluruh serta diselesaikan dengan kadar segera supaya kepentingan awam dapat dilindungi mengikut bidang kuasa dan peruntukan undang-undang, SSM telah menganjurkan seminar yang bertajuk "Jaringan dan Perkongsian Maklumat" (*"Networking and Information Sharing"*) pada 13 Ogos 2015 yang disertai oleh badan kawal selia, agensi penguatkuasaan, agensi kerajaan, institusi kewangan dan syarikat komunikasi.

PENDAKWAAN

Dalam menangani kesalahan tadbir urus korporat yang serius dan lain-lain kesalahan lazim, SSM menguatkuasakan undang-undang yang ditadbir di bawah bidang kuasanya seperti yang termaktub dalam Jadual Pertama Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001.

Pada tahun 2015, SSM telah mendaftarkan 10,473 kes di bawah kesalahan tadbir urus korporat serius dan ketidakpatuhan yang melanggar AS 1965 dan APP 1956.

Sabitan Dalam Tahun 2015

Pada tahun 2015, SSM telah memperoleh 1,094 jumlah sabitan terhadap pengarah, syarikat dan individu bagi kesalahan di bawah AS 1965. Statistik sabitan yang diperolehi adalah seperti jadual di bawah:

Sabitan Terhadap Kesalahan Tadbir Urus Korporat yang lazim di bawah AS 1965

Kategori Kesalahan di bawah AS 1965 & APP 19566	Bil. Sabitan Kes pada Tahun 2015
Seksyen 143(1) AS 1965 : Kegagalan mengadakan Mesyuarat Tahunan syarikat	197
Seksyen 169(1) AS 1965 : Kegagalan untuk membentangkan Akaun Untung & Rugi dalam mesyuarat agung tahunan dalam masa yang ditetapkan	141
Seksyen 165(4) AS 1965 : Kegagalan menyerahsimpan Penyata Tahunan	674
Seksyen 165A(1) AS 1965 : Gagal melampirkan penyata juruaudit	9

Kategori Kesalahan di bawah AS 1965 & APP 19566	Bil. Sabitan Kes pada Tahun 2015
Seksyen 370(1) AS 1965 : Prosiding untuk penalti ingkar bagi kesalahan yang berterusan	29
Seksyen 364(2) AS 1965 : Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan	4
Seksyen 7D AS 1965 : Kuasa memanggil untuk pemeriksaan	2
Seksyen 12(1)(a) APP 1956 : Menjalankan perniagaan tanpa pendaftaran	4
Seksyen 12(1)(b) APP 1956 : Menjalankan perniagaan selepas pendaftaran tamat tempoh	29
Seksyen 12(2) APP 1956 : Kegagalan mempamerkan Sijil Pendaftaran Perniagaan	3
Seksyen 12(1)(d) APP 1956 : Membuat atau membekalkan pernyataan palsu kepada Pendaftar	1
Kaedah 17A(1)(b) APP 1956 : Kegagalan untuk menyerahsimpan butir-butir pendaftaran perniagaan	-
Kaedah 17A(2) APP 1956 : Kegagalan untuk mempamerkan papan tanda	1
JUMLAH	**1, 094**

Kes-kes Penting Dalam Tahun 2015

Tahun 2015 telah mencatatkan sejumlah besar sabitan terhadap pengarah dan pegawai-pegawai syarikat bagi kesalahan tadbir urus korporat yang serius, terutamanya yang berkaitan dengan pernyataan palsu dalam dokumen berkanun dan penawaran skim pelaburan tidak sah kepada orang ramai. Hukuman berat yang munasabah telah dijatuhkan terhadap mereka yang disabitkan kesalahan.

Berikut ialah ringkasan kes bagi tahun 2015

Jenis Kesalahan	Kesalahan (Seksyen)	Keterangan
Membuat kenyataan palsu berhubung pemindahan saham dan penyingkiran pengarah syarikat	Seksyen 364(2) Akta Syarikat 1965	Seorang bekas setiausaha syarikat Armas Medina Sdn Bhd, Khaeromze Bin Ahmad, didapati bersalah di Mahkamah Sesyen Johor Bahru kerana membuat kenyataan palsu dalam Borang 49 berhubung dengan peletakan jawatan pengarah dan Borang 32A berhubung dengan pemindahan saham. Tertuduh dijatuhi hukuman denda sebanyak RM210,000 atau jika gagal bayar, 12 bulan penjara.
Kegagalan memberi keterangan bagi tujuan siasatan	Seksyen 7D(5)(a) Akta Syarikat 1965	Seong Sim, telah didapati bersalah melakukan kesalahan di bawah seksyen 7D (5) (a) Akta Syarikat 1965 kerana telah gagal hadir untuk memberi keterangan semasa satu siasatan dijalankan. Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 4,000 atau 5 bulan penjara jika gagal membayar denda. Mahkamah juga mengarahkan tertuduh untuk membayar kos kepada SSM sebanyak RM500 atau 1 bulan penjara jika gagal bayar.
Membuat atau memberi pernyataan palsu kepada Pendaftar	Seksyen 12(1)(d) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956	Orang Kena Tuduh (OKT), Liaw Swee Yow, mengaku bersalah terhadap pertuduhan di bawah Seksyen 12 (1) (d) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 bagi kesalahan memberikan maklumat palsu kepada Pendaftar melalui perkhidmatan e-lodgement yang mana maklumat itu adalah palsu berkaitan dengan pengakuan seorang individu sebagai pemilik perniagaan Bomziet Internet Café. Mahkamah Majistret Kuala Lumpur telah mensabitkan beliau dan menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM2,500 jika gagal bayar dua bulan penjara ke atas tertuduh . Timbalan Pendakwa Raya telah memfailkan rayuan kepada Mahkamah Tinggi terhadap hukuman yang dikenakan. Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menerima rayuan tersebut dan memerintahkan jumlah denda OKT dinaikkan daripada RM2500 kepada RM5000 meningkatkan jumlah, atau penjara tiga bulan sekiranya gagal membayar denda.

Jenis Kesalahan	Kesalahan (Seksyen)	Keterangan
Penyalahgunaan kuasa sebagai pengarah	Seksyen 132(2)(a) Akta Syarikat 1965	Seorang bekas pengarah Urusan Kumpulan Satang Holdings Berhad telah disabitkan bersalah oleh Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur. OKT telah menyalahgunakan kedudukannya sebagai pengarah dengan menggunakan peluang yang diketahuinya dan mengakibatkan kerugian kepada syarikat. OKT didakwa dan disabit di bawah S.132 (2) (d) Akta Syarikat 1965. OKT dikenakan hukuman tujuh belas tahun penjara atas kesalahan penyalahgunaan kedudukan sebagai pengarah syarikat.

Pendaftaran Kes Mahkamah bagi Tahun 2015

Sejumlah 10,473 kes kesalahan ketidakpatuhan dan tadbir urus korporat yang serius telah didaftarkan di mahkamah seluruh negara pada tahun 2015, berbanding dengan jumlah kes sebanyak 30,621 yang didaftarkan pada tahun 2014. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 66%. Jadual di bawah menunjukkan statistik kes yang didaftarkan.

Kes Kesalahan Ketidakpatuhan yang Didaftarkan di bawah AS 1965 dan APP 1956

Kategori Kesalahan	Jumlah Kes yang Didaftarkan Tahun 2015
KESALAHAN TADBIR KORPORAT YANG SERIUS:	
Seksyen 12(1)(d) APP 1956 : Membuat atau membekalkan pernyataan palsu kepada Pendaftar	1
Section 125(1) AS 1965 : Bankrap yang tidak dilepaskan bertindak sebagai pengarah	2
Section 9(1)(c)(ii) AS 1965 : Seseorang pegawai syarikat yang bertindak sebagai juruaudit syarikat	1
Seksyen 364(2) AS 1965 : Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan	8
Seksyen 370(1) AS 1965 : Prosiding untuk penalti ingkar bagi kesalahan yang berterusan	61
Section 7D AS 1965 : Kuasa memanggil untuk pemeriksaan	1
Jumlah	**74**

Kes Kesalahan Ketidakpatuhan yang Didaftarkan di bawah AS 1965 dan APP 1956

Kategori Kesalahan	Jumlah Kes yang Didaftarkan Tahun 2015
KESALAHAN KETIDAKPATUHAN:	
Seksyen 165(4) AS 1965 : Kegagalan menyerah simpan Penyata Tahunan	8,991
Seksyen 143(1) AS 1965 : Kegagalan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan syarikat	576
Seksyen 169(1) AS 1965 : Kegagalan untuk membentangkan Akaun Untung & Rugi dalam mesyuarat agung tahunan dalam masa yang ditetapkan	596
Seksyen 121(1)(b) AS 1965 : Gagal mencetak nama syarikat dan nombor syarikat di atas semua surat rasmi syarikat	1

Kategori Kesalahan	Jumlah Kes yang Didaftarkan Tahun 2015
KESALAHAN KETIDAKPATUHAN:	
Seksyen 121(3) AS 1965 : Kegagalan mempamerkan nama syarikat di semua pejabat	-
Seksyen 12(1)(a) APP 1956 : Menjalankan perniagaan tanpa pendaftaran	2
Seksyen 12(1)(b) APP 1956 : Menjalankan perniagaan selepas pendaftaran tamat tempoh	158
Seksyen 12(2) APP 1956 : Kegagalan mempamerkan Sijil Pendaftaran perniagaan	18
Kaedah 17A(1)(b) APP 1956 : Kegagalan untuk menyerah simpan butir-butir pendaftaran perniagaan	22
Kaedah 17A(2) APP 1956 : Kegagalan untuk mempamerkan papan tanda	35
Jumlah	**10,399**
Jumlah keseluruhan	**10,473**

LITIGASI

Jumlah kes sivil (kes-kes mahkamah) yang dikendalikan oleh Seksyen Litigasi meningkat sebanyak 11% setakat 31 Disember 2015 (450 kes) berbanding dengan tahun 2014 (427 kes).

Kategori fail adalah seperti yang disenaraikan di bawah:

Kategori Fail Dibuka			
Tahun	**2015**	**2014**	**2013**
Kes mahkamah	450	427	364
Pandangan Perundangan	15	16	63
Projek/Mesyuarat	6	6	12
Pelbagai	5	32	35
Jumlah	**476**	**481**	**474**

ULASAN KES-KES SIVIL PENTING YANG MELIBATKAN SSM

Kes sivil yang dikendalikan oleh Bahagian Litigasi melibatkan isu-isu berikut:

(a) Permohonan untuk mengembalikan nama syarikat ke dalam Daftar Syarikat (Seksyen 308(5) AS 1965);

(b) Permohonan berkaitan dengan lanjutan masa dan pindaan pada dokumen gadaian (Seksyen 114 AS 1965);

(c) Tindakan menurut Seksyen 12 AS 1965;

(d) Permohonan berkaitan dengan pindaan pada dokumen di bawah AS1965 seperti Borang 49; dan

(e) Kes-kes melibatkan isu insolvensi.

Antara kes-kes sivil yang dikendalikan oleh Seksyen Litigasi SSM ialah:

i) Kes berkaitan Seksyen 11(10) AS 1965 iaitu untuk membuat rayuan terhadap keputusan Pendaftar

MAHKAMAH TINGGI KUALA LUMPUR SAMAN PEMULA NO.: 24NCC-94-03/2015

NG CHI WENG v PENDAFTAR SYARIKAT

Ini merupakan permohonan untuk merayu keputusan Pendaftar Syarikat di bawah Seksyen 11 (10) Akta Syarikat 1965 di mana Plaintif tidak berpuas hati dengan keputusan Bahagian Pematuhan dan Seksyen Aduan terhadap aduan yang dibuat.

Plaintif yang merupakan pemegang saham kepada syarikat-syarikat terlibat pada mulanya telah membuat aduan mengenai setiausaha syarikat terhadap perkara-perkara berikut:

(a) Setiausaha Syarikat telah gagal memberi maklum balas mengenai pengisytiharan dividen interim syarikat-syarikat kepada Plaintif;

(b) Setiausaha Syarikat telah gagal memberikan salinan penyata akaun teraudit syarikat yang terkini kepada Plaintif;

(c) Setiausaha Syarikat gagal memberi maklumat mengenai tarikh terakhir mesyuarat agung tahunan syarikat-syarikat tersebut kepada Plaintif; dan

(d) Setiausaha Syarikat gagal memberi salinan minit mesyuarat agung tahunan beserta resolusi syarikat-syarikat yang diluluskan kepada Plaintif.

Bahagian Pematuhan telah menjalankan pemeriksaan susulan aduan yang dibuat oleh Plaintif dan mendapati bahawa aduan terhadap setiausaha syarikat tersebut tidak berasas dan tiada sebarang pelanggaran Akta Syarikat 1965. Bahagian Pematuhan seterusnya memutuskan bahawa tiada tindakan lanjut akan diambil terhadap Setiausaha Syarikat tersebut.

SSM membantah permohonan rayuan Plaintif berdasarkan hujah berikut:

(a) Isu yang dibangkitkan oleh Plaintif dalam aduan yang dibuat merupakan isu peribadi antara Plaintif, Setiausaha Syarikat, Lembaga Pengarah dan ahli keluarga Plaintif; dan

(b) keputusan Pendaftar Syarikat terhadap aduan Plaintif telah dibuat secara teratur dan tidak wajar diketepikan.

Hakim Mahkamah Tinggi, Yang Arif Datuk Lau Bee Lan bersetuju dengan bantahan SSM dan memerintahkan kos RM3,000.00 dibayar kepada SSM.

ii) Kes berkaitan Seksyen 12 AS 1965 ke atas syarikat (kewajipan untuk menyerahsimpan).



MAHKAMAH TINGGI KUALA LUMPUR SAMAN PEMULA NO.: 24NCC-148-04/2015

PENDAFTAR SYARIKAT v AWAN MEGAH (M) SDN BHD & 2 ORS

Dalam kes ini, Awan Megah (M) Sdn Bhd (Defendan) telah gagal menyerahkan Laporan Tahunan dan Penyata Tahunan kepada SSM meskipun notis telah dikeluarkan di bawah Seksyen 12 Akta Syarikat 1965.

Oleh itu, SSM membuat permohonan menurut Seksyen 12 AS 1965 di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk memerintahkan Defendan menyerahkan Laporan Tahunan bagi tahun 2008, 2009, 2010, 2011, 2012, 2013 dan 2014 serta Penyata Tahunan bagi tahun 2008, 2009, 2010, 2011, 2012, 2013 dan 2014.

Pada 25 Mei 2015, Yang Arif Tuan Abu Bakar bin Jais telah memberi Perintah untuk Defendan menyerahkan semua dokumen statutori kepada SSM dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh Perintah dan kos hendaklah dibayar kepada SSM.



iii) Permohonan untuk mengembalikan nama syarikat yang telah dikeluarkan di bawah Seksyen 308 AS 1965:

MAHKAMAH TINGGI SEREMBAN SAMAN PEMULA NO.: 24NCVC-8-1/2015

KHALIL MOHD ALI JIRAKI dan SOUZAN MAROF KAIKATI v SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

Permohonan ini dibuat oleh Plaintif untuk mengembalikan semula nama syarikat Egypt-KL Corporation Sdn Bhd menurut Seksyen 308(5) Akta Syarikat 1965 dan Perintah 88 Kaedah Mahkamah 2012. Antara sebab yang diberikan oleh Plaintif dalam permohonan ini ialah syarikat tersebut masih mempunyai harta dan mereka berhasrat melaksanakan urusan jual beli bagi harta tersebut.

SSM membantah permohonan untuk memasukkan semula nama syarikat atas hujah-hujah berikut:

a) Pembatalan nama syarikat dilakukan menurut peruntukan undang-undang;

b) Plaintif-plaintif selaku lembaga pengarah syarikat telah gagal untuk menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pengarah syarikat serta gagal menyempurnakan tadbir urus korporat yang baik;

c) Pendaftar Syarikat diberikan kuasa untuk memegang harta-harta alih dan tidak alih bagi syarikat yang telah dibatalkan namanya menurut Seksyen 310 AS 1965.

Hakim Mahkamah Tinggi Seremban, Yang Arif Datuk Wira Kamaludin mengetepikan permohonan Plaintif dan memerintahkan kos dibayar kepada SSM.



SSM melaksanakan inisiatif-inisiatif penguatkuasaan dengan strategi menyeluruh bagi mencapai penguatkuasaan yang seimbang



INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG

INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah memperkenalkan beberapa pembaharuan undang-undang dalam usahanya untuk mewujudkan satu kerangka perundangan yang dinamik dan berinovatif selaras dengan keperluan komuniti korporat di Malaysia. Dua inisiatif signifikan yang dilaksanakan ialah pembentangan Rang Undang-undang Syarikat 2015 yang baharu bagi menggantikan Akta Syarikat 1965 serta Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015 baharu pada 19 Oktober 2015 untuk bacaan pertama di Dewan Rakyat.

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT BAHARU

Rang Undang-undang Syarikat 2015 yang baharu ini akan memperkenalkan kerangka perundangan yang lebih mantap kepada komuniti korporat Malaysia selari dengan piawaian antarabangsa. Secara dasarnya, Rang Undang-undang Syarikat 2015 ini akan memodenkan rangka kerja undang-undang melalui pemudahan prosedur yang akan membantu permulaan dan pelaksanaan perniagaan.

SSM menjangkakan Rang Undang-undang Syarikat 2015 akan mewujudkan impak positif terhadap komuniti korporat dengan:

1. Meningkatkan kawalan dalaman, tadbir urus korporat dan tanggungjawab korporat;
2. Memudahkan memulakan perniagaan dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan;
3. Memudahkan keperluan pematuhan dan prosedur; dan
4. Memberi fleksibiliti dalam menguruskan hal ehwal syarikat.





RANG UNDANG-UNDANG SKIM KEPENTINGAN BAHARU

Pengenalan Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015 yang baharu adalah penting bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang dikawal selia dengan berkesan serta menyediakan kaedah alternatif penjanaan dana berdasarkan prinsip perusahaan bersama (common enterprise). Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015 ini bertujuan untuk mengawal selia pendaftaran, pentadbiran dan penamatan sesebuah skim kepentingan dan memperketatkan mekanisme perlindungan bagi melindungi kepentingan pihak berkepentingan.

Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015 (pada masa ini tertakluk di bawah Divisyen 5 Bahagian IV Akta Syarikat 1965) ialah rangka kerja undang-undang yang lengkap untuk mentadbir pendaftaran, pengurusan dan penamatan skim kepentingan. Rang undang-undang baharu ini akan memberikan impak berikut:

1. Tiada halangan untuk pertumbuhan dengan membenarkan penawaran kepentingan oleh semua jenis syarikat;
2. Mengiktiraf skim kepentingan yang ditawarkan di luar Malaysia oleh syarikat-syarikat asing yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat;
3. Penambahbaikan kerangka kerja tadbir urus untuk memastikan bahawa kepentingan pemilik skim sentiasa dilindungi;
4. Penambahbaikan hak-hak dan perlindungan pemegang kepentingan; dan
5. Penggunaan prinsip-prinsip Shariah dalam skim kepentingan.

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

Kepentingan pihak berkepentingan senantiasa menjadi teras terhadap inisiatif penglibatan dan kerjasama yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Ianya adalah berdasarkan prinsip yang mudah iaitu penglibatan mereka akan mendorong kepada tindakan yang akan membawa keberhasilan kepada pihak berkepentingan. Justeru, semua tindakan yang diambil akan merangkumi kesemua aspek dari awal hingga akhir. SSM berpegang teguh pada prinsip bahawa kita perlu memahami keutamaan pihak berkepentingan terlebih dahulu dan merujuk mereka dalam melaksanakan inisiatif penambahbaikan dan pelan transformasi yang menyasarkan mereka agar perubahan tersebut menghasilkan impak yang positif.

Untuk memastikan pendekatan yang diambil kekal efektif dan relevan, SSM senantiasa menyemak penyampaiannya dan mengubah suai pendekatan penglibatan demi memenuhi keperluan pelbagai pihak yang berkepentingan. Justeru, SSM sentiasa membuat perubahan dan meningkatkan penyampaiannya kepada pihak berkepentingan dengan menjemput pemimpin negara, wakil kerajaan dan peneraju industri untuk memainkan peranan penting dalam mewujudkan dan mengekalkan nilai keberkesanan SSM. Pengaruh mereka telah membolehkan SSM mengambil pendekatan yang strategik dan teratur dalam menjalin hubungan dengan pihak berkepentingan. Terdapat pelbagai pendekatan yang boleh dimanfaatkan oleh SSM untuk memulakan dan mengekalkan hubungan membina dengan pihak berkepentingan luar dan organisasi mereka.

Inisiatif ini perlu dilaksanakan dengan kerap dan berterusan. Antara inisiatif ini ialah:

- Menetapkan wawasan dan keberhasilan bagi penglibatan pada masa akan datang dan mengkaji tindakan terdahulu;
- Mentakrif kriteria bagi mengenal pasti dan menetapkan tahap keutamaan pihak berkepentingan serta memilih mekanisme penglibatan yang sesuai;
- Memfokuskan petunjuk prestasi utama (KPI) jangka pendek dan panjang serta menentukan sarana bagi penglibatan;
- Melaksanakan penglibatan dengan memastikan sumbangan pihak berkepentingan yang sama rata, mengurangkan ketegangan selain mengekalkan fokus terhadap isu;
- Mengenal pasti peluang berdasarkan maklum balas dan menentukan tindakan, menyemak semula KPI dan melaksanakan tindakan pembetulan bagi penglibatan semasa serta merancang penglibatan untuk masa hadapan.

FORUM RUNDINGAN AMALAN KORPORAT

Sejak diperkenalkan pada tahun 2005, Forum Rundingan Amalan Korporat (Corporate Practice Consultative Forum, CPCF) telah menyediakan wahana bagi kerjasama yang lebih erat antara SSM, ahli badan-badan profesional dan persatuan-persatuan setiausaha syarikat. Keahlian CPCF terdiri daripada:

(a) Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA);

(b) Institut Akauntan Malaysia (MIA);

(c) The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA);

(d) Majlis Peguam Malaysia;

(e) Malaysian Association of Company Secretaries (MACS);

(f) Institute of Approved Company Secretaries (IACS);

(g) Malaysia Corporate Counsel Association (MCCA);

(h) The Advocates Association of Sarawak;

(i) Sabah Law Association; dan

(j) Syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC)

Pada tahun 2015, dua sesi CPCF telah diadakan pada 27 April 2015 bagi membincangkan isu yang berkaitan dengan polisi dan teknikal. Selain itu, forum ini turut memberikan peluang kepada SSM untuk memaklumkan perkembangan terkini tentang produk, nota amalan dan projek baharu kepada ahli-ahli forum.

DIALOG TAHUNAN SSM

Sejak tahun 2005, Dialog Tahunan SSM berfungsi sebagai salah satu saluran utama bagi pihak berkepentingan untuk melibatkan diri dalam perbincangan terbuka dengan SSM. Objektif-objektif utama Dialog Tahunan ialah :

(i) untuk menggalakkan persefahaman dan kerjasama rapat antara SSM dengan pihak industri dan badan-badan profesional;

(ii) untuk berkongsi idea-idea dan memperjelaskan isu-isu berkaitan operasi SSM yang akan mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan; dan

(iii) untuk menyebarkan maklumat kepada ahli-ahli dialog dan orang ramai ke arah memastikan fungsi-fungsi SSM sebagai badan pengawalselia undang-undang yang berkaitan difahami sepenuhnya oleh masyarakat umum.

Dialog Tahunan SSM 2015 yang diadakan pada 15 Disember 2015 di Kuala Lumpur telah dihadiri seramai 142 wakil daripada badan-badan profesional, Dewan Perniagaan, Persatuan Perindustrian dan Agensi Kerajaan lain. Dialog tersebut telah dirasmikan oleh Encik Khuzairi Yahaya, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) SSM. Sesi pertama Dialog Tahunan terdiri daripada dua bahagian yang terdiri daripada dua pembentangan kertas kerja bertajuk "SSM's Updates" dan "SSM's New Initiatives". Sesi kedua pula membincangkan pelbagai isu yang dibangkitkan oleh pihak-pihak berkepentingan.

FORUM DAFTAR KORPORAT (CRF) 2015

Pada tahun 2015, SSM telah mengambil bahagian dalam Forum Daftar Korporat (CRF) 2015 yang diadakan di Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu. Tema persidangan ini ialah "Corporate Registration as a Driving Force for Entrepreneurship". Delegasi SSM yang terdiri daripada tiga orang pegawai kanan dan diketuai oleh Encik Khuzairi Yahaya, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi). SSM telah membentangkan kertas kerja bertajuk "SME High Impact Programme 1 – Integration of Registration and Licensing of Business" dalam forum tersebut.

PENYERTAAN DALAM KAJI SELIDIK ORGANISASI ANTARABANGSA

Pada tahun 2015, SSM turut mengambil bahagian dalam beberapa kaji selidik yang dijalankan oleh Bank Dunia tentang perkara yang berkaitan dengan "Ease of Doing Business Report 2016". Kaji selidik ini khusus berkaitan dengan petunjuk berikut:

(a) Memulakan Perniagaan;

(b) Penyelesaian Insolvensi;

(c) Mendapatkan Pinjaman; dan

(d) Melindungi Pelabur Minoriti.

SSM juga memberikan input untuk:

(a) "Global Forum on Transparency and Exchange of Information for Tax Purposes, Peer Review and the Investment Policy Peer Review" yang dianjurkan Organisation for Economic Co-Operation and Development (OECD);

(b) 2015 Survey by the European Commerce Registers Forum;

(c) Jawatankuasa Teknikal ISO/IEC JTC 1/SC 27 berkenaan "Information Technology Security Techniques and the relevant working groups"; dan

(d) "3rd Mutual Evaluation Exercise of Malaysia by Asia Pacific Group on Money Laundering (APG) and Financial Action Task Force (FATF)".

Penglibatan Malaysia dalam soal selidik dan tinjauan ini akan meningkatkan daya saing Malaysia di peringkat antarabangsa.

USAHA SAMA STRATEGIK DENGAN TABUNG KANAK-KANAK PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU

Usaha sama strategik berkaitan tanggungjawab sosial antara SSM dan Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations Children's Fund, UNICEF) memfokuskan usaha meningkatkan kesedaran tentang isu hak kanak-kanak, aktiviti amal atau komuniti, penyelidikan dan pembangunan tentang isu berkaitan serta pemantauan amalan perniagaan

mesra kanak-kanak dalam persekitaran korporat dan perniagaan di Malaysia. Rangka kerja untuk mencapai strategi yang terdapat dalam set panduan Hak Kanak-kanak dan Prinsip Perniagaan (Children's Rights and Business Principles, CRBP) menggariskan sepuluh prinsip yang boleh dilaksanakan oleh perniagaan dalam usaha menghormati dan menyokong hak kanak-kanak.

Untuk mengukuhkan kerjasama ini, SSM dan UNICEF telah menganjurkan dua bengkel berkaitan Hak Kanak-kanak dan Prinsip Perniagaan (CRBP) pada 23 April 2015 di Kota Kinabalu, Sabah dan 7 Julai 2015 di Kuching, Sarawak. Bengkel ini turut dihadiri oleh IKS, NGO, golongan akademik dan pihak berkepentingan. Matlamat penganjuran bengkel ini adalah untuk meningkatkan kesedaran berhubung CRBP dan menyokong usaha tanggungjawab korporat berkenaan amalan mesra kanak-kanak dalam kalangan peserta. Bengkel ini turut mengukur sikap komuniti korporat di Malaysia terhadap penerimaan saranan persekitaran mesra kanak-kanak.

SEMINAR BERSIRI TANGGUNGJAWAB KORPORAT

Dalam usahanya untuk menggalakkan 'Perniagaan Hijau' di kalangan syarikat dan perniagaan di Malaysia, SSM telah berjaya menganjurkan acara tahunan Seminar Bersiri Tanggungjawab Korporat (CRSS) pada 27 Ogos 2015 di Melaka dengan tema "Amalan Hijau - Ke arah Kelestarian Perniagaan" ("Green Practice – Towards Business Sustainability").

Pemilihan Melaka sebagai lokasi pelancaran usaha kesedaran ini amat tepat memandangkan negeri ini telah melancarkan pendekatan menyeluruh ke arah kelestarian bandar dengan wawasan untuk mentransformasikan Melaka sebagai Negeri Teknologi Hijau menjelang tahun 2020. CRSS telah dilancarkan oleh YBhg. Datuk M.S. Mahadeven Sanacy, Exco Hal Ehwal Syarikat, Sumber Manusia dan NGO. Acara ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelbagai pihak berkepentingan seperti NGO, IKS dan badan kerajaan. Seminar tersebut telah menarik penyertaan seramai 108 peserta.

PELANCARAN SET PANDUAN PELAKSANAAN PERNIAGAAN HIJAU

Inisiatif untuk menerapkan tanggungjawab sosial kepada komuniti korporat bermula dengan pengenalan Agenda Tanggungjawab Sosial SSM pada 30 Jun 2009. Sejak itu, penerbitan tanggungjawab sosial SSM adalah berkaitan dengan aspek sosial dan ekonomi.

Pada 14 April 2015, SSM telah berjaya melancarkan set panduan ketiganya yang bertajuk "Set Panduan Pelaksanaan Perniagaan Hijau" ("A Toolkit to Implement Green Business").

Set panduan ini memfokuskan sokongan terhadap pembangunan amalan perniagaan hijau dalam komuniti korporat. Selain itu, set panduan ini turut menyediakan garis panduan bagi syarikat dan perniagaan untuk mengendalikan perniagaan hijau. Garis panduan ini terdiri daripada tiga kategori iaitu Pejabat Hijau, Perolehan Hijau dan Operasi Hijau dengan objektif-objektif berikut:

- Untuk meningkatkan kesedaran terhadap etika dan persekitaran di kalangan sektor swasta mengenai impak perniagaan bagi memastikan kelestarian alam sekitar yang boleh diwarisi oleh generasi akan datang;
- Memberi garis panduan kepada sektor swasta agar menjadi sumber ekonomi yang lebih cekap, dengan penggunaan sumber secara mampan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap kekurangan bekalan dan harga pasaran yang tidak stabil; dan
- Mempromosi dan mendidik sektor swasta agar menyokong pertumbuhan hijau dengan melibatkan diri dalam pembudayaan perniagaan hijau melalui amalan pejabat hijau, perolehan hijau dan operasi hijau.

Pada asasnya, set panduan ini menyediakan garis panduan dan saranan tentang inisiatif dan aktiviti hijau yang boleh dilaksanakan oleh syarikat dan perniagaan dalam operasi seharian. Terdapat bahagian khusus dalam garis panduan ini yang memberikan cadangan tentang cara Industri Kecil dan Sederhana (IKS) boleh mengamalkan perniagaan hijau dalam pemerolehan dan operasi.

AKTIVITI LAIN BERKAITAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL

MINGGU PENYUSUAN SUSU IBU KEBANGSAAN

Pada 25 Ogos 2015, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menganjurkan Minggu Penyusuan Susu Ibu Kebangsaan di Putrajaya bersempena dengan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia. SSM telah dijemput untuk membentangkan Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik 2/2011 yang bertajuk 'Mewujudkan Persekitaran Kerja yang Kondusif untuk Wanita: Program Penyusuan Susu Ibu di Tempat Kerja' ("Creating a Conducive Work Environment for Women: Program Breastfeeding in the Workplace").

Selain mengambil bahagian dalam forum tersebut, SSM turut diberikan peluang untuk mempamerkan dan mempromosikan penerbitannya tentang Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang berkaitan dengan persekitaran mesra kanak-kanak dan pada masa yang sama, mengukur permintaan dan penerimaan komuniti korporat terhadap persekitaran mesra kanak-kanak CSR dalam syarikat dan perniagaan di Malaysia.

Dilancarkan oleh YAB Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, forum ini disertai penceramah daripada Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) dan Kementerian Sumber Manusia.

FORUM MEJA BULAT PEMEROLEHAN HIJAU

SSM telah dipelawa untuk menyertai perbincangan meja bulat bersama *Green Technology Corporate Corporation of Malaysia* pada 25 September 2015 mengenai Amalan Pemerolehan Hijau dalam sektor swasta. SSM telah membentangkan garis panduan Pelaksanaan Perniagaan Hijau dan turut berkongsi inisiatif yang dilaksanakan di dalam SSM dalam usaha ini.

Selain Duta Belanda ke Malaysia, En. Harry Molernaar, yang telah dijemput menghadiri forum ini, wakil dari Penggunaan dan Pengeluaran Mampan (Sustainable Consumption and Production, SCP Malaysia), EPU, GLC dan komuniti korporat turut mengambil bahagian dalam perbincangan ini.

PERBINCANGAN MEJA BULAT BERKENAAN "STRENGTHENING CORPORATE RESPECT FOR HUMAN RIGHTS: ROUNDTABLE ON THE UN GUIDING PRINCIPLES REPORTING FRAMEWORK AND THE ROLES OF KEY ACTORS IN INCENTIVISING IMPROVED CORPORATE PERFORMANCE".

Pada 2 Oktober 2015, SUHAKAM telah menjemput SSM untuk menjadi ahli panel bagi perbincangan yang bertajuk *"Strengthening Corporate Respect for Human Rights: Roundtable on the UN Guiding Principles Reporting Framework and the Roles of Key Actors in Incentivising Improved Corporate Performance."*

Usaha sama antara Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Malaysia (PBB), *Asian CSR Network, Federation of Malaysian Manufacturers,* dan *Mazars and Shift,* program ini bertujuan memperkenalkan Prinsip Panduan PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia dan Kerangka Laporan UNGP (UNGP Reporting Framework, UNGPRF). UNGPRF ialah kerangka laporan yang menghendaki syarikat melaporkan tanggungjawab korporat terhadap hak asasi manusia dalam perniagaan, iaitu pekerja, keselamatan, persekitaran, pembekal dan semua pihak yang berkaitan dalam perniagaan mereka.

Dalam pembentangannya yang bertajuk *"The need for non-financial reporting by companies in Malaysia",* SSM menekankan kepentingan melaporkan tanggungjawab korporat secara sukarela, iaitu keperluan Semakan Perniagaan (Business Review) yang akan diperkenalkan dalam Akta Syarikat yang baharu.

Program ini dihadiri oleh NGO, wakil syarikat, agensi kerajaan dan persatuan hak asasi manusia.

LAWATAN SAMBIL BELAJAR AHLI MEJA BULAT SISTEM INTEGRITI KORPORAT MALAYSIA

SSM telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Bangkok, Thailand bersama-sama anggota Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM) pada 12 - 13 November 2015 untuk mempelajari dan mengkaji amalan terbaik Ikrar Integriti Korporat di Thailand.

Lawatan sambil belajar ini dimulakan dengan kunjungan ke pejabat *Private Sector Collective Action Coalition against Corruption* (CAC), di Institut Pengarah (Institute of Directors, IOD) Thailand. Di Thailand, IOD merupakan institut yang

menerajui inisiatif pencegahan rasuah yang sedang berusaha ke arah meningkatkan tadbir urus korporat dan profesionalisme di kalangan para pengarah.

Peserta lawatan sambil belajar ini turut menghadiri sesi taklimat yang diadakan oleh Organisasi Antirasuah Thailand (Anti-Corruption Organization of Thailand, ACT), Persekutuan Industri Thai (Federation of Thai Industries), Persatuan Jurubank Thai (Thai Bankers Association), Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Thailand (Securites and Exchange Commission of Thailand), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Kebangsaan (National Anti-Corruption Commission, NACC), Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations Development Programme, UNDP) dan Transparency Thailand.

Lawatan ini diakhiri dengan kunjungan ke Siam Cement Group (SCG) dan Suruhanjaya Sekuriti & Bursa.

PROGRAM OUTREACH DAN PROMOSI

Antara usaha berterusan untuk mendekati pihak berkepentingan dan membantu IKS dalam perniagaan mereka, beberapa program *outreach* komuniti dan penglibatan pihak berkepentingan telah dianjurkan. Antara program ini ialah:

PROGRAM OUTREACH 2015

Program-program anjuran SSM sepanjang 2015 ialah seperti berikut:

Bil.	Program	Tarikh
1	Kayuhan Mesra Niaga Bersama Majlis Agama Islam Perlis (MAIPs)	10 April 2015
2	Suruhanjaya Syarikat Malaysia Online Networking Entrepreneurs (SSM ONE) 2015	4 Jun 2015
3	Kempen #iamSSM #wearecaringMalaysian	18 Ogos 2015
4	Hari Bersama Pelanggan	27 Ogos 2015
5	Karnival Online Networking Entrepreneurs (ONE), Johor	2 Oktober 2015
6	Karnival Online Networking Entrepreneurs (ONE), Sarawak	13 November 2015
7	Walkabout Bazaar Malam	10 Disember 2015

KUNJUNGAN HORMAT KE SSM 2015

Bil.	Program	Tarikh
	Lawatan delegasi ke SSM	
1	Director of Investment and Company Administration of Myanmar	20 Januari 2015
2	Politeknik Mukah	15 Januari 2015
3	Kolej Kemahiran Tinggi MARA Balik Pulau	21 Januari 2015
4	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD) Pulau Pinang	17 Februari 2015
5	Ministry of Jusice of North Rhine-Westphalia	5 Mac 2015
6	Persatuan Setiausaha Bumiputera Utara (SUTERA)	7 Mac 2015
7	Malaysian Association of Company Sercretaries (MACS)	6 April 2015
8	Ministry of Industry and Trade Business Registration and Licensing Agency The United Republic of Tanzania	15 April 2015
9	Institute of Approved Company Secretaries (IACS)	5 Mei 2015
10	Univerisiti Teknologi MARA (UiTM) Perlis	26 Mei 2015
11	Univerisiti Teknologi MARA (UiTM) Terengganu	6 Ogos 2015
12	Maktab Polis DiRaja Malaysia (MPDRM)	7 Ogos 2015
13	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan	18 Ogos 2015
14	Kolej Profesional MARA Perak	11 September 2015
15	Labuan Financial Services Authority (Labuan FSA)	18 September 2015
16	Adelaide University, Australia	21 September 2015
17	Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Utara	22 Oktober 2015
18	Megatech International College, Subang Jaya	4 November 2015
19	Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (PERDASAMA)	17 November 2015

PROGRAM OUTREACH DI PEJABAT NEGERI DALAM TAHUN 2015

Bil.	Program	Tarikh
1	Corporate Tea Talk Bil 1/2015	2 Februari 2015
2	Refresher Course Berkaitan Penyediaan Dokumen ROC Bersama Setiausaha Syarikat Negeri Sembilan	5 Februari 2015
3	Refresher Course Berkaitan Penyediaan Dokumen ROC Bersama Setiausaha Syarikat Negeri Sembilan	10 Februari 2015
4	Refresher Course Berkaitan Penyediaan Dokumen ROC Bersama Setiausaha Syarikat Negeri Sembilan	12 Februari 2015
5	Refresher Course Berkaitan Penyediaan Dokumen ROC Bersama Setiausaha Syarikat Negeri Sembilan	26 Februari 2015
6	Dialog Bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPAD) Pulau Pinang	19 Mac 2015
7	Kempen Mengutamakan Syarikat Patuh Negeri Terengganu	24 Mac 2015
8	Corporate Tea Talk Bil 2/2015	25 Mac 2015
9	Jalinan Strategik Bersama Setiausaha Syarikat Johor	30 Mac 2015
10	Kerjasama Strategik Bersama Setiausaha Syarikat Melaka Bil 1/2015	3 April 2015
11	Pembangunan Keusahawanan SSM 2015	11 April 2015
12	Lawatan SSM Kelantan ke Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Kelantan	13 April 2015
13	Corporate Tea Talk Bil 3/2015	23 April 2015
14	Jalinan Mesra Bersama Setiausaha Syarikat Kelantan	27 April 2015
15	Jalinan Strategik Bersama Setiausaha Syarikat Negeri Sembilan	27 Mei 2015
16	Mesyuarat Kolaborasi Bersama Agensi Penguatkuasaan Negeri Melaka	29 Mei 2015
17	Corporate Briefing Session 2015	9 Jun 2015
18	Kerjasama Strategik Bersama Setiausaha Syarikat Melaka Bil 2/2015	16 Jun 2015
19	Keusahawanan Pelajar	8 Julai 2015
20	Ramah Mesra Bersama Setiausaha Syarikat Labuan	5 Ogos 2015
21	Taklimat Bersama Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA) dan Bank Negara Malaysia (BNM)	24 Ogos 2015
22	Corporate Tea Talk Bil 4/2015	27 Ogos 2015
23	Keusahawanan Pelajar	2 September 2015
24	Jalinan Strategik Bersama Setiausaha Syarikat Sarawak	3 September 2015
25	Forum Bicara Tanggungjawab Korporat GLCs Mampu Memacu Ekonomi Melaka	22 September 2015
26	Jalinan Strategik Penguatkuasaan SSM Miri	22 September 2015
27	Taklimat Pendaftaran Syarikat Kepada Pelajar Kolej Poly-Tech MARA Kuantan	6 Oktober 2015
28	Lawatan SSM Pulau Pinang ke Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Pulau Pinang	15 Oktober 2015
29	Jalinan Strategik Bersama Setiausaha Syarikat Johor	28 Oktober 2015
30	Corporate Tea Talk Bil 4/2015	11 November 2015
31	Kerjasama Strategik Bersama Setiausaha Syarikat Melaka Bil 3/2015	7 Disember 2015
32	Business Corporate Session 2015	15 Disember 2015

PAMERAN DAN EXPO ANTARABANGSA DALAM TAHUN 2015

Bil.	Program	Tarikh
1	The Franchising & Business Opportunities 2015	25 Mac, 2015
2	International Franchise, Licence & Business Concept Expo & Conference (IRFA) 2015	29 Mei, 2015
3	The Franchising & Business Opportunities Expo 2015	19 Ogos, 2015
4	Indonesia Franchise Business Concept Expo	7 Okober, 2015
5	Be My Dealer?: 13th Franchising & Brand Dealership Trade Fair	13 Oktober, 2015
6	Franchising & Licensing Asia (FLAsia) 2015	29 Oktober, 2015

PAMERAN DAN EXPO DALAM NEGARA TAHUN 2015

Bil.	Program	Tarikh
1	Seminar Keusahawanan Muda Komuniti Parlimen Cheras	17 Januari 2015
2	Majlis Pelancaran Skim Bazar Ramadhan (SBR) Peringkat Kebangsaan 2015	9 April 2015
3	Hari Francais 2015	23 April 2015
4	Fasilitasi Industtri Perkhidmatan & Seminar e-Commerce FILIM) 2015	26 April 2015
5	Pusat Sehenti GABEM	26 April 2015
6	Transformasi Penjaja dan Peniaga Kecil 2015	27 April 2015
7	Francais Komuniti Peringkat Negeri Pulau Pinang	4 Mei 2015
8	Majlis Perasmian Menara Kembar Bank Rakyat	15 Mei 2015
9	Konvensyen Keusahawanan Anak Muda Negeri Pulau Pinang	17 Mei2015
10	TM Bizfest 2015	19 Mei 2015
11	Majlis Perniagaan Beretika Kebangsaan 2015 dan Pelancaran Kod Etika Perniagaan Malaysia (EPM), KPDNKK	25 Mei 2015
12	ASEAN SME Showcase & Conference 2015	26 Mei 2015
13	Hari Metrologi Sedunia 2015	10 Jun 2015
14	Franchise International Malaysia 2015	12 Jun 2015
15	Karnival Minggu PKS dan Jelajah Informasi Usahawan Pahang Daerah Pekan	26 Jun 2015
16	BAHTERA - Bumipreneurs of Tomorrow	19 Ogos 2015
17	Jelajah Bijak Wang Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2015	5 September 2015
18	Hari Harta Intelek Negara 2015	10 September 2015
19	Karnival Kerjaya dan Keusahawanan MARA 2015	12 September 2015
20	Kempen Penurunan Harga KPDNKK 2015	17 September 2015
21	Safe Food 2015	18 September 2015
22	Simposium Usahawan Internet 2015	22 September 2015
23	Usahawan Unggul Bersama SSM	5 Oktober 2015
24	Im Youth Carnival 2015	10 Oktober 2015
25	ASEAN Co-Operative Trade Exhibition, Conference & Business Matching (ACOTEX) 2015	15 Oktober 2015
26	Mini Karnival Bulan Pengguna Kebangsaan KPDNKK Peringkat Negeri Pahang	17 Oktober 2015
27	Hari Pengguna Kebangsaan 2015 dan Kempen Malaysiaku Jenama Kita	23 Oktober2015
28	Kejora Kembara dan Fiesta Larut 2015	29 Oktober 2015
29	Outreach Usahawan Belia Negeri Pahang 2015	30 Oktober 2015
30	Malaysian Investment & Stock Exchange Expo (MISEE) 2015	20 November 2015
31	1ASEAN Entrepreneurship Summit (1AES) 2015	21 November 2015
32	Hari Integirit MAMPU 2015	26 November 2015
33	HIP 1 The SME Show 2015	4 Disember 2015
34	Sambutan Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Kebangsaan Tahun 2015	4 Disember 2015

Kayuhan Mesra Niaga Bersama Majlis Agama Islam Perlis (MAIPs)









(SSM ONE) 2015 – The Curve

Kempen #iamSSM #wearecaringMalaysian









Hari Bersama Pelanggan



Karnival Online Networking Entrepreneurs (ONE), Johor



Karnival Online Networking Entrepreneurs (ONE), Sarawak







Walkabout Bazaar Malam



AKADEMI LATIHAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (COMTRAC)

AKADEMI LATIHAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (COMTRAC)

Akademi Latihan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (*Companies Commission of Malaysia Training Academy*, COMTRAC) telah ditubuhkan pada 1 April 2007 dengan matlamat untuk menerajui inisiatif latihan pihak berkepentingan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Misi COMTRAC adalah untuk melatih dan mendidik usahawan perniagaan dan pemain komuniti korporat sejajar dengan fungsi SSM seperti yang ditetapkan di bawah subseksyen 17(d) Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta SSM 2001) yang menyatakan:

Subseksyen 17(d) "...untuk mendorong dan menggalakkan tatalaku yang sepatutnya dikalangan pengarah, setiausaha, pengurus dan pegawai lain didalam sesuatu perbadanan, syarikat, perniagaan, kumpulan industri dan badan-badan professional dalam sektor korporat demi untuk memastikan bahawa segala kegiatan korporat dan perniagaan dijalankan selaras dengan norma-norma yang telah ditubuhkan melalui tadbir urus korporat yang baik."

Selain itu, subseksyen 18(2)(e) Akta SSM 2001 turut menyatakan:


Subseksyen 18(2)(e) "... untuk membuat, menjalankan dan melaksanakan program pendidikan dan latihan yang berhubungan dengan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama"

Sejajar dengan misi COMTRAC, beberapa aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun 2015.

PERSIDANGAN KEBANGSAAN SSM 2015

Persidangan Kebangsaan SSM ke-5 dengan tema, 'Modernising the Companies Act: Creating Synergy in Malaysian Business Landscape' telah diadakan pada 8 hingga 9 September 2015 di Kuala Lumpur dan dirasmikan oleh YB. Dato' Seri Hamzah Zainudin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Persidangan ini dihadiri oleh seramai 560 perwakilan dengan pelbagai latar belakang daripada sektor awam dan swasta.

Komposisi perwakilan Persidangan Kebangsaan SSM 2015




Di Persidangan ini, seramai 23 penceramah, ahli panel dan moderator membentangkan kertas kerja seperti yang berikut:

- *SSM's Transformation Programme*
- *No Par Value Regime. Facing Up to the Implications*
- *Reforming Procedures on Doing Business in Malaysia*
- *Corporate Intermediaries. Creating Synergy in Promoting Better Governance*
- *Interest Scheme Framework. In Need of Reformation*
- *Boardroom Governance in the New Companies Act Regime*
- *Corporate Rescue Scheme. Towards an Effective Corporate Rehabilitation Framework*
- *Regulatory Update: Preserving the Integrity of the Financial System: Prevention of Money Laundering and Terrorism Financing (ML/TF)*

Persidangan ini telah mengupas perkembangan mutakhir tentang kemajuan cadangan Rang Undang-undang Syarikat 2015 dan Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015 serta perubahan utama yang dibuat terhadap statut sedia ada. Selain itu, kemas kini lain yang penting ialah pindaan terhadap undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613) (AML/CFT) yang mewajibkan setiausaha syarikat mematuhi perundangan AML/ATF dan memainkan peranan utama sebagai 'institusi pelaporan' dalam kerangka AML/CFT Malaysia.

SEMINAR SSM SARAWAK 2015

Seminar SSM Sarawak telah diadakan di Kuching, Sarawak pada 7 Oktober 2015 dengan tema, "Revamping the Companies Act". Ucapan pembukaan telah disampaikan oleh En. Khuzairi Yahaya, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) SSM. Seminar tersebut dihadiri oleh 170 perwakilan daripada sektor awam dan swasta yang bukan hanya datang dari Sarawak dan Sabah malah Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan.



Seramai lima orang penceramah membentangkan kertas kerja semasa Persidangan Serantau Sarawak tentang topik berikut:

- *Revolutionising Starting a Business in Malaysia*
- *Towards Boardroom Excellence*
- *Enhancing Shareholder Activism*
- *Getting Prepared for No Par Value Regime and Capital Maintenance Rule*
- *Rationalising Audit and Financial Reporting Framework*
- *Regulatory Update: Preserving the Integrity of the Financial System: Prevention of Money Laundering and Terrorism Financing (ML/TF)*

PROGRAM PENDIDIKAN DAN LATIHAN


A. PENDIDIKAN DAN KESEDARAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Pada tahun 2015, COMTRAC telah menganjurkan 152 program (2014:161) yang dihadiri oleh 7,474 peserta (2014:8,850).

Program korporat yang dianjurkan sepanjang tahun tersebut ialah seperti yang ditunjukkan di bawah:

Program	No. Sesi	Jumlah Peserta
Corporate Directors Training: Programme (CDTP)	14	240
CDTP Fundamental		
CDTP Intermediate		
CDTP Advanced		
CDTP Human Resource Management		
CDTP Fundamental Co-organised		
Company Secretaries Training Programme Essential	24	1,053
Company Secretaries Training Programme Significant	24	1,037
Continuing Education Programme	40	1,598
In-House Training Programme	24	739
Collaboration Programme	15	1,457
SSM National Conference 2015	1	560
SSM National Regional Conference 2015	1	170
Corporate Tea Talk	9	620
Jumlah	**152**	**7,474**

Penyertaan Pihak Berkepentingan dalam Program Pendidikan dan Kesedaran dari Tahun 2013 hingga 2015



B. CORPORATE DIRECTORS TRAINING PROGRAMME (CDTP)

Pengarah syarikat, setiausaha syarikat, ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi, ketua pegawai kewangan, pengurusan kanan syarikat, pekerja korporat, pelabur asing, inovator dan usahawan perlu memahami peranan dan tanggungjawab pengarah syarikat dan pegawai syarikat. Justeru, program Corporate Directors Training Programme (CDTP) direka khusus untuk mencapai matlamat ini.

Program CDTP merupakan satu siri program yang dibahagikan kepada empat bahagian seperti berikut:

- *CDTP Fundamental*
- *CDTP Intermediate*
- *CDTP Advanced*
- *CDTP + Human Resource Management*

Program CDTP dijangka dapat mencapai hasil pembelajaran seperti berikut:

- Mendapat pemahaman yang jelas tentang konsep, ciri dan sifat sesuatu syarikat;
- Menggariskan peranan dan tanggungjawab pengarah syarikat, setiausaha syarikat dan juruaudit;
- Mengetahui hak dan batas pengarah berhubung tatacara lembaga pengarah dan mesyuarat agung;
- Mengenal pasti kesalahan lazim yang dilakukan oleh pengarah di bawah Akta Syarikat 1965;
- Memahami keperluan pematuhan di bawah Akta Syarikat 1965;
- Melaksanakan amalan tadbir urus korporat yang baik dalam mengurus syarikat dan mempamerkan komitmen profesional terhadap amalan beretika;
- Memahami tanggungjawab pengarah dalam pencukaian korporat;
- Membaca dan mentafsir penyata kewangan;
- Memahami konsep pengurusan risiko dan kawalan dalaman serta hubung kaitnya dengan tadbir urus korporat; dan

- Mewujudkan rangka kerja bagi pengurusan sumber manusia yang berkesan di syarikat.

Setiap siri CDTP dibahagikan kepada beberapa modul. Modul-modul bagi *CDTP Fundamental* ialah seperti berikut:

Module 1 : *Dynamics of a Company*

Module 2 : *Key Role Players in a Company - Functions and Responsibilities*

Module 3 : *The Fundamentals of Corporate Governance*

Module 4 : *The Fundamentals of Corporate Responsibility*

Module 5 : *The Fundamentals of Financial Statements*

Module 6 : *Overview of Proposed Companies Bill*

Modul-modul *CDTP Intermediate* pula adalah seperti berikut:

Module 1 : *Roles and Responsibilities of Directors, Company Secretaries and Auditors*

Module 2 : *Law and Practice of Meetings*

Module 3 : *Implementation of Corporate Governance*

Module 4 : *Implementation of Corporate Responsibility*

Module 5 : *The Top Ten Common Offences Committed by Directors under the Companies Act 1965.*

Module 7 : *Introduction to Taxation*

Module 8 : *Understanding Financial Statements*

Modul-modul *CDTP Advanced* ialah seperti yang berikut:

Module 1 : *Roles and Responsibilities of Directors, Company Secretaries and Auditors and Case Study*

Module 2 : *Top 10 Common Offences under Companies Act 1965 and Case Study*

Module 3 : *Catalysing Innovation in Company and Case Study*

Module 4 : *Business Sustainability and Case Study*

Module 5 : *Risk Management and Internal Control and Case Study*

Modul-modul *CDTP Fundamental + Human Resource Management* ialah seperti yang berikut:

Module 1 : *Dynamics of a Company*

Module 2 : *Key Role Players in a Company - Functions and Responsibilities*

Module 3 : *The Fundamentals of Corporate Governance*

Module 4 : *The Fundamental of Corporate Responsibility*

Module 5 : *Fundamentals of Financial Statements*

Module 6 : *Overview of proposed Companies Bill*

Module 7.1 : *Principal Malaysian Labour Legislations*

Module 7.2 : *Introduction to Human Resources Management*

Module 7.3 : *Managing Relationships between Employer and Employee*

Module 7.4 : *Effective Human Resource Management and Leadership*

Pada tahun 2015, sejumlah 14 (2014: 16) program CDTP telah dianjurkan dan dihadiri oleh 240 (2014:443) orang peserta. Butiran program adalah seperti berikut:

Siri CDTP	Jumlah Program	Bilangan Peserta
CDTP Fundamental	4	90
CDTP Intermediate	4	60
CDTP Advance	4	66
CDTP + Human Resources Management	2	24
Jumlah	**14**	**240**

C. COMPANY SECRETARIES TRAINING PROGRAMME ESSENTIAL

Company Secretaries Training Programme (CSTP) Essential ialah kursus wajib di bawah skim mata Pendidikan Profesional Lanjutan (Continuing Professional Education, CPE) bagi setiausaha syarikat berlesen yang dilesenkan oleh Pendaftar Syarikat di bawah seksyen 139A(b) Akta Syarikat 1965.

*CSTP Essentia*l direka untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan yang diperlukan oleh setiausaha syarikat dalam memainkan peranan mereka sebagai penasihat lembaga pengarah. Meskipun kandungan kursus *CSTP Essential* disasarkan kepada setiausaha syarikat berlesen, setiausaha syarikat daripada badan yang diluluskan, pengarah syarikat, kakitangan pengurusan dan sokongan turut dapat memperoleh manfaat daripada program latihan ini sekali gus mampu menggunakan kemahiran ini untuk mengurus syarikat mereka.

Di akhir kursus, para peserta modul *CSTP Essential* akan memperoleh manfaat berikut:

- Mendapat pemahaman yang jelas tentang konsep dan ciri sesuatu syarikat;
- Menyatakan peranan dan tanggungjawab setiausaha syarikat;
- Menggariskan peranan dan tanggungjawab yang merupakan peranan utama dalam syarikat;
- Mengamalkan pengetahuan dalam menguruskan buku-buku berkanun dan mesyuarat syarikat; dan
- Mengenal pasti kesalahan utama di bawah AS 1965.

CSTP Essential terdiri daripada tiga bahagian dan setiap satu bahagian mengandungi dua modul. Peserta dianggap telah melengkapkan program ini selepas menghadiri ketiga-tiga bahagian *CSTP Essential*. Maklumat ketiga-tiga bahagian *CSTP Essential* adalah seperti yang berikut:

BAHAGIAN A

Module 1 : *Anatomy of a Company*

Module 2 : *Roles and Responsibilities of Company Secretaries*

BAHAGIAN B

Module 3 : *Key Role-Players in a Company - Directors,Officers, Shareholders and Auditors*

Module 4 : *Managing the Registered Office, Statutory Books, Returns and Other Documents*


BAHAGIAN C

Module 5 : *Managing Company Meetings*

Module 6 : *Navigating Compliance: Key Offences under Companies Act 1965*

Pada tahun 2015, 24 (2014: 21) program *CSTP Essential* yang diadakan di Kuala Lumpur, Kota Kinabalu, Ipoh dan Kuching telah dihadiri oleh seramai 1,053 (2014: 1,322) orang peserta. Walau bagaimanapun, penyertaan pada tahun 2015 berkurangan sebanyak 20.3% berbanding tahun 2014 kerana sebilangan besar setiausaha berlesen telah menghadiri program ini sejak tahun 2010. Mereka telah memilih untuk menghadiri program susulan iaitu program *Company Secretaries Training Programme (CSTP) Significant.*

Peserta *Company Secretary Programme Essential* dari tahun 2013 hingga 2015



D. COMPANY SECRETARIES TRAINING PROGRAMME SIGNIFICANT

Program *CSTP Significant* yang telah diperkenalkan pada tahun 2013 merupakan program susulan kepada program *CSTP Essential*.

Di akhir kursus, para peserta modul *CSTP Significant* akan memperoleh manfaat berikut:

- Menyemai nilai integriti dan etika korporat yang baik;
- Mengenal pasti peranan setiausaha syarikat dalam membanteras pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan;
- Menyepadukan tadbir urus korporat dan tanggungjawab korporat dalam pengendalian syarikat;
- Mengenal pasti cabaran dan isu utama yang mempengaruhi fungsi harian setiausaha syarikat; dan
- Membaca dan mentafsir penyata kewangan.

Seperti program *CSTP Essential*, program *CSTP Significant* juga terdiri dari tiga bahagian dan setiap satu bahagian pula mengandungi dua modul. Peserta perlu menghadiri ketiga-tiga bahagian *CSTP Significant* untuk melengkapkan program ini.

Maklumat ketiga-tiga bahagian *CSTP Significant* ialah seperti yang berikut:

BAHAGIAN A

Module 1 : *Advocating Integrity and Ethics in the Boardroom*

Module 2 : *Roles and Responsibilities of Company Secretaries in Combating Money Laundering and Terrorism Financing*

BAHAGIAN B

Module 3 : *Company Secretary: Walking the Balance between Professionalism and Performance*

Module 4 : *Integrating Corporate Governance into Company Operations*


BAHAGIAN C

Module 5 : *Integrating Corporate Responsibility into Company Operations*

Module 6 : *Understanding Financial Statement for Company Secretaries*

Pada tahun 2015, COMTRAC telah menganjurkan 24 (2014: 15) program CSTP Significant yang dihadiri oleh 1,037 (2014: 799) orang peserta. Program ini telah diadakan di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Sibu, Johor Bahru dan Kota Kinabalu.

Peserta *Company Secretary Programme Significant* dari tahun 2013 hingga 2015




E. CONTINUING EDUCATION PROGRAMME (CEP)

Program *Continuing Education Programme* (CEP) adalah bertujuan untuk menyampaikan pengetahuan berkenaan topik strategik terpilih yang berkaitan dengan sektor korporat dan pemain peranan utama sektor ekonomi.

Para peserta program ini terdiri daripada pengarah, setiausaha syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, pengurusan kanan syarikat, pekerja, pelabur asing, golongan profesional, pereka cipta dan usahawan.

Peserta *Program Continuing Education Programme* Dari tahun 2013 hingga 2015



Sepanjang tahun 2015, sebanyak 40 program (2014:29) yang dihadiri oleh 1,598 orang peserta (2014:1,403) telah diadakan di Kuala Lumpur, Tawau, Pulau Pinang, Johor Bahru, Sibu, Bintulu, Miri, Kota Kinabalu, Kuching dan Sandakan.

F. PROGRAM LATIHAN DALAMAN YANG DIATUR KHAS UNTUK PELBAGAI ORGANISASI LUAR

Pada tahun 2015, COMTRAC turut menjalankan program latihan dalaman untuk lembaga pengarah dan pegawai pelbagai organisasi. Sebanyak 24 (2014: 40) program latihan dalaman khusus telah diadakan untuk organisasi berikut yang berjaya menarik penyertaan berjumlah 739 (2014: 1,258) peserta:

Tajuk Program	Organisasi
Company Secretaries Training Programme Essential Part A - C	PETRONAS
Corporate Directors Leadership And Integrity Programme (CDLIP)	INTAN
Corporate Directors In-house Training Programme	Tenaga Nasional Berhad
Essentials of Companies Act 1965	Malaysia Anti Corruption Academy (MACA)
Roles & Responsibilities Of Directors, Company Secretaries & Auditors	Tenaga Nasional Berhad
Interpreting Financial Statements	SME Corporation Malaysia
Corporate Directors Training Programme Essential	Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera
Corporate Directors Training Programme Fundamental	Universiti Putra Malaysia
Overcoming Corporate Governance: Challenges in Boardroom in the Boardroom	Tricor Corporate Services Sdn Bhd
Corporate Directors In-house Training Programme	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKNEP)
Dealing With Shareholders	Tricor Corporate Services Sdn Bhd
Overcoming Corporate Governance Challenges	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)
Companies Bill 2015	PETRONAS Group of Companies
Overview of Proposed Companies Bill	Prokhas Sdn Bhd
Transaction of Directors & Conflict of Interests Situation	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)
Corporate Directors Training Essential	Medini Iskandar Sdn Bhd
Corporate Directors Training Programme Essential	Lembaga Juruukur Bahan Malaysia
Companies Bill 2015	KUB Berhad

G. KERJASAMA DENGAN BADAN PROFESIONAL /ORGANISASI

COMTRAC meneruskan pendekatan kerjasama dengan pihak berkepentingan luaran kerana kerjasama yang erat dan hubungan pengurusan sedemikian amat penting. Pada tahun 2015, COMTRAC telah menjalin kerjasama dengan empat organisasi (2014: 10) untuk mengadakan 15 program latihan bersama (2014: 22) dengan penyertaan seramai 1,457 (2014: 1,900) orang peserta. Butiran program yang dijalankan disenaraikan dalam jadual di bawah:

Program	Organisasi
Seminar Kesedaran GST	KPDNKK
Child Rights Business Principles	UNICEF
SSM-IACS Joint Seminar on "Stepping into the World of Directorship"	Institute of Approved Company Secretaries
SSM-IACS Joint Seminar on "Overcoming Corporate Governance Challenges in Boardroom"	Institute of Approved Company Secretaries
Training on Leniency and Financial Penalty under the Competition Act 2010	Malaysian Competition Commission (MyCC)

H. CORPORATE TEA TALKS

Program *Corporate Tea Talk Series* merupakan inisiatif untuk menyediakan latihan percuma terutamanya untuk mendidik dan mewujudkan kesedaran dalam kalangan profesional korporat dan usahawan tentang perkembangan pembaharuan undang-undang. Sebanyak 9 (2014: 16) ceramah telah dijalankan pada tahun 2015 yang dihadiri oleh 620 (2014: 1,186) orang peserta. Sepanjang tahun 2015, dua sesi telah dijalankan di Kuala Lumpur dan satu sesi di setiap lokasi berikut: Shah Alam, Alor Star, Ipoh, Kuala Terengganu, Melaka, Kota Kinabalu dan Miri.

Topik pengisian program *Tea Talk* bagi tahun 2015 adalah seperti dalam jadual berikut:

Tajuk Program	Jumlah Program	Bilangan Peserta
SSM's Enforcement Initiatives and Enforcement of the PSMB ACT, 2001 and the Future Plan	8	474
Corporate Tea Talk: Green Practices, Moving Towards Sustainable Business	1	146
Jumlah	**9**	**620**

I. KERJASAMA STRATEGIK BERTERUSAN ANTARA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM) DENGAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)

Pada 20 April 2015, satu pencapaian penting berjaya diraih apabila SSM dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk mengadakan program yang bertajuk Melestari Setiausaha Syarikat Bumiputera. Program tersebut telah dilancarkan oleh YBhg. Dato' Hj Zaidon Asmuni, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Turut hadir dalam program ini ialah Ketua Pegawai Eksekutif SSM, YBhg. Dato' Zahrah Abd. Wahab Fenner serta En. Khuzairi Yahaya, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) SSM dan En. Rosli Haji Ahmad, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan) SSM manakala UiTM pula diwakili oleh Dekan Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Dasar, Prof. Dr. Zaliha Haji Hussin.

MoU ini merupakan kemuncak beberapa inisiatif proaktif SSM dan UiTM untuk bekerjasama dalam memantapkan prestasi peranan masing-masing sebagai pengawal selia di bawah Akta Syarikat 1965 dan sebagai institusi pengajian tinggi awam dalam usaha mencapai kecemerlangan akademik. Program kerjasama ini bertujuan meningkatkan tahap profesionalisme dalam kalangan usahawan Bumiputera.

Sebagai institusi pengajian tinggi awam yang melahirkan graduan Bumiputera dalam pelbagai bidang setiap tahun, pemilihan UiTM sebagai rakan strategik SSM menepati matlamat program ini. Konsep pembelajaran dalam kelas dilihat selari dengan pendekatan SSM dalam berkongsi dan menyampaikan maklumat semasa dan relevan yang berkaitan dengan setiausaha syarikat berlesen di bawah Akta Syarikat 1965.

50 orang peserta program yang terdiri daripada graduan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Korporat telah menyempurnakan sesi latihan intensif yang berlangsung selama seminggu. Semasa sesi ini, peserta berpeluang berinteraksi dengan wakil SSM yang juga merupakan Pakar Bidang (*Subject Matter Expert*, SME) tentang topik yang dibincangkan dalam program ini.

Mereka yang layak untuk memohon lesen setiausaha syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 telah membuat permohonan dan seterusnya berpeluang menghadiri sesi temu duga yang diadakan oleh SSM semasa program tersebut. Daripada 24 orang calon yang layak, empat belas calon telah lulus dalam temu duga tersebut dan mendapat lesen setiausaha syarikat.

Pemilihan dan kandungan topik dalam modul program ini dilihat sejajar dengan amalan kesetiausahaan korporat semasa dan cadangan Rang Undang-undang Syarikat yang baharu. Justeru, SSM telah menyusun kandungan kursus agar dapat meningkatkan pemahaman peserta tentang amalan industri setiausaha syarikat dan kepentingan mematuhi Akta Syarikat 1965.

CABARAN DAN HALA TUJU 2016

CABARAN DAN HALA TUJU 2016

Walaupun struktur Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang sedia ada baru bertapak selama 14 tahun, namun kewujudannya sudah lebih seabad lamanya. Pada tahun 2002, fungsi pendaftar, pemegang maklumat dan agensi penguatkuasaan telah digabungkan bagi menubuhkan sebuah badan berkanun. Badan berkanun ini yang dikenali sebagai SSM, bertanggungjawab bagi pendaftaran entiti korporat dan perniagaan di Malaysia selain menjadi pemilik dan pembekal tunggal maklumat korporat. Peranan utama yang lain adalah untuk memastikan pematuhan terhadap undang-undang di samping menggalakkan amalan tadbir urus korporat yang baik dan amalan perniagaan yang mampan. Natijahnya, SSM bertanggungjawab menyediakan latihan yang sesuai, bimbingan dan jangkauan (outreach) kepada komuniti korporat serta perniagaan di Malaysia.

SSM telah berkembang dalam pelbagai aspek seiring dengan setiap entiti yang dikawal selianya sejak dari mula lagi. Dari era prakolonial Tanah Melayu, Kemerdekaan dan penubuhan Malaysia, SSM menyaksikan transformasi sebuah negara daripada ekonomi yang berteraskan pertanian dan perladangan kepada kuasa ekonomi global yang moden dan bersepadu, malah antara ekonomi yang unggul di rantau ini.

Meskipun SSM telah berkembang pesat seiring dengan pembangunan negara dan telah melakar banyak kemajuan, keupayaan dan penyampaian perkhidmatannya melalui peranan pelbagai aspeknya sebagai pendaftar, badan berkanun atau agensi penguatkuasaan, terbukti kekal mencabar. Kehendak pihak berkepentingan dan perubahan dalam pengawalseliaan global serta amalan perniagaan sentiasa menguji kekukuhan dan keupayaannya. SSM perlu tegas dalam hal penguatkuasaan namun cukup fleksibel dalam aspek menggalakkan dan mengembangkan peluang perniagaan serta pelaburan bagi memastikan pembangunan ekonomi negara tidak terbantut. SSM terus menghadapi cabaran dalam usahanya memenuhi jangkaan pihak berkepentingan ekoran tekanan untuk perubahan hasil kemajuan sosial, ekonomi dan teknologi. Di samping itu, SSM berperanan sebagai pemangkin pertumbuhan komuniti korporat domestik untuk membolehkannya bersaing dalam persekitaran ekonomi global yang sentiasa berubah-ubah dan kompetitif.

SSM tidak pernah gagal menyahut cabaran daripada persekitaran perniagaan yang pantas berubah. Salah satu respon SSM kepada cabaran ini ialah bacaan pertama pembentangan Rang Undang-undang Syarikat 2015 dan Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015 pada bulan Oktober 2015 di Parlimen. Dua rang undang-undang ini telah dibacakan untuk kali kedua pada April 2016 dan diluluskan oleh Parlimen sebagai undang-undang yang sah. Pembentangan Rang Undang-undang Syarikat 2015 dan Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015 merupakan pencapaian besar bagi SSM yang bakal mentransformasikan komuniti korporat di Malaysia ini. Perjalanan ini panjang dan sukar namun SSM tabah berdepan dengan semakan undang-undang, penggubalan dan perundingan awam yang menyeluruh sehinggalah penyerahan Rang Undang-undang Syarikat dan Rang Undang-undang Skim Kepentingan untuk dibentangkan di Parlimen. Akta Syarikat 1965 sudah wujud dan berfungsi selama 50 tahun. Namun, sejak beberapa tahun yang lalu, terdapat perubahan pesat dalam persekitaran perniagaan dan sifat global kewangan dan pelaburan. SSM yakin bahawa Rang Undang-undang Syarikat 2015 dan Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015 akan meningkatkan minat komuniti perniagaan dan pelabur institusi antarabangsa di Malaysia dan membawa era baharu dalam pertumbuhan dan kemakmuran ekonomi bagi Malaysia.

Cabaran yang dihadapi dalam penggubalan, penyemakan undang-undang, perundingan terperinci dan pembentangan rang undang-undang ini di Parlimen hanyalah permulaan. Cabaran sebenar ialah pelaksanaan undang-undang ini dan perubahan minda pengamal serta pemilik perniagaan tentang selok-belok aspek kendalian akta baharu ini. Untuk menyahut cabaran ini, SSM merancang beberapa jerayawara dan program kesedaran untuk menerangkan tentang ciri dan perubahan yang akan dilaksanakan serta kesannya terhadap semua pihak yang terlibat. Menyedari bahawa SSM turut memerlukan penyusunan semula yang menyeluruh, Program Transformasi SSM telah dilancarkan.

Melangkah ke hadapan, Akta Syarikat yang baharu turut menandakan perubahan paradigma. Kini syarikat tidak hanya akan dinilai berdasarkan prestasi kewangannya

malah akan mengambil kira tadbir urus dan inisiatif tanggungjawab sosial korporat. Cabaran bagi SSM adalah untuk mentransformasikan komuniti perniagaan agar sejajar dengan matlamat dan aspirasi yang dibayangkan oleh Akta Syarikat. Pada dasarnya, perniagaan perlu meningkatkan kawalan dalaman dan menambah baik tadbir urus korporat serta tanggungjawab korporat manakala SSM pula memberikan fleksibiliti dalam mengurus hal ehwal syarikat, memudahkan keperluan dan tatacara pematuhan terutamanya bagi PKS selain memudahkan untuk memulakan perniagaan dan pada masa yang sama, mengurangkan kos memulakan perniagaan.

SSM juga akan lebih peka dan proaktif terhadap pihak berkepentingannya dan komuniti perniagaan, khususnya semasa tempoh peralihan iaitu semasa Akta Syarikat 1965 masih dikuatkuasakan dan sebelum Rang Undang-undang 2015 yang baharu dikuatkuasakan. SSM akan berusaha untuk mendidik dan membimbing mereka agar dapat membuat penyesuaian dengan keperluan baharu akta yang setaraf dengan norma antarabangsa. Di bawah Rang Undang-undang Akta Syarikat yang baharu, meskipun suatu syarikat beroperasi di dalam negara, pemiliknya bertanggungjawab untuk merancang dan menjalankan inisiatif perniagaannya mengikut piawaian antarabangsa agar lebih bersedia untuk mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan yang akan melihat semua aspek perniagaan dan bukan hanya memfokuskan prestasi kewangan semata-mata. Pendekatan antarabangsa ini akan membolehkan Malaysia terus menarik minat pelaburan asing.

Setakat ini, pendanaan massa (*crowd funding)* mempunyai impak yang pelbagai; namun kaedah ini akan diguna pakai pada masa akan datang dan akan kekal menjadi kaedah inovatif untuk memperoleh modal pada kos yang secara relatifnya rendah. Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015 yang baharu menyediakan kaedah alternatif untuk menjana modal yang bukan hanya menjanjikan manfaat, sebaliknya mungkin memberi kesan yang negatif kepada ekonomi jika tidak dikawal selia. Sebagai badan pengawal selia, SSM berfungsi untuk memudahkan pembangunan perniagaan dan pada masa yang sama, bertanggungjawab melindungi kepentingan awam. Walaupun Rang Undang-undang Skim Kepentingan yang baharu menggalakkan pendanaan massa dan manfaat yang berkaitan, Akta ini turut menghendaki tahap tadbir urus, ketelusan dan akauntabiliti yang lebih tinggi, yang merupakan faktor yang penting untuk pertumbuhan, pelaburan dan pembangunan ekonomi. SSM sedang dalam proses mereka garis panduan bagi industri ini untuk memastikan kepentingan pemegang skim sentiasa dilindungi. Seperti Rang Undang-undang Syarikat 2015 yang baharu, pelaksanaan Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015 juga mungkin mencabar, memandangkan hal kendalian dan teknikal yang perlu diterangkan dan diperincikan kepada pengamal dan pihak berkepentingan.

Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015 menawarkan yang berikut:

(i) Semua syarikat, tanpa mengira saiz dan jenis, boleh menawarkan skim kepentingan;

(ii) Syarikat swasta dibenarkan untuk mendaftarkan skim kepentingan berdasarkan kriteria tertentu;

(iii) Skim kepentingan yang ditawarkan di luar Malaysia akan diiktiraf;

(iv) Skim kepentingan perlu mengukuhkan keperluan tadbir urus korporat;

(v) Hak dan perlindungan pemegang kepentingan akan dipertingkatkan; dan

(vi) Skim kepentingan patuh Syariah akan diperkenalkan.

Akta skim kepentingan yang baharu membolehkan semua syarikat, sama ada awam atau swasta, besar atau kecil, untuk menawarkan skim kepada orang ramai tertakluk pada beberapa sekatan, berbanding sebelum ini yang membenarkan syarikat awam sahaja untuk menawarkan skim kepada orang ramai.

Pada masa ini, pendanaan massa mempunyai impak berbeza-beza namun kaedah ini sudah diterima pakai dan akan terus digunakan pada masa akan datang. Kaedah memperoleh modal secara inovatif daripada pasaran modal pada kos yang rendah namun menjanjikan manfaat boleh mengakibatkan kes-kes penipuan jika tidak dikawal selia. Justeru, sebagai badan pengawal selia, selain memudahkan pembangunan perniagaan, SSM menekankan keperluan tanggungjawab terhadap kepentingan awam, malah perniagaan harus memanfaatkan faedah yang ditawarkan dan bersedia mengamalkan tadbir urus, ketelusan dan akauntabiliti yang lebih tinggi untuk mendorong pertumbuhan dan menjadi pemangkin kepada pelaburan serta pembangunan

ekonomi. Pengenalan Rang Undang-undang Syarikat 2016 dan Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2016 yang baharu memerlukan anjakan paradigma menyeluruh dalam penyampaian perkhidmatan SSM untuk memenuhi jangkaan pihak berkepentingan. Perubahan penting yang melibatkan organisasi, proses dan tatacara kerja, misi dan objektif perlu dilakukan di samping sistem teras SSM yang merangkumi seni bina perkakasan dan perisian. Akhir sekali, perubahan ini akan turut menuntut perubahan dalam tugas dan pengagihan sumber manusia dengan penekanan terhadap penyampaian perkhidmatan, penguatkuasaan dan pentadbiran untuk mengendalikan persekitaran baharu susulan pelaksanaan kedua-dua akta tersebut.

Sejak tahun 2014, SSM telah melancarkan Program Transformasi menyeluruh (SSMTP) dan pada tahun 2015, proses kerja dan sistem penyampaian telah dikenal pasti dan diatur semula untuk disesuaikan dengan perubahan yang dibawakan oleh akta baharu. Bidang penting yang memerlukan kerahan tugas sumber dari segi tenaga manusia dan sistem telah dikenal pasti. Bentuk dan struktur pentadbiran baharu yang membolehkan pelaksanaan fungsi optimum di bawah peningkatan jangkaan dan kehendak pihak berkepentingan adalah penting. Melangkah ke hadapan, SSM perlu melaksanakan perubahan tersebut dan mengambil langkah penyusunan semula dan penjajaran SSM secara keseluruhan agar menepati kehendak dan keperluan akta baharu di samping penyampaian perkhidmatan yang lebih dipertingkatkan yang bakal ditawarkan kepada semua pihak berkepentingannya.

Pelaksanaan SSMTP adalah penting untuk mencapai kejayaan ini. Justeru, SSM meletakkan nilai yang tinggi pada sumber manusianya kerana mereka merupakan nadi organisasi dan mana-mana proses perniagaan, malah teknologi dan sistem yang terbaik sekalipun bergantung pada kecekapan dan kemahiran mereka yang mengendalikannya. Sejajar dengan prinsip SSM, kami telah menerima pakai pendekatan strategi 3 peringkat

1. Pertama, transformasi proses perniagaan yang melibatkan peningkatan/transformasi penting yang memperincikan cadangan peningkatan proses perniagaan dan inisiatif automasi berkaitan dalam usaha mencapai matlamat Perekayasaan Proses Perniagaan dan memperoleh penarafan "Memulakan Perniagaan" yang lebih baik. Inisiatif automasi akan disokong oleh pelaksanaan sistem teras dan sokongan yang baharu.
2. Strategi kedua ialah transformasi teknologi dan sistem iaitu persekitaran IT bersepadu yang responsif terhadap perubahan dan menyokong penyampaian strategi perniagaan dan proses perniagaan
3. Akhir sekali, transformasi warga kerja dan organisasi di mana strategi sumber manusia sejajar dengan visi dan misi SSM serta satu set baharu Nilai Teras Korporat (*Corporate Core Values*) yang menyokong dan membolehkan SSM merealisasikan Visinya. Nilai Teras Korporat ini akan mentransformasikan cara perniagaan dijalankan selaras dengan transformasi organisasi.

Meskipun perubahan dibuat dan dilaksanakan, cabaran pada masa akan datang ialah penyampaian perkhidmatan awam, yang menjadi lambang mutu kerja SSM pada tahun-tahun kebelakangan ini. Kerajaan memang menyedari bahawa penyampaian perkhidmatan melalui kementerian dan badan berkanun kepada orang awam dan komuniti perniagaan akan menjadi penanda aras tahap prestasinya. Justeru, terdapat jangkaan yang agak tinggi terhadap penyampaian perkhidmatan awam yang cekap yang seharusnya menjadi keberhasilan usaha yang dijalankan melalui SSMTP.

Pembekal utiliti dan infrastruktur perkhidmatan pengangkutan yang menggunakan model tradisional hampir-monopoli (*near-monopoly*) merupakan penyumbang terbesar dalam pembangunan negara. Namun, faktor sosial dan ekonomi serta ketidakcekapan monopoli memaksa penggunaan model ini dikaji semula. Sejak penubuhan ROC dan ROB, orang ramai semakin peka tentang kualiti perkhidmatan yang diterima dan pilihan yang disediakan untuk mereka. Keperluan untuk bertindak balas kepada perubahan teknologi, terutamanya dalam penyampaian perkhidmatan awam, telah menyebabkan SSM terbeban dengan peningkatan kos operasi.

Permintaan daripada pihak berkepentingan untuk mendapatkan perkhidmatan yang lebih cekap, telus dan lebih berorientasikan pelanggan selain penyediaan penyelesaian bagi isu perniagaan yang lebih rumit telah menyebabkan peningkatan kos operasi. Cabaran besar bagi SSM adalah untuk mencari cara baharu untuk memenuhi permintaan ini tetapi masih mengekalkan

keseimbangan antara kekangan perbelanjaan yang terhad dan memenuhi jangkaan pihak berkepentingan. Justeru, dalam beberapa tahun yang akan datang, SSM bakal berdepan beberapa cabaran paling sukar sebagai Pendaftar dalam persekitaran ekonomi yang berubah dengan pesat.

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Salah satu inisiatif utama SSM pada tahun 2015 adalah untuk meningkatkan prestasi sektor awam dalam pasaran global yang semakin kompetitif. Justeru, SSM akan memperhebat penyampaian perkhidmatan melalui kecemerlangan operasi yang dijangka akan membawa kepada penjimatan kos dan kecekapan untuk pengguna akhir.

Antara langkah yang telah dimulakan SSM untuk meningkatkan prestasi operasi adalah dengan melaksanakan perubahan dalam proses pemerbadanan syarikat di Malaysia.

Pada 16 Mei 2013, SSM telah melaksanakan pemerbadanan syarikat dalam talian mandatori melalui Nombor Identiti Korporat Malaysia (Malaysia Corporate Identity Number, MyCoID) yang menyaksikan penutupan perkhidmatan melalui kaunter secara berperingkat di seluruh Malaysia seperti yang dinyatakan dalam laporan tahunan 2015. Inisiatif ini yang membolehkan syarikat didaftarkan dalam masa satu (1) hari dan pendaftaran dengan agensi yang berkaitan secara *single touch point,* telah dilaksanakan untuk menyelaraskan perkhidmatan SSM. Inisiatif ini telah memberi kesan yang diinginkan iaitu memudahkan dan mengukuhkan proses pemerbadanan melalui portal MyCoID automatik.

Memandangkan capaian dan kepantasan perkhidmatan yang ditawarkan dan dilaksanakan melalui IT dan Internet, SSM menyedari bahawa masa depan penyampaian perkhidmatan terletak pada perkhidmatan dalam talian, bukan pada perkhidmatan di kaunter. Tahun 2015 menyaksikan SSM melancarkan beberapa perkhidmatan baharu seperti ezBiz dalam talian, aplikasi dalam talian e-Info, sistem e-Carian, perkhidmatan e-Kompaun dan sistem MyLLP yang serba baharu dan dipertingkatkan.

Bagi perkhidmatan dalam talian ezBiz, pembaharuan lesen perniagaan boleh dilakukan secara dalam talian dengan menggunakan tiga langkah mudah yang direka khusus untuk mencegah kemungkinan penipuan dan melindungi pengguna. Pengguna perlu mendaftar secara dalam talian melalui portal SSM dan pergi ke mana-mana pejabat SSM untuk mengesahkan identiti dengan pengesahan biometrik mereka sekali seumur hidup. Kemudahan yang tersedia 24 jam sehari, tujuh hari seminggu ini membolehkan pembaharuan perniagaan dilakukan dengan mudah dan pantas. Kaedah ini dapat menjimatkan masa pemilik perniagaan kerana mereka boleh membaharui perniagaan mereka dengan mudah dari rumah atau premis perniagaan dan tidak terikat dengan waktu operasi SSM.

Aplikasi Mudah Alih e-info SSM membolehkan pengguna membeli produk seperti profil syarikat dan perniagaan, perbandingan kewangan dan imej dokumen statutori syarikat melalui perisian aplikasi khusus pada telefon pintar mereka. Untuk memastikan penggunaan yang meluas, aplikasi ini telah dikeluarkan untuk peranti Android dan iOS. Setelah aplikasi ini dimuat turun, pengguna yang telah mendaftar untuk mendapatkan perkhidmatan boleh membeli data yang diperlukan. Istilah "maklumat di hujung jari anda" benar-benar tepat dalam hal ini kerana maklumat dapat diminta dan disediakan dengan pantas dan mudah malah pengguna diberikan jaminan bahawa maklumat sulit mereka adalah dilindungi.

Sistem MyLLP mempunyai ciri dalam talian yang membolehkan penyerahan semua dokumen PLT, pembelian maklumat PLT dan penyenggaraan serta pelaporan maklumat yang berkaitan. Dengan pelancaran sistem MyLLP yang sepenuhnya dikendalikan secara dalam talian, tugas pentadbiran statutori pegawai syarikat menjadi lebih mudah kerana mereka boleh memenuhi keperluan penyerahan dan pentadbiran dokumen dengan lebih pantas dan cekap. Ini turut memberikan manfaat kepada aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan SSM.

Untuk melindungi orang awam daripada sindiket penipuan, SSM telah memperkenalkan perkhidmatan e-Carian yang membolehkan orang awam membuat carian (secara percuma) tentang kesahihan mana-mana entiti perniagaan yang berdaftar di SSM. Orang awam hanya perlu memasukkan nombor pendaftaran syarikat, nombor pendaftaran perniagaan atau nombor perkongsian liabiliti terhad (PLT) untuk mendapatkan paparan maklumat penting tentang entiti tersebut seperti nombor pendaftaran, nama syarikat, perniagaan atau PLT, status

semasa dan nombor GST. Perkhidmatan ini membolehkan orang awam memastikan status sesuatu entiti sebelum membuat keputusan untuk menjalankan sebarang perniagaan dengan entiti tersebut. Sekiranya mereka memerlukan maklumat lanjut, mereka boleh melakukan carian profil syarikat/perniagaan untuk mendapatkan maklumat korporat.

Dalam usaha untuk menggalakkan tahap pematuhan yang lebih tinggi dalam kalangan pemilik perniagaan dan memudahkan pihak berkepentingan memastikan budaya pematuhan dalam kalangan entiti perniagaan, perkhidmatan e-Kompaun telah diperkenalkan. Perkhidmatan ini membolehkan orang awam menyemak sebarang notis kompaun bagi kesalahan yang dikeluarkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, secara percuma.

Selain semua kemudahan ini, SSM sedang dalam proses memperkenalkan kios layan diri yang akan diletakkan di luar premis pejabat SSM di seluruh negara. Pada peringkat awal, kios ini akan menyediakan perkhidmatan seperti pembaharuan lesen perniagaan, pembayaran kompaun dan maklumat perniagaan sementara maklumat korporat dan pendaftaran pengguna bagi perkhidmatan dalam talian akan ditawarkan secara berperingkat. Kios ini akan dilengkapi teknologi pengeluaran tunai dan input pembayaran kad kredit/debit terkini di samping pengesahan biometrik terkini untuk melindungi kepentingan pemilik perniagaan.

Garis panduan untuk pengendali skim kepentingan telah dibincangkan dan ditetapkan untuk menambahbaik rangkakerjapendaftarandanpengurusanskimkepentingan sebelum Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015 dilaksanakan. Bakal diperkenalkan pada tahun 2016 apabila Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2016 yang baharu dilaksanakan, garis panduan tersebut memastikan kaedah pentadbiran dan pengendalian skim yang sistematik dan berteraskan pematuhan. Ini penting memandangkan SSM menjangkakan peningkatan dalam pendaftaran skim baharu berikutan Akta baharu membenarkan sebarang syarikat untuk menawarkan skim tertakluk pada saiz tertentu mengikut status syarikat iaitu sama ada syarikat sendirian berhad atau syarikat awam berhad. Selain itu, dengan jangkaan kemasukan skim berdaftar asing ke Malaysia, garis panduan yang jelas diperlukan untuk memastikan pengendalian skim tersebut melindungi kepentingan pemegang skim.

Perkembangan ini amat menarik di dalam landskap ekonomi Negara kerana skim kepentingan telah muncul sebagai satu kaedah alternatif bagi syarikat yang sedang berkembang mendapatkan dana untuk mengembangkan perniagaan. Sehingga 31 Disember 2015, terdapat 199 (2014: 195) skim kepentingan yang berdaftar dengan SSM. Apabila suatu syarikat mula bertapak dalam industri dan mengekalkan kadar pertumbuhan yang stabil menerusi pembiayaan daripada skim kepentingan, syarikat tersebut boleh meningkatkan kedudukannya secara beransur-ansur untuk menerokai pasaran modal terbuka bagi mendapatkan lebih banyak modal daripada pelabur dalam dan luar negara.

Kemasukan skim kepentingan berdaftar dari luar negara bakal merancakkan skim tempatan kerana mereka perlu bersaing untuk memastikan mereka dapat memberikan pulangan yang dijamin kepada pemegang skim. Melangkah ke hadapan, SSM akan mengambil langkah untuk memastikan proses pendaftaran skim kepentingan dan pentadbiran pematuhan adalah telus dan bertanggungjawab, dan pengendaliannya sejajar dengan prinsip tadbir urus korporat. SSM akan memantau skim tersebut secara aktif untuk memastikan reputasi Malaysia sebagai destinasi pelaburan sentiasa utuh malah kepentingan pemegang saham dalam dan luar negara dilindungi.

Dalam laporan 'Doing Business 2016 Report (DB2016)' yang diterbitkan oleh *International Finance Corporation World Bank,* kedudukan Malaysia jatuh daripada tempat ke-17 pada tahun 2015 ke tangga yang ke-18 pada tahun 2016, namun Malaysia mendahului Ireland (ke-19), Lithuania (ke-20), Austria (ke-21), Switzerland (ke-26) dan Perancis (ke-279). Malah, di rantau ASEAN, Malaysia berada di kedudukan kedua selepas Singapura. Demikian juga, dalam tinjauan berwibawa yang lain seperti *World Emerging Market Logistics, Malaysia* mendapat kedudukan ke-4 dalam kalangan 45 pasaran sedang membangun yang terkemuka di dunia. Penarafan negara dalam Indeks ini dibuat berdasarkan pelbagai faktor termasuk keadaan perniagaan, infrastruktur dan lain-lain yang menjadikan sesebuah negara menarik kepada pembekal logistik. Dari segi daya saing, *World Competitiveness Yearbook* 2015, yang dikeluarkan oleh *Institute for Management Development,* menarafkan Malaysia pada kedudukan ke-14 daripada 61 negara.

Untuk memastikan sumber dan insentif ditawarkan kepada seluruh komuniti perniagaan, pelbagai insentif telah diperkenalkan oleh Kerajaan untuk penjaja dan peniaga kecil. Insentif ini termasuklah Pelan Insurans 1Malaysia Penjaja dan Peniaga Kecil Nasional (P1MPIN) dan Program Penjaja 1Malaysia (PP1M) untuk melonjakkan pertumbuhan negara. P1MPIN ialah skim perlindungan insurans kelompok yang diperkenalkan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan melalui Bank Rakyat yang menyediakan perlindungan 24 jam secara percuma kepada semua peniaga di seluruh negara. Manakala PP1M pula ialah sebahagian daripada Strategi Lautan Biru Kebangsaan 7 *(National Blue Ocean Strategy 7*) yang mempunyai matlamat untuk menjaga kebersihan kawasan sekitar dalam memastikan penyediaan makanan yang bersih dan persekitaran kerja yang selamat. SSM menyokong sepenuhnya Inisiatif Strategik untuk Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil 2015-2020 yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memberikan manfaat kepada lebih sejuta penjaja dan peniaga kecil di seluruh negara. Pelan ini merangkumi empat strategi, iaitu memperkukuh ekosistem, memantapkan daya saing, membangunkan modal insan dan kemampanan kewangan, yang akan menjana pembangunan ekonomi yang teratur dan berstruktur dalam sektor ini.

SSM pula telah menganjurkan program *outreach* untuk penjaja dan peniaga kecil selain peniaga dalam talian. Pada tahun 2015, SSM menganjurkan tiga acara di bawah inisiatif SSM ONE untuk menyatukan komuniti perniagaan konvensional dan dalam talian dengan memudahkan dan menyediakan latihan, teknik pembangunan perniagaan dan pembiayaan keusahawanan perniagaan. Menerusi karnival ini, pemilik perniagaan dan usahawan dapat memanfaatkan perkhidmatan dan bantuan yang disediakan oleh pelbagai kementerian, agensi kerajaan, dana statutori untuk pembangunan perniagaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) melalui pusat sehenti (one stop centre).

Di karnival ini, pelbagai pameran dan perkhidmatan yang menawarkan nasihat dan bantuan disediakan untuk komuniti perniagaan dan usahawan. Selain itu, karnival ini turut disertai personaliti terkenal tempatan yang telah berjaya dalam perniagaan dalam talian untuk memberi inspirasi kepada pengunjung untuk mencapai kejayaan. Seramai 20,000 pengunjung daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi termasuk ahli perniagaan, pelajar institusi pengajian tinggi dan orang awam hadir di karnival ini. Banyak perniagaan dalam talian telah mendaftar dan menghubungi agensi yang berkaitan untuk mendapatkan bantuan dan khidmat nasihat. Sambutan yang memberangsangkan daripada karnival ini jelas menunjukkan bahawa komuniti perniagaan dalam talian memahami keperluan pengawalseliaan dan kawalan yang perlu dilaksanakan untuk melindungi dan membangunkan perniagaan mereka selain mendapat kepercayaan pelanggan dan pembekal. Inisiatif sedemikian akan diteruskan pada tahun 2016 berikutan peningkatan perdagangan dan jumlah dagangannya yang tinggi.

Tidak ragu-ragu lagi bahawa SSM merupakan badan pengawal selia pertama yang menyasarkan komuniti perniagaan dalam talian dan berusaha untuk bekerjasama dengan mereka. SSM juga berusaha menangani isu yang dihadapi oleh semua peniaga terutamanya peniaga kecil, penjaja dan orang kelainan upaya yang ingin menceburi bidang perniagaan. SSM memudahkan proses permohonan dan merujuk mereka kepada agensi kerajaan berkenaan yang menyalurkan bantuan dan insentif untuk membantu kumpulan khusus ini. Dalam usaha memantapkan peranannya, SSM mengambil bahagian dalam beberapa acara seperti pameran dan program outreach yang khusus bertujuan memupuk dan membangunkan kemahiran dan kebolehan perniagaan para peniaga ini. Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan di reruai SSM yang disediakan semasa acara ini untuk membantu peniaga mendaftar atau membaharui lesen perniagaan mereka. Usaha ini akan diteruskan kerana kerajaan berhasrat menggalakkan rakyat terlibat dalam perniagaan untuk mempelbagaikan sumber pendapatan mereka sekali gus mencapai pengurusan kewangan peribadi yang lebih stabil.

Di samping prakarsa ini, SSM juga percaya dalam usaha memupuk bakat keusahawanan belia melalui usaha berterusan untuk menggalakkan, mendidik dan memupuk bakal usahawan yang sedang menyambung pengajian. Usaha ini dilakukan melalui penyertaan dalam acara atau program *outreach* yang disasarkan untuk golongan belia agar mereka dapat melihat daya tarikan perniagaan.

Menerusi Akademi Latihannya (COMTRAC), SSM menyokong usaha Kerajaan untuk mencapai status negara membangun dan berpendapatan tinggi dengan mengukuhkan dan meningkatkan pengetahuan dalam amalan perniagaan mampan. Selain menganjurkan

Persidangan Kebangsaan SSM (SSM National Conference) 2015 di Kuala Lumpur, Persidangan Serantau SSM *(Regional Conference*) 2015 di Sarawak dan kursus khas yang disesuaikan dengan keperluan khusus organisasi, COMTRAC merancang untuk menjalin kerjasama dengan universiti dan badan profesional dengan matlamat untuk memaklumkan perkembangan terkini tentang pembangunan dalam persekitaran korporat kepada pihak berkepentingan.

INISIATIF PENGUATKUASAAN

Memandangkan persekitaran ekonomi yang semakin tidak menentu, terdapat keperluan untuk rangka kerja korporat global yang dinamik dan moden. SSM telah mengambil tindakan melalui inisiatif pembaharuan undang-undang yang signifikan - pembentangan Rang Undang-undang Syarikat 2015 dan Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015 yang baharu. Setelah termaktub sebagai undang-undang, Rang Undang-undang ini bakal merancakkan persekitaran perniagaan di Malaysia.

Usaha gigih SSM dalam memastikan pematuhan kepada penyerahan mandatori penyata tahunan dan akaun kewangan teraudit telah menghasilkan pencapaian kadar pematuhan yang membanggakan sebanyak 93% bagi tahun 2015. Dalam usaha untuk memperkasa tindakan penguatkuasaan, strategi penguatkuasaan pada tahun 2015 akan memfokuskan pemantauan aktiviti perniagaan oleh entiti yang diperbadankan atau berdaftar dengan SSM untuk memastikan entiti ini tidak terlibat dalam pengubahan wang haram dan aktiviti pengganas di Malaysia. Untuk mencapai matlamat ini, SSM akan mempergiatkan inisiatif 'penglibatan langsung pemegang kepentingan' yang akan melibatkan setiausaha-setiausaha syarikat dan pengarah-pengarah syarikat untuk menggalakkan pematuhan kepada Akta yang ditadbir oleh SSM serta menggalakkan tadbir urus korporat dengan tahap yang lebih tinggi dalam kalangan komuniti perniagaan.

Rang Undang-undang Syarikat 2015 dan Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015 baharu yang akan dikuatkuasakan serta pelaksanaan SSMTP akan mencetuskan anjakan paradigma dalam penguatkuasaan. Kakitangan SSM yang arif dengan peruntukan baharu ini akan turut diberikan latihan untuk menangani masalah awal yang mungkin timbul apabila akta baharu ini dikuatkuasakan. Pengawasan dan pemantauan akan dipertingkatkan lagi dengan tenaga manusia dan sistem *back office* yang serba baharu akan diwujudkan dengan modul penguatkuasaan khusus untuk memastikan pemantauan dan tindakan susulan yang pantas lagi cekap untuk menerapkan budaya berteraskan pematuhan. Penjimatan kos yang diperoleh daripada bahagian sumber manusia susulan automasi sistem bagi proses tertentu akan disalurkan semula kepada penguatkuasaan. Inisiatif ini dijangka dapat memastikan tahap pematuhan lebih tinggi kepada peruntukan undang-undang yang dikawal selia oleh SSM.

SSM akan meneruskan program *outreach* komuniti untuk memperkenalkan produk dan perkhidmatannya kepada pihak berkepentingan. Program sedemikian menjadi perantara penting bagi SSM untuk memahami dan menangani isu dan masalah pihak berkepentingan selain membolehkan SSM menerima maklum balas berterusan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan. Di samping itu, dialog tahunan dan Forum Rundingan Amalan Korporat (*Corporate Practice Consultative Forum*, CPCF) dengan badan-badan yang ditetapkan, pihak berkepentingan dan organisasi profesional dengan tujuan meningkatkan kefahaman dan menghebahkan produk dan perkhidmatan SSM, dasar dan hal teknikal yang terkini. Dialog dan program jangkauan ini disasarkan untuk menyediakan saluran bagi pertukaran idea dan penyebaran maklumat untuk memupuk hubungan yang lebih erat dan meningkatkan kecekapan SSM secara keseluruhan.

Melangkah ke hadapan, SSM akan meneruskan program transformasinya untuk membawa perubahan besar dalam keseluruhan sistem penyampaian, khususnya dalam tadbir urus korporat dan ketelusan dalam usaha mencapai visinya untuk menjadi pendaftar bertaraf dunia. Peranan dan fungsi SSM telah berkembang daripada Pendaftar syarikat dan perniagaan kepada badan pengawalseliaan dan penguatkuasaan selaras dengan keperluan dan aspirasi pihak berkepentingan, komuniti perniagaan dan persekitaran korporat yang sentiasa berubah. SSM juga akan meningkatkan usaha untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif supaya Malaysia menjadi destinasi pilihan untuk perniagaan. Malah SSM akan meneruskan inisiatif proaktif untuk memantapkan lagi matlamat rangka kerja korporat yang kondusif dan telus agar komuniti perniagaan dapat mewujudkan persekitaran perniagaan yang berdaya saing dan dinamik sejajar dengan pembangunan negara ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020.

PENYATA KAWALAN DALAMAN

PENYATA KAWALAN DALAMAN

PENGENALAN

Tadbir Urus Korporat telah menjadi satu fenomena utama dalam Sektor Korporat Global. Dalam ekonomi global, tiada negara yang mampu mengekalkan dan mengendalikan perniagaan dan pengurusan korporat secara berasingan. Desakan dari kebangkitan media sosial dan kuasa yang dibekalkan daripada pemerhati pelabur telah mendesak badan korporat dan pelabur dalam memastikan amalan terbaik dan prinsip tadbir urus dilaksanakan sepenuhnya di mana ketidakpatuhan ditekankan dan pelaburan akan disekat.

Fenomena ini memberi kesan kepada badan kawal selia seperti petikan dari bahasa latin "*quis custodiet ipsos custodes*?" iaitu secara literal diterjemahkan kepada siapa yang memerhati pemerhati atau siapa yang mengawal pengawal. Penyelesaian ini sebahagiannya ditujukan kepada para pengawal selia untuk memelihara diri mereka dengan baik, dimana badan kawal selia yang mempunyai kawalan dan pematuhan yang teguh yang dibina didalam budaya sesebuah organisasi dengan garis laporan yang berbeza bagi memastikan pembahagian dan tanggungjawab yang betul.

Kegawatan kewangan di pasaran dunia baru-baru ini telah menunjukkan bahawa prinsip ini mengambil masa yang agak lama bagi membina kepercayaan tetapi sebaliknya ia mengambil masa yang amat singkat untuk hilang. Sebagai Pengawal selia, hilang kepercayaan terhadap keupayaannya boleh mengakibatkan kemusnahan kepada organisasi dan Negara secara keseluruhannya. Penyelesaian yang dinyatakan di atas adalah sebahagian daripada kaedah untuk menyelesaikan persamaan pemantauan yang telus dan bersemangat oleh pihak berkepentingan bagi memastikan tadbir urus, kawalan dan akauntabiliti diamalkan oleh semua.

Di zaman berteknologi ini, pihak berkepentingan dan orang awam mudah memperolehi maklumat melalui laman sesawang dan media sosial, oleh yang demikian Pendaftar perlu berwaspada kerana segala tindakan dan amalan mereka sentiasa diperhatikan. Keadaan ini sangat bersesuaian untuk perkembangan tadbir urus seperti yang dinyatakan sebelum ini, di mana ianya akan menggalakkan nilai teras seperti ketelusan, akauntabiliti, pengawasan dan integriti. Keadaan ini akan memastikan bahawa mekanisme kawalan dan rangka kerja yang kukuh telah sedia ada bagi nilai teras untuk bertapak.

Objektif utama kawalan dalam organisasi adalah seperti berikut:

1. Bagi memastikan integriti yang berterusan dalam fungsi pendaftaran perniagaan dan pemerbadanan syarikat serta lain-lain aktiviti berkaitan yang dilaksanakan dan akan memberi jaminan kepada pihak yang berkepentingan dalam kesinambungan daya saing ekonomi Negara;

2. Aktiviti-aktiviti penguatkuasaan dijalankan dengan mengambil kira undang-undang dan proses di mana organisasi menjalankan tugasnya untuk meyakinkan pihak-pihak berkepentingan bahawa bidang kuasa dan kuasa penguatkuasaan yang diamanahkan kepadanya oleh undang-undang diuruskan, dikawal dan dijalankan dengan teliti;

3. Integriti maklumat korporat dan perniagaan sentiasa terpelihara di mana ianya boleh dipercayai oleh semua pihak yang berkepentingan tanpa sebarang persoalan;

4. Sebagai pihak berkuasa yang bebas dan mempunyai sumber kewangan yang tersendiri, pengurusan dalaman dan operasinya diuruskan dengan cara menggabungkan prinsip-prinsip tadbir urus yang diharapkan oleh mereka yang dikawal selianya.

TANGGUNG JAWAB BAGI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Anggota Suruhanjaya SSM bertanggungjawab dalam memastikan persekitaran terbaik dan kondusif di dalam organisasi bagi memastikan misi, matlamat dan objektif SSM tercapai. Sistem kawalan pengurusan risiko dalaman telah dibangunkan oleh pihak pengurusan dengan kerjasama pemilik proses dari pelbagai bahagian di dalam organisasi. Setiap bahagian tersebut telah

membangunkan pelbagai polisi dan prosedur berserta kawalan dalaman yang relevan dengan proses bagi kerja bagi menangani risiko-risiko yang berkaitan.

Pihak pengurusan bertanggungjawab kepada Anggota Suruhanjaya dengan mewujudkan sistem kawalan dalaman yang efektif dan seterusnya menjadi asas serta mekanisme kawalan dan semakan yang kukuh di dalam organisasi untuk melindungi kepentingan SSM dan pihak-pihak berkepentingan. Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (JAPR) bertanggungjawab untuk menyemak penyata kewangan tahunan Suruhanjaya serta menyatakan pendapat ke atas kawalan dalaman sedia ada melalui aktiviti-aktiviti pengauditan yang dijalankan di mana ianya telah dinyatakan dengan jelas di dalam piagam JAPR.

JAPR telah ditubuhkan oleh Anggota Suruhanjaya sebagai jawatankuasa utama yang berfungsi untuk mengkaji dan menilai semula kemampuan dan integriti kawalan dalaman serta fungsi pengurusan risiko di SSM secara berterusan. Perkara ini adalah selaras dengan peranan Anggota Suruhannya sebagai pengawal selia Suruhanjaya bagi pihak Negara. Anggota Suruhanjaya telah memilih di kalangan ahli-ahlinya sebagai anggota JAPR dan melantik salah seorang daripada kalangan mereka sebagai Pengerusi. Tugas JAPR adalah untuk memantau aktiviti-aktiviti Audit Dalam dan fungsi pengurusan risiko di dalam SSM.

PENGURUSAN RISIKO

Pengurusan risiko adalah satu proses pencegahan melalui pemerhatian dan laporan di mana kaedah ini dapat mencegah sesuatu peristiwa yang tidak diingini daripada berlaku atau kesannya dapat dikurangkan ke tahap yang paling minima. Kami berkeyakinan bahawa risiko sememangnya tidak boleh dihapuskan sama sekali tetapi ia boleh diuruskan. Antara pendekatan pengurusan risiko yang diaplikasikan adalah seperti penyeliaan berasaskan risiko, penguatkuasaan strategik, kajian ke atas undang-undang produk serta membangunkan pelan pemulihan bencana teknologi maklumat.

Objektif bagi pengurusan risiko adalah seperti berikut:

- Memberi jaminan bahawa kita sentiasa mengenal pasti dan mengurus risiko SSM dalam semua aspek secara berterusan;
- Kesedaran mengenai kepentingan untuk menguruskan risiko dapat mempertingkatkan proses membuat keputusan oleh Anggota Suruhanjaya dan pihak pengurusan;
- Penglibatan audit dalam setiap proses penilaian dan keputusan tender dapat menggalakkan ketelusan serta tadbir urus korporat yang baik;
- Memudahkan perkongsian maklumat dan penyelarasan kerja, serta dapat mempertingkatkan tahap kecekapan penggunaan sumber dan mengelakkan pertindihan kerja; dan
- Menyediakan kaedah penilaian risiko yang bersesuaian serta menilai sama ada isu-isu yang dibangkitkan boleh diterima atau perlu ditolak.

Dengan adanya proses perancangan dan pengurusan risiko, Seksyen Audit Dalam sentiasa memastikan objektif audit, strategi serta program yang dirancang selari dengan risiko-risiko yang berkaitan dengan persekitaran SSM; mengambil kira tangungjawab SSM terhadap sektor korporat dan perniagaan dan isu-isu berkaitan sumber dan operasi SSM sebagai badan penguatkuasaan dan pendaftaran. Selain itu, kami juga menilai kecekapan proses kerja, manual prosedur kerja, sistem kawalan dalaman organisasi (sistem dan operasi) serta amalan tadbir urus dalam menangani risiko ke tahap paling minimum bagi mencapai matlamat, objektif dan misi SSM.

Pendekatan menangani risiko dilaksanakan dengan mengambil kira keseluruhan aspek berkaitan di mana setiap Bahagian sebagai pemilik proses perlu mengenal pasti dan menilai risiko yang boleh mempengaruhi organisasi selaras dengan peranan SSM selaku badan kawal selia bebas persekutuan yang mempunyai kuasa autonomi mentadbir dan menguatkuasakan undang-undang syarikat dan perniagaan serta sebagai pemegang amanah dokumen berkanun syarikat. Ini dapat dicapai melalui pembangunan profil risiko keseluruhan organisasi yang disediakan oleh Unit Pengurusan Risiko (UPR). Proses ini sentiasa dipantau oleh pihak pengurusan dengan bantuan UPR. Seksyen Audit Dalam juga akan mengambil kira risiko-risiko tersebut dalam kerja-kerja pengauditan yang dijalankan serta ketika membuat perancangan audit. Sekiranya terdapat penemuan risiko baru semasa pengauditan dijalankan, ia akan dimaklumkan bagi mengemas kini profil risiko sedia ada

serta memastikan langkah-langkah pencegahan diambil bagi mengurangkan risiko.

Pada tahun 2015, Unit Pengurusan Risiko (UPJ) telah melaksanakan proses berikut:

1. Mengkelaskan kes di bawah Seksyen 12 (1)(d) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, sebagai Penunjuk Risiko Utama di dalam proses pendaftaran perniagaan.

AUDIT DALAM

Bagi memastikan sistem kawalan dalaman beroperasi sebagaimana yang disasarkan, proses pengauditan yang dilaksanakan oleh Seksyen Audit Dalam adalah bebas daripada pengaruh dan kawalan pihak pengurusan serta operasi, seterusnya memastikan tahap dan integriti sistem kawalan dalaman terjamin. Bagi memelihara kebebasan dan objektif pengauditan, Ketua Seksyen Audit Dalam melaporkan secara pentadbiran kepada Ketua Pegawai Eksekutif manakala fungsinya kepada JAPR. Penempatan dan pertukaran pegawai dan staf di Seksyen Audit Dalam hanya dilakukan setelah mendapat kelulusan JAPR.

Proses pengauditan yang akan dilaksanakan oleh Seksyen Audit Dalam adalah berdasarkan kepada perancangan tahunan yang telah disemak dan diluluskan oleh JAPR.

Setelah selesai proses pengauditan, mesyuarat dengan pihak yang diaudit akan diadakan untuk memastikan kefahaman yang jelas tentang tindakan yang seharusnya diambil. Seterusnya laporan-laporan audit yang mengandungi maklum balas daripada bahagian yang diaudit, akan dibentangkan kepada pihak pengurusan untuk diulas dan dibincangkan. Sebelum mesyuarat JAPR, satu perbincangan awal diadakan dengan pihak pengurusan kanan untuk membincangkan tindakan-tindakan pembetulan yang telah diambil berhubung penemuan audit kepada ahli-ahli JAPR.

Melalui mesyuarat yang diadakan secara berkala oleh JAPR, penemuan-penemuan audit akan dibentangkan dan sekiranya perlu, ia juga akan dibentangkan kepada Anggota Suruhanjaya untuk perbincangan lanjut dan pihak pengurusan pula perlu mengemukakan pelan rektifikasi.

Pada tahun 2015, Seksyen Audit Dalam telah melaksanakan pemeriksaan dalam bidang-bidang berikut:

1. 14 pejabat-pejabat Negeri dan satu (1) Cawangan SSM yang meliputi aspek operasi dan kewangan.
2. Semakan ke atas proses maklumat korporat (dengan mengambil kira fungsi SSM sebagai pengawal selia korporat) yang berkaitan dengan maklumat korporat dan perniagaan bersama-sama dengan imej yang menyokong maklumat korporat dan proses kerja serta kawalan dalaman yang berkaitan.
3. Semakan ke atas fungsi beberapa Bahagian di Pejabat Penguatkuasaan.
4. Semakan ke atas fungsi dan operasi di Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan.
5. Semakan ke atas aspek-aspek pentadbiran, kewangan dan fungsi pengurusan sumber manusia di dalam organisasi.

FUNGSI KAWALAN DALAMAN

Elemen-elemen utama fungsi kawalan SSM adalah seperti berikut:

- Mewujudkan satu struktur pelaporan organisasi yang jelas dengan penetapan garis panduan oleh pihak pengurusan atasan.
- Satu dasar latihan yang konsisten dan mewujudkan perancangan penggantian bagi memastikan kesinambungan peranan dalam membuat keputusan kritikal.
- Mengemas kini Penilaian Penunjuk Prestasi Tahunan (KPI) dan Sasaran Prestasi Utama (KPT) secara berterusan dan menyemak semula polisi dan prosedur bagi mencapai objektif, visi dan misi organisasi.
- Menilai semula sistem kawalan dan prosedur secara efektif dan berterusan.

- Perubahan paradigma dalam proses dan prosedur bekerja, di mana bengkel telah dianjurkan di tahap fungsi kerja bertujuan untuk memikirkan semula kaedah dan proses kerja semasa, dan menerima pakai pendekatan proses yang berbeza tetapi dengan matlamat akhir yang sama iaitu sebagai persediaan kepada Program Transformasi SSM (OTP) dan pindaan menyeluruh kepada Akta Syarikat yang dijadualkan untuk pembentangan pada tahun 2015.
- Seksyen Integriti berperanan memantau kelakuan, salah laku dan integriti staf SSM.
- Proses pengambilan cuti, tuntutan dan pembayaran pendahuluan melalui sistem berkomputer dilihat sebagai berisiko tinggi dan terdedah kepada penyalahgunaan. Pegawai yang meluluskan akan diberi akses meluluskan tuntutan berdasarkan rekod dan dokumen sokongan yang dimuat turun melalui sistem.
- Setiap staf diminta mengisytiharkan semua kepentingan atau hubungan yang boleh mengaitkan atau meletakkan mereka dalam kedudukan mempengaruhi sebarang keputusan yang dibuat.
- Polisi dan prosedur dalam proses perolehan telah menetapkan dua jawatankuasa berbeza iaitu komersil dan teknikal di mana kedua-dua jawatankuasa ini memainkan peranan berbeza dalam menilai sesuatu tender. Setiap penilaian yang dibuat oleh kedua-dua jawatankuasa ini akan dinilai dan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Perolehan.
- Penglibatan juruaudit dalam sebagai pemerhati bebas di semua peringkat proses perolehan melalui kaedah tender adalah bertujuan menggalakkan ketelusan dan akauntabiliti.
- Dasar Keselamatan ICT SSM telah diperkenalkan untuk memastikan perlindungan yang berkesan dan penggunaan komputer SSM secara betul. Polisi ini merupakan garis panduan yang lengkap dan membantu meningkatkan disiplin serta memberi rujukan jelas bagi staf Bahagian Pengurusan IT dalam menjalankan tugasan mereka.
- Polisi Kawalan Capaian membenarkan pegawai yang berkuasa melihat tahap akses setiap staf bagi tujuan memantau tahap capaian yang dibenarkan mengikut skop kerja bagi setiap staf tersebut.
- Pihak berkuasa berkaitan klasifikasi dokumen dibolehkan untuk memilih individu untuk mengklasifikasikan dokumen-dokumen tertentu dan seterusnya mengendalikan prosedur berkaitan pengurusan dan pengendalian dokumen.
- Pekeliling, memo, manual dan prosedur yang disediakan secara dalam talian membolehkan staf mendapatkannya secara mudah dan ini merupakan usaha untuk menggalakkan kesedaran dan pematuhan di kalangan staf SSM.
- Penguatkuasaan rasmi Dasar Pemberi Maklumat Dalaman berdasarkan peruntukan Akta Pemberi Maklumat 2010 bersama- sama dengan garis panduan jawatankuasa bagi pelaksanaannya bertujuan untuk memastikan kewujudan mekanisme kawal selia dalaman organisasi yang bebas dan berkecuali daripada sebarang gangguan di mana pemberi maklumat mempunyai kebebasan untuk melaporkan kepada mana-mana agensi yang mempunyai kuasa penguatkuasaan ke atas sebarang salah laku di dalam SSM yang dilakukan oleh mana-mana pekerjanya tanpa mengira pangkat.

Penyataan ini telah dibentangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko yang telah diadakan pada 2 Februari 2016, dan telah diluluskan untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Anggota Suruhanjaya pada 18 April 2016. Semasa mesyuarat tersebut, penyataan ini telah dibentang dan diluluskan dengan sewajarnya tanpa apa-apa pindaan.

MyLLP

e-Aduan

SBMJ

e-Info

e-Kueri

MyCoID

ezBiz

XBRL

e-CBID

e-Semak

e-Kompaun



PENYATA KEWANGAN

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2015 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614). Anggota Suruhanjaya juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

(SWAIBATUL ASLAMIAH BT HAJI HUSAIN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
29 JULAI 2016

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG ANGGOTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

Kami, **DATO' SRI JAMIL BIN HJ. SALLEH** dan **DATO' ZAHRAH BT ABD WAHAB FENNER**, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA** pada 31 Disember 2015 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Suruhanjaya,

NAMA: **DATO' SRI JAMIL BIN HJ. SALLEH**
GELARAN: **PENGERUSI SURUHANJAYA**
TARIKH: 25 JUL 2016
TEMPAT: **KUALA LUMPUR**

Bagi pihak Suruhanjaya,

NAMA: **DATO' ZAHRAH BT ABD WAHAB FENNER**
GELARAN: **ANGGOTA SURUHANJAYA**
TARIKH: 25 JUL 2016
TEMPAT: **KUALA LUMPUR**

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

PERAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

Saya, **ROSLI BIN HJ AHMAD**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di KUALA LUMPUR)
pada 14 JUL 2016)

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
W 505
ALI BIN OMAR
MALAYSIA

Tingkat 11, Blok A2-2, Wisma Yakin
Jalan Masjid India 50100 Kuala Lumpur

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

LEMBARAN IMBANGAN
PADA 31 DISEMBER 2015

	Nota	2015 RM	2014 RM
Aset Bukan Semasa			
Harta, kelengkapan dan peralatan	3	123,760,264	130,836,560
Pelaburan jangka panjang	4	182,409,939	175,255,283
Kerja dalam kemajuan	5	4,816,995	4,837,455
Pembiayaan pekerja	6	61,910,285	56,816,418
		372,897,483	**367,745,716**
Aset Semasa			
Penghutang perdagangan	7	2,925,716	1,736,102
Penghutang lain, deposit dan pra bayar	8	10,840,484	12,753,895
Pembiayaan pekerja	6	4,806,841	4,406,510
Pelaburan jangka pendek	9	338,939,249	272,124,690
Inventori	10	277,600	289,540
Tunai dan kesetaraan tunai	11	33,926,959	283,043,629
		391,716,849	**574,354,366**
JUMLAH ASET		**764,614,332**	**942,100,082**

Nota-nota di muka surat 131 hingga 161 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

LEMBARAN IMBANGAN
PADA 31 DISEMBER 2015

	Nota	2015 RM	2014 RM
EKUITI DAN LIABILITI			
Ekuiti			
Geran Kerajaan	12	5,152,876	6,707,876
Lebihan terkumpul		589,557,388	478,573,917
Dana pembiayaan pekerja	13	91,000,000	91,000,000
		685,710,264	**576,281,793**
Liabiliti Bukan Semasa			
Peruntukan faedah pekerja	14	341,123	434,879
		341,123	**434,879**
Liabiliti Semasa			
Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	15	50,665,060	338,400,226
Pemiutang lain	16	20,662,885	24,141,215
Pemiutang projek jangka pendek	17	-	2,841,969
Cukai dan Zakat	22	7,235,000	-
		78,562,945	**365,383,410**
Jumlah Liabiliti		**78,904,068**	**365,818,289**
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		**764,614,332**	**942,100,082**

Nota-nota di muka surat 131 hingga 161 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	Nota	2015 RM	2014 RM
Pendapatan	18	**375,060,960**	**345,514,451**
Perbelanjaan Operasi			
Kos pekerja	19	114,488,178	96,483,493
Kos pentadbiran	20	83,126,800	59,150,764
Susutnilai	3	8,236,325	18,836,777
Pelunasan ke atas geran yang diterima dan pelaburan		326,126	(3,980,208)
		206,177,429	**170,490,826**
Lebihan sebelum Kumpulan Wang Disatukan		**168,883,531**	**175,023,625**
Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	15	50,665,060	172,757,226
Lebihan sebelum Cukai	**21**	**118,218,471**	**2,266,399**
Cukai dan Zakat	22	7,235,000	-
Lebihan selepas cukai		**110,983,471**	**2,266,399**

Nota-nota di muka surat 131 hingga 161 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	Geran Kerajaan RM	Lebihan Terkumpul RM	Dana Pembiayaan Pekerja RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Januari 2014	11,819,069	491,307,518	76,000,000	579,126,587
Lebihan bersih tidak diambil kira dalam penyata pendapatan				
Pelunasan ke atas geran yang diterima	(5,111,193)	-	-	(5,111,193)
	(5,111,193)	-	-	(5,111,193)
Tambahan dana pembiayaan pekerja	-	(15,000,000)	15,000,000	-
Lebihan selepas cukai	-	2,266,399	-	2,266,399
Baki pada 31 Disember 2014	**6,707,876**	**478,573,917**	**91,000,000**	**576,281,793**
Lebihan bersih tidak diambil kira dalam penyata pendapatan				
Peruntukan dilepaskan	(1,555,000)	-	-	(1,555,000)
Lebihan selepas cukai	-	110,983,471	-	110,983,471
Baki pada 31 Disember 2015	**5,152,876**	**589,557,388**	**91,000,000**	**685,710,264**

Nota-nota di muka surat 131 hingga 161 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	2015 RM	2014 RM
Aktiviti Kendalian		
Lebihan sebelum cukai	118,218,471	2,266,399
Pelarasan bagi:		
Susutnilai	8,236,325	18,836,777
Pelunasan ke atas geran yang diterima	-	(5,111,193)
Pelunasan ke atas pelaburan jangka panjang	326,126	1,130,985
(Keuntungan)/Kerugian dari pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan	(15,065)	16,650
Keuntungan dan dividen daripada pelaburan	(23,960,246)	(22,875,146)
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	**102,805,611**	**(5,735,528)**
(Pertambahan)/Pengurangan inventori	11,940	1,965,660
(Pertambahan)/Pengurangan penghutang perdagangan	(1,189,614)	(621,394)
(Pertambahan)/Pengurangan penghutang lain, deposit dan prabayar	1,913,411	(3,066,724)
Pertambahan/(Pengurangan) Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	(287,735,166)	133,950,909
Pertambahan/(Pengurangan) pemiutang lain	(3,478,330)	12,353,680

Nota-nota di muka surat 131 hingga 161 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	2015 RM	2014 RM
(Pertambahan)/Pengurangan Pemiutang projek jangka pendek	(2,841,969)	2,841,969
Pertambahan/(Pengurangan) peruntukan faedah pekerja	(93,756)	(78,620)
Tunai bersih dari aktiviti kendalian	**(190,607,873)**	**141,609,952**
Tunai dari aktiviti pelaburan		
Pemerolehan harta kelengkapan dan peralatan	(1,166,872)	(2,826,603)
Terimaan daripada pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan	21,907	3,298
Kerja dalam kemajuan	20,460	(2,855,817)
Peletakan dalam pelaburan	(74,295,341)	(97,724,661)
Terimaan keuntungan dan dividen	23,960,246	22,875,146
Pembiayaan pekerja	(10,834,673)	(9,869,278)
Bayaran balik pembiayaan	5,340,476	5,135,302
Tunai bersih dari/ (untuk) aktiviti pelaburan	**(56,953,797)**	**(85,262,613)**
Tunai dari aktiviti kewangan		
Tunai bersih dari/ (untuk) aktiviti kewangan	**(1,555,000)**	**-**

Nota-nota di muka surat 131 hingga 161 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	2015 RM	2014 RM
(Pengurangan)/Pertambahan tunai dan kesetaraan tunai	(249,116,670)	56,347,339
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	283,043,629	226,696,290
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	33,926,959	283,043,629

Nota-nota di muka surat 131 hingga 161 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

1. AKTIVITI UTAMA

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Suruhanjaya) adalah merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614). Aktiviti utama Suruhanjaya adalah pengawal selia perbadanan, syarikat dan perniagaan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, Akta Syarikat 1965, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Syarikat Amanah 1949, Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kootu 1971 dan mana–mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta-Akta yang disebut di atas.

Tiada perubahan yang signifikan terhadap aktiviti utama dalam tahun semasa.

2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

Polisi perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna pakai secara konsisten oleh Suruhanjaya pada semua tahun terdahulu yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini, melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

a) Asas Penyediaan

Penyata kewangan Suruhanjaya telah disediakan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) untuk entiti persendirian (Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian).

Penyata kewangan Suruhanjaya telah disediakan mengikut asas kos sejarah, kecuali yang didedahkan dalam ringkasan polisi perakaunan yang signifikan.

Penyediaan penyata kewangan memerlukan pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi pemakaian polisi perakaunan dan laporan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Walaupun pertimbangan, anggaran dan andaian adalah berdasarkan kepada pengetahuan dan tindakan semasa yang terbaik, keputusan sebenar mungkin berbeza.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

a) Asas Penyediaan (sambungan)

Anggaran dan andaian disemak atas dasar berterusan. Semakan anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh hadapan yang berkenaan.

b) Peletakhakan Aset, Hak dan Liabiliti

Ini merupakan aset, hak dan liabiliti Kerajaan Malaysia yang dipindahkan kepada dan dipeletakhakan dalam Suruhanjaya. Ianya dinyatakan selepas mengambilkira semua perbelanjaan terus dan susutnilai aset yang dipeletakhakan.

Peletakhakan aset, hak dan liabiliti dinyatakan pada nilai saksama dan diiktiraf dalam lembaran imbangan berdasarkan kepada tarikh peletakhakan.

Peletakhakan aset bukan tunai dilunaskan berdasarkan kepada anggaran hayat penggunaannya. Manfaat ini dinyatakan sebagai pelunasan ke atas geran yang diterima dalam penyata perubahan ekuiti.

c) Harta, Kelengkapan dan Peralatan

i. Kos

Harta, kelengkapan dan peralatan dinyatakan pada kos sejarah setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian kemerosotan.

Kos adalah termasuk perbelanjaan yang berkaitan terus dengan perolehan sesuatu aset berkenaan.

Kos berikutan diambil kira dalam jumlah bawaan aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, yang mana berkenaan, jika manfaat ekonomi masa hadapan berkaitan item berkenaan berkemungkinan akan mengalir kepada Suruhanjaya dan kos berkenaan boleh diukur dengan pasti.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

c) Harta, Kelengkapan dan Peralatan (sambungan)

ii. Susutnilai

Harta, kelengkapan dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos sesuatu aset, atau amaun nilaian semula, kepada nilai baki ke atas anggaran tempoh hayat kegunaan. Kadar susutnilai tahunan yang diguna pakai telah diringkaskan seperti berikut :

Bangunan	2%
Peralatan Bangunan	20%
Kenderaan Bermotor	20%
Perisian dan Perkakasan Komputer	20%-33.3%
Peralatan Pejabat, Perabot dan Kelengkapan	20%
Ubahsuai	20%-33.3%

Susutnilai ke atas harta, kelengkapan dan peralatan dalam pembinaan akan bermula apabila harta, kelengkapan dan peralatan berkenaan diserahkan dan sedia untuk kegunaan yang dimaksudkan. Susutnilai ke atas harta, kelengkapan dan peralatan yang tidak diiktiraf akan dihentikan dan diklasifikasi sebagai harta untuk jualan.

Nilai baki dan tempoh jangka hayat kegunaan harta, kelengkapan dan peralatan akan dikaji dan diselaraskan, jika perlu, pada tarikh pelaporan.

Pada setiap tarikh pelaporan, Suruhanjaya akan menilai sama ada terdapat sebarang petanda kemerosotan. Sekiranya petanda berkenaan wujud, satu analisa akan dilaksanakan untuk menilai sama ada amaun bawaan aset boleh diperolehi semula sepenuhnya. Penurunan nilai dilakukan jika amaun bawaan melebihi amaun boleh pulih. Sila rujuk nota 2(d) polisi perakaunan mengenai kemerosotan aset.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

c) Harta, Kelengkapan dan Peralatan (sambungan)

ii. Susutnilai

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan adalah perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan amaun bawaan bagi harta, kelengkapan dan peralatan, dan didedahkan dalam penyata pendapatan.

d) Kemerosotan Aset

Nilai bawaan harta, kelengkapan dan peralatan disemak semula untuk menentukan sama ada terdapatnya sebarang petunjuk kemerosotan. Kemerosotan diukur dengan membandingkan nilai bawaan aset dengan jumlah boleh diperolehi semula. Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan dengan serta merta.

Peningkatan jumlah boleh diperolehi semula aset yang berikutnya dianggap sebagai penerbalikan kerugian kemerosotan sebelum ini dan diiktiraf sehingga tahap nilai bawaan aset yang akan ditentukan (bersih daripada pelunasan dan susutnilai) sekiranya tiada kerugian kemerosotan diiktiraf. Penerbalikan diiktiraf dalam penyata pendapatan dengan serta merta.

e) Pelaburan Jangka Panjang

Pelaburan jangka panjang dinyatakan pada kos dan dipegang sehingga matang. Peruntukan pengurangan nilai dibuat apabila wujudnya pengurangan yang kekal.

f) Kerja Dalam Kemajuan

Kerja dalam kemajuan dinyatakan pada kos dan dipermodalkan sebagai harta, kelengkapan dan peralatan setelah sijil akuan siap atau sijil akuan penerimaan diterima oleh Suruhanjaya.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

g) Pembiayaan Pekerja

Pembiayaan pekerja dinyatakan pada kos ditolak peruntukan hutang lapuk dan hutang ragu.

h) Penghutang Perdagangan

Penghutang perdagangan dinyatakan pada amaun invois ditolak peruntukan hutang ragu. Peruntukan ini dibuat apabila terdapat bukti bahawa Suruhanjaya tidak dapat mengutip amaun berkenaan berdasarkan kepada terma asal penghutang.

i) Inventori

Inventori dinyatakan pada kos berdasarkan kepada nilai yang diinvois oleh pembekal.

j) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai adalah terdiri daripada tunai dalam tangan, deposit panggilan dengan bank, lain-lain jangka pendek dan pelaburan berkecairan tinggi dengan tempoh kematangan asal sehingga setahun.

k) Geran Kerajaan

Geran Kerajaan diiktiraf pada nilai saksama apabila terdapat keyakinan munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan kesemua syarat yang ditetapkan akan dipatuhi oleh Suruhanjaya.

Geran kerajaan yang dikaitkan dengan perbelanjaan diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan berdasarkan kepada pendekatan yang sistematik ke atas tempoh yang diperlukan untuk memadankan geran tersebut dengan perbelanjaan yang dimaksudkan.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

k) Geran Kerajaan (sambungan)

Geran kerajaan yang dikaitkan dengan pembelian aset dimasukkan sebagai pendapatan tertunda pada nilai saksama dan diiktiraf dalam penyata pendapatan berdasarkan jangka hayat aset berkenaan melalui amaun ansuran yang bersamaan.

l) Faedah Pekerja

i. Faedah Pekerja Jangka Pendek

Gaji, cuti tahunan dan cuti sakit berbayar, bonus dan faedah bukan kewangan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja Suruhanjaya.

ii. Pelan Caruman Wajib

Suruhanjaya mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk pekerja yang memilih skim KWSP dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) untuk pekerja yang memilih skim pencen Kerajaan. Caruman ini diambil kira dalam penyata pendapatan dalam tempoh di mana ia berkait. Setelah caruman dibayar, Suruhanjaya tidak mempunyai kewajipan pembayaran selanjutnya.

iii. Faedah Pekerja Jangka Panjang

Pembayaran faedah pekerja jangka panjang selepas persaraan dan/ atau setelah tamat tempoh perkhidmatan akan diiktiraf dalam penyata pendapatan tahun semasa sebagai faedah pekerja, manakala dalam lembaran imbangan, amaun ini diiktiraf sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Peruntukan Faedah Pekerja.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

l) Faedah Pekerja (sambungan)

iv. Jenis-jenis faedah pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah seperti berikut :

a. bayaran gantian cuti rehat dalam bentuk tunai; dan

b. saguhati tamat perkhidmatan kepada pekerja Suruhanjaya yang tamat perkhidmatan

Kaedah pengiraan tunai boleh bayar untuk gantian cuti rehat dan ganjaran perkhidmatan kepada pekerja yang bersara adalah berdasarkan kepada maklumat sebenar sedia ada pada tarikh lembaran imbangan dan kelayakan berdasarkan kepada terma dan syarat perkhidmatan Suruhanjaya. Kadar gaji semasa digunakan untuk pengiraan liabiliti ini.

m) Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan

Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan (KWDP) mewakili caruman sebanyak tiga puluh peratus (30%) daripada lebihan tahunan semasa sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 35(1) (Pindaan) Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614).

Pengiraan amaun caruman boleh bayar kepada Kerajaan adalah berdasarkan kepada jumlah lebihan tahunan semasa sebelum peruntukan cukai dan zakat dalam sesuatu tahun. Caruman ini diakrukan dalam tahun kewangan semasa.

n) Pemiutang Lain

Pemiutang lain dinyatakan pada nilai nominal yang merupakan nilai saksama pertimbangan yang perlu dibayar dalam tempoh hadapan untuk barangan dan perkhidmatan yang diterima.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

o) Cukai

Cukai pendapatan ke atas lebihan atau defisit bagi tahun kewangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa merupakan amaun cukai pendapatan yang dijangka perlu dibayar ke atas lebihan bercukai bagi tahun semasa dan dikira mengikut kadar cukai yang dikuatkuasakan pada tarikh lembaran imbangan.

Cukai tertunda diperuntukkan mengikut kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara yang timbul antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai bawaannya dalam penyata kewangan. Pada prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara bercukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua potongan perbezaan sementara bercukai, setakat mana terdapatnya kemungkinan keuntungan bercukai masa hadapan yang ada boleh digunakan terhadap potongan perbezaan sementara.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dikuatkuasakan pada tarikh lembaran imbangan.

p) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Suruhanjaya mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif semasa hasil daripada peristiwa terdahulu yang berkemungkinan akan memerlukan aliran keluar sumber untuk menjelaskan obligasi tersebut, dan apabila anggaran berhubung jumlah tersebut boleh dibuat. Jika Suruhanjaya menjangka sesuatu peruntukan akan dibayar balik (contohnya, di bawah kontrak insurans), pembayaran balik tersebut diiktiraf sebagai aset yang berasingan tetapi hanya apabila pembayaran balik tersebut benar–benar boleh dipastikan. Peruntukan tidak diiktiraf untuk kerugian operasi masa hadapan.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

p) Peruntukan (sambungan)

Jika terdapat beberapa obligasi yang serupa, kemungkinan keperluan aliran keluar untuk penyelesaian ditentukan dengan mempertimbangkan obligasi-obligasi tersebut secara keseluruhan mengikut kelas. Peruntukan diiktiraf walaupun kemungkinan aliran keluar berhubung dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam sesuatu kelas obligasi yang sama adalah kecil.

Peruntukan diukur sebagai nilai semasa perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menjelaskan obligasi dengan menggunakan kadar sebelum cukai yang menggambarkan taksiran pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus obligasi. Peningkatan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah.

q) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan terdiri daripada nilai saksama pertimbangan diterima atau boleh terima bagi perkhidmatan yang diberikan mengikut aktiviti Suruhanjaya yang biasa. Pendapatan dinyatakan sebagai nilai bersih selepas cukai tambah nilai, pengembalian, rebat dan diskaun.

Suruhanjaya mengiktiraf hasil apabila amaun tersebut boleh diukur dan dipercayai, kemungkinan aliran manfaat ekonomi masa hadapan kepada Suruhanjaya dan kriteria tertentu telah dapat dipenuhi bagi setiap aktiviti Suruhanjaya seperti berikut:

i. Pendapatan Perkhidmatan

Pendapatan perkhidmatan terdiri daripada kutipan fi pendaftaran syarikat dan perniagaan dan bekalan maklumat korporat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 masing-masing. Pendapatan ini diiktiraf apabila sesuatu perkhidmatan telah sempurna dilaksanakan.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

q) Pengiktirafan Pendapatan (sambungan)

ii. Kompaun

Kompaun diiktiraf apabila pembayaran diterima kerana memandangkan setiap kompaun yang dikeluarkan hanyalah merupakan satu tawaran dengan tempoh pembayaran yang ditetapkan oleh Pendaftar. Kompaun yang tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan akan disusuli dengan tindakan pendakwaan selaras dengan peruntukan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

Walau bagaimanapun, denda yang diperolehi daripada keputusan Mahkamah hasil daripada tindakan pendakwaan adalah merupakan hasil Kerajaan dan bukannya Suruhanjaya.

iii. Program Latihan Korporat

Pendapatan daripada Program Latihan Korporat diiktiraf apabila program selesai dilaksanakan.

iv. Faedah, Dividen Dan Keuntungan

Faedah, dividen dan keuntungan diiktiraf mengikut kaedah perkadaran masa, dengan mengambil kira tunggakan prinsipal dan kadar efektif sehingga tempoh matang, apabila pendapatan berkenaan diakrukan kepada Suruhanjaya.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

r) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan adalah sebarang kontrak yang meningkatkan aset kewangan sesebuah perusahaan dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti kepada perusahaan yang lain.

Aset kewangan adalah sebarang aset yang berupa wang tunai, hak berkontrak untuk menerima wang tunai atau lain-lain aset kewangan daripada perusahaan lain, hak berkontrak untuk menukar instrumen kewangan dengan perusahaan lain di bawah syarat yang berpotensi menguntungkan, atau instrumen ekuiti perusahaan lain.

Liabiliti kewangan adalah sebarang tanggungan yang merupakan obligasi berkontrak untuk memberi wang tunai atau aset kewangan lain kepada perusahaan lain, atau menukar instrumen kewangan dengan perusahaan lain di bawah syarat yang berpotensi tidak menguntungkan.

Kaedah pengiktirafan yang diterima pakai bagi instrumen kewangan yang diiktiraf dalam lembaran imbangan didedahkan dalam kenyataan polisi perakaunan individu yang berkaitan dengan setiap instrumen kewangan.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

3. HARTA, KELENGKAPAN DAN PERALATAN

	Bangunan RM	Peralatan Bangunan RM	Peralatan Pejabat, Perabot dan Kelengkapan RM	Peralatan dan Perisian Komputer RM	Kenderaan Bermotor RM	Ubahsuai RM	Jumlah RM
Kos							
Pada 1 Januari 2015	135,307,436	16,650,580	14,348,434	64,364,161	7,627,681	35,929,686	274,227,978
Tambahan	-	-	509,571	657,300	-	-	1,166,871
Pelupusan	-	-	(775,300)	(4,231,125)	(180,093)	(275,102)	(5,461,620)
Pada 31 Disember 2015	**135,307,436**	**16,650,580**	**14,082,705**	**60,790,336**	**7,447,588**	**35,654,584**	**269,933,229**
Susutnilai terkumpul dan kemerosotan							
Pada 1 Januari 2015							
Susutnilai terkumpul	13,530,745	16,354,580	13,370,403	56,543,531	5,508,489	34,932,689	140,240,437
Kemerosotan	-	-	-	3,150,981	-	-	3,150,981
Susutnilai tahun semasa	2,706,149	295,989	447,034	2,871,984	918,222	996,947	8,236,325
Pelupusan	-	-	(768,619)	(4,230,992)	(180,092)	(275,075)	(5,454,778)
Pada 31 Disember 2015	**16,236,894**	**16,650,569**	**13,048,818**	**58,335,504**	**6,246,619**	**35,654,561**	**146,172,965**
Nilai buku bersih							
Pada 31 Disember 2015	**119,070,542**	**11**	**1,033,887**	**2,454,832**	**1,200,969**	**23**	**123,760,264**

3. HARTA, KELENGKAPAN DAN PERALATAN

	Bangunan RM	Peralatan Bangunan RM	Peralatan Pejabat, Perabot dan Kelengkapan RM	Peralatan dan Perisian Komputer RM	Kenderaan Bermotor RM	Ubahsuai RM	Jumlah RM
Kos							
Pada 1 Januari 2014	135,307,436	16,650,580	15,014,299	62,170,518	7,627,681	35,929,686	272,700,200
Tambahan	-	-	91,213	2,735,390	-	-	2,826,603
Pelupusan	-	-	(757,078)	(541,747)	-	-	(1,298,825)
Pada 31 Disember 2014	**135,307,436**	**16,650,580**	**14,348,434**	**64,364,161**	**7,627,681**	**35,929,686**	**274,227,978**
Susutnilai terkumpul dan kemerosotan							
Pada 1 Januari 2014							
Susutnilai terkumpul	10,824,596	13,024,464	11,923,449	52,488,288	4,432,705	29,989,035	122,682,537
Kemerosotan	-	-	-	3,150,981	-	-	3,150,981
Susutnilai tahun semasa	2,706,149	3,330,116	2,184,236	4,596,838	1,075,784	4,943,654	18,836,777
Pelupusan	-	-	(737,282)	(541,595)	-	-	(1,278,877)
Pada 31 Disember 2014	**13,530,745**	**16,354,580**	**13,370,403**	**59,694,512**	**5,508,489**	**34,932,689**	**143,391,418**
Nilai buku bersih							
Pada 31 Disember 2014	**121,776,691**	**296,000**	**978,031**	**4,669,649**	**2,119,192**	**996,997**	**130,836,560**

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

3. HARTA, KELENGKAPAN DAN PERALATAN (sambungan)

Aset-aset Projek Migrasi telah dipeletakhakan kepada Suruhanjaya mengikut Perjanjian Novasi (Novation Agreement) bertarikh 23 April 2004 dan dinyatakan pada nilai saksama pada tarikh peletakhakan.

Ujian kemerosotan telah dilaksanakan ke atas aset-aset ini dan kerugian kemerosotan berjumlah RM 3,150,981 telah diiktiraf dalam penyata pendapatan tahun berkenaan.

Pengkelasan semula kategori harta, kelengkapan dan peralatan ke atas aset tahun-tahun terdahulu yang telah mempunyai susutnilai sepenuhnya:

	Peralatan Pejabat, Perabot dan Kelengkapan RM	Ubahsuai RM
Baki pada 31 Disember 2013	15,021,079	35,922,906
Pengkelasan semula	(6,780)	6,780
Baki pada 31 Disember 2013	**15,014,299**	**35,929,686**

4. PELABURAN JANGKA PANJANG

	2015 RM	2014 RM
Sukuk	135,356,646	150,708,519
Sekuriti Hutang	14,917,000	14,891,253
Akaun Amanah	47,146,718	30,455,563
Unit Amanah	4,928,823	9,324,638
	202,349,187	**205,379,973**

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

4. PELABURAN JANGKA PANJANG (sambungan)

Pelaburan jangka panjang terdiri daripada pelaburan dalam Keluaran Pelaburan Kerajaan, Cagamas Berhad Sukuk dan *Islamic Medium Term Notes* dengan kadar kupon antara 3.65% hingga 5.0% (2014: 3.55% hingga 5.05%).Tempoh peletakan untuk pelaburan ini adalah sehingga sepuluh (10) tahun.

Suruhanjaya juga telah meletakkan dananya dalam Akaun Amanah Institusi yang diselenggarakan oleh Amanah Raya Berhad, satu syarikat awam berhad dengan saham yang ditubuhkan di Malaysia. Keuntungan kasar boleh terima oleh Suruhanjaya ialah 5.0% setahun (2014: 4.25% setahun) dengan tempoh matang peletakan selama lima (5) tahun (2014: tiga (3) tahun).

Struktur kematangan pelaburan jangka panjang pada akhir tahun kewangan adalah seperti berikut :

	2015 RM	2014 RM
Aset Semasa		
Dalam tempoh satu (1) tahun (lihat Nota 9)	19,939,249	30,124,690
Aset Bukan Semasa		
Lebih daripada satu (1) tahun dan sehingga lima (5) tahun	172,409,940	175,255,283
Lebih daripada lima (5) tahun	10,000,000	-
	202,349,189	**205,379,973**

Dalam tahun 2014, Suruhanjaya telah meluluskan pelaburan dalam Unit Amanah dengan jumlah maksima sebanyak RM 10.0 juta untuk tempoh maksima tiga (3) tahun. Nilai pasaran pelaburan pada 31 Disember 2015 adalah seperti berikut :

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

4. PELABURAN JANGKA PANJANG (sambungan)

	2015 RM	2014 RM
Pada Kos:		
CIMB-DALI Equity Growth Fund	2,500,000	2,500,000
CIMB-DALI Equity Theme Fund	2,500,000	2,500,000
Public Mutual PIOF	5,000,000	5,000,000
AIIMAN Growth Fund	-	2,500,000
AIIMAN Select Income Fund	-	2,500,000
Rosot Nilai:		
CIMB-DALI Equity Growth Fund	(44,053)	(172,079)
CIMB-DALI Equity Theme Fund	(27,123)	(150,821)
Public Mutual PIOF	-	(352,462)
Keuntungan Diterima:		
Public Mutual PIOF	305,586	-
AIIMAN Growth Fund	-	270,309
AIIMAN Select Income Fund	-	145,374
Pada Nilai Pasaran:		
CIMB-DALI Equity Growth Fund	2,455,947	2,327,921
CIMB-DALI Equity Theme Fund	2,472,877	2,349,179
Public Mutual PIOF	5,305,586	4,647,538
AIIMAN Growth Fund	-	2,770,309
AIIMAN Select Income Fund	-	2,645,374

Pelaburan untuk Public Mutual PIOF tahun 2014 telah dilupuskan sepenuhnya dalam tahun kewangan semasa 2015.

Manakala pelaburan untuk AIIMAN Growth Fund dan AIIMAN Select Income Fund tahun 2013 telah dilupuskan sepenuhnya dalam tahun kewangan 2014.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

5. KERJA DALAM KEMAJUAN

	2015 RM	2014 RM
Baki pada 1 Januari	4,837,455	1,981,638
Tambahan dalam tahun semasa	2,070,849	5,447,117
Pindahan ke penyata pendapatan	(1,434,009)	-
Permodalan kepada harta, kelengkapan dan peralatan	(657,300)	(2,591,300)
Baki pada 31 Disember	**4,816,995**	**4,837,455**

Kerja dalam kemajuan adalah termasuk projek teknologi maklumat dan komunikasi Suruhanjaya yang ditawarkan dalam tahun semasa dan tahun kewangan sebelumnya yang masih tidak dipermodalkan memandangkan projek-projek berkenaan masih belum selesai atau masih menunggu pengeluaran sijil penerimaan dalam tahun semasa.

Tambahan kerja dalam kemajuan berjumlah RM 2,070,849 (2014: RM 5,447,117) diperolehi daripada projek teknologi maklumat dan komunikasi semasa dan yang baru ditawarkan yang masih dalam pembangunan dalam tahun semasa. Projek-projek ini diklasifikasikan sebagai kerja dalam kemajuan berdasarkan kepada invois yang diterima.

Kerja dalam kemajuan berjumlah RM 657,300 (2014: RM 2,591,300) telah dipermodalkan dalam tahun kewangan semasa.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

6. PEMBIAYAAN PEKERJA

	2015 RM	2014 RM
Pembiayaan perumahan	77,176,381	71,254,426
Pembiayaan kenderaan	3,746,839	3,023,927
Pembiayaan komputer	15,9939	170,537
Amaun kasar pembiayaan	**81,083,159**	**74,448,890**
Keuntungan belum diperolehi daripada pembiayaan	(14,366,033)	(13,225,962)
Nilai semasa pembayaran belum terima minima	**66,717,126**	**61,222,928**

Struktur kematangan pembiayaan pekerja pada akhir tahun kewangan adalah seperti berikut:

Amaun kasar pembiayaan:

Dalam tempoh satu (1) tahun	4,887,626	4,503,262
Lebih daripada satu (1) tahun dan sehingga lima (5) tahun	21,725,074	19,914,448
Lebih daripada lima (5) tahun	54,470,459	50,031,180
	81,083,159	**74,448,890**

Nilai semasa pembayaran belum terima minima:

Dalam tempoh satu (1) tahun	4,806,841	4,406,510
Lebih daripada satu (1) tahun dan sehingga lima (5) tahun	21,711,153	19,616,428
Lebih daripada lima (5) tahun	40,199,132	37,199,990
	66,717,126	**61,222,928**

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

6. PEMBIAYAAN PEKERJA (sambungan)

Pembiayaan pekerja merangkumi pembiayaan perumahan, kenderaan bermotor dan komputer secara Islam kepada pekerja Suruhanjaya. Pembiayaan kenderaan bermotor dan komputer mempunyai tempoh bayaran balik maksima masing-masingnya selama sembilan (9) tahun dan empat (4) tahun (2014: lapan (8) tahun dan empat (4) tahun) dengan kadar keuntungan pembiayaan sebanyak 4% setahun (2014: 4% setahun). Pembiayaan perumahan mempunyai tempoh bayaran balik maksima tiga puluh (30) tahun dengan kadar keuntungan sebanyak 2% setahun (2014: 2% setahun).

Kadar keuntungan efektif untuk semua pembiayaan pekerja adalah 7% hingga 9% setahun (2014: 7% hingga 9% setahun).

Pada akhir tahun 2015 Suruhanjaya telah bersetuju dan meluluskan cadangan penyumberan luar *(outsourcing)* kemudahan pembiayaan perumahan pekerja Suruhanjaya Syarikat Malaysia kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad berkuatkuasa pada 1 Januari 2016.

7. PENGHUTANG PERDAGANGAN

Penghutang perdagangan terdiri daripada fi perkhidmatan belum terima, termasuk fi perkhidmatan *e-info* dan pembaharuan pendaftaran perniagaan yang dibekalkan oleh ejen yang dilantik, perkhidmatan atas talian dan fi daripada Program Latihan Korporat.

Tempoh kredit yang diberikan kepada penghutang perdagangan adalah tiga puluh (30) hari daripada tarikh invois dikeluarkan atau sebagaimana yang dinyatakan dalam perjanjian dengan agen yang dilantik berkaitan.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

8. PENGHUTANG LAIN, DEPOSIT DAN PRA BAYAR

	2015 RM	2014 RM
Keuntungan dan dividen belum terima	7,270,690	5,346,263
Deposit dan pra bayar	1,400,873	5,924,868
Pendahuluan pekerja	79,560	195,595
Lain-lain terimaan	1,069,297	1,287,169
Cukai barang dan perkhidmatan	1,020,064	-
	10,840,484	**12,753,895**

Termasuk dalam keuntungan dan dividen belum terima adalah keuntungan yang diterima terdahulu daripada Akaun Deposit Mudharabah (MDA) berjumlah RM28,685 (2014: RM137,613)

9. PELABURAN JANGKA PENDEK

	2015 RM	2014 RM
Deposit Komoditi Murabahah	289,000,000	197,000,000
Sijil Instrumen Hutang Boleh Runding Tidak Boleh Ditebus	30,000,000	45,000,000
Pelaburan Jangka Panjang yang matang dalam tempoh dua belas (12) bulan (lihat Nota 4)	19,939,249	30,124,690
	338,939,249	**272,124,690**

Suruhanjaya telah membeli Sijil Instrumen Hutang Boleh Runding Tidak Boleh Ditebus dan Deposit Komoditi Murabahah melalui beberapa institusi kewangan berlesen dalam tahun semasa. Keuntungan efektif boleh terima oleh Suruhanjaya untuk sekuriti ini adalah pada kadar antara 2.90% kepada 3.61% setahun (2014: 3.60% hingga 4.20%) dengan tempoh matang peletakan sehingga dua belas (12) bulan.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

10. INVENTORI

	2015 RM	2014 RM
Baki pada 1 Januari	289,540	2,255,200
Belian	-	-
Jualan	(11,940)	(1,965,660)
	277,600	**289,540**

Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 24 Mac 2010 telah memberikan kelulusan di bawah seksyen 82 Akta Setem 1949 kepada Suruhanjaya untuk menjual setem hasil untuk dilekatkan atas *Memorandum and Article of Association* syarikat-syarikat yang diperbadankan.

Inventori ini dinyatakan pada kos.

11. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2015 RM	2014 RM
Baki tunai dan bank	23,296,959	159,043,629
Peletakan deposit dengan:		
Bank tempatan berlesen dan institusi kewangan	10,000,000	124,000,000
	33,296,959	**283,043,629**

Kadar keuntungan efektif bagi pelaburan am Al-Mudharabah dan pelaburan khas Al-Mudharabah dengan bank-bank dan institusi-institusi kewangan berlesen adalah antara 2.75% hingga 3.61% setahun (2014: 3.40% hingga 3.95% setahun).

Tempoh matang bagi pelaburan am Al-Mudharabah ialah tiga puluh (30) hari hingga 1 tahun (2014: tiga puluh (30) hari hingga satu (1) tahun) dan pelaburan khas Al-Mudharabah ialah satu (1) malam hingga sembilah puluh (90) hari (2014: satu (1) malam hingga sembilan puluh (90) hari).

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

12. GERAN KERAJAAN

	2015 RM	2014 RM
Baki pada 1 Januari	6,707,876	11,819,069
Pelunasan ke atas geran yang diterima	-	(5,111,193)
Pelarasan dalam tahun	(1,555,000)	-
Baki pada 31 Disember	**5,152,876**	**6,707,876**

Geran Kerajaan adalah termasuk geran operasi yang diberikan oleh Kerajaan, geran pembangunan yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9) dan manfaat peletakhakan. Geran operasi dan pembangunan diberikan bagi menampung perbelanjaan modal untuk bangunan baru dan projek pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi Suruhanjaya.

Manfaat peletakhakan bagi permulaan tahun kewangan adalah merupakan aset yang dipeletakhakan kepada Suruhanjaya dalam tahun 2002 hingga tahun 2004. Ini termasuk harta, kelengkapan dan peralatan, wang yang dikutip daripada Program Latihan Pengarah Syarikat dan novasi Projek Migrasi. Aset Projek Migrasi ini diklasifikasikan sebagai manfaat peletakhakan dan dinyatakan pada nilai saksama.

Pelunasan ke atas geran kerajaan dalam tahun semasa diambil kira sebagai manfaat penggunaan ke atas harta, kelengkapan dan peralatan yang berkenaan yang mana ia bersamaan dengan susutnilai harta, kelengkapan dan peralatan. Amaun ini dinyatakan sebagai pelunasan ke atas geran yang diterima dalam penyata perubahan ekuiti.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

13. DANA PEMBIAYAAN PEKERJA

	2015 RM	2014 RM
Dana pembiayaan perumahan	80,000,000	80,000,000
Dana pembiayaan kenderaan	10,000,000	10,000,000
Dana pembiayaan komputer	1,000,000	1,000,000
Baki pada 31 Disember	**91,000,000**	**91,000,000**

Dana pembiayaan sebanyak RM 80.0 juta, RM 10.0 juta dan RM 1.0 juta untuk dana pembiayaan perumahan, kenderaan dan komputer masing - masing untuk pekerja Suruhanjaya.

Tiada tambahan dana pembiayaan perumahan dibuat dalam tahun kewangan semasa memandangkan Suruhanjaya telah meluluskan cadangan penyumberan luar (outsourcing) kemudahan pembiayaan perumahan pekerja Suruhanjaya Syarikat Malaysia kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad berkuatkuasa pada 1 Januari 2016.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

14. PERUNTUKAN FAEDAH PEKERJA

	2015 RM	2014 RM
Baki pada 1 Januari	509,040	561,504
Bayaran kepada pekerja dalam tahun semasa	(93,688)	(52,464)
Baki pada 31 Disember	**415,352**	**509,040**

Struktur kematangan peruntukan faedah pekerja pada akhir tahun kewangan adalah seperti berikut:

Liabiliti semasa		
Dalam tempoh satu (1) tahun (Lihat Nota 16)	74,229	74,161
Liabiliti jangka panjang		
Lebih daripada satu (1) tahun dan sehingga lima (5) tahun	288,496	303,819
Lebih daripada lima (5) tahun	52,627	131,060
	415,352	**509,040**

Dalam tahun 2012, opsyen persaraan sehingga umur enam puluh (60) tahun telah ditawarkan kepada semua pekerja Suruhanjaya di bawah Skim Pencen Kerajaan selaras dengan opsyen Kerajaan untuk menaikkan umur persaraan kepada enam puluh (60) tahun.

Pada akhir tahun 2015, Suruhanjaya telah bersetuju dan meluluskan pemberian faedah gantian cuti rehat dan ganjaran perkhidmatan kepada pekerja Suruhanjaya yang tamat perkhidmatan berkuatkuasa pada 1 Januari 2016.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

15. KUMPULAN WANG DISATUKAN PERSEKUTUAN

	2015 RM	2014 RM
Baki pada 1 Januari	338,400,226	204,449,317
Peruntukan hasil belum bayar kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	50,665,060	172,757,226
Bayaran kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan dalam tahun semasa	(338,400,226)	(38,806,317)
Baki pada 31 Disember	**50,665,060**	**338,400,226**

Pindaan caruman Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan daripada lima puluh peratus (50%) jumlah hasil tahunan kepada tiga puluh peratus (30%) lebihan tahunan semasa di bawah peruntukan seksyen 35 Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 telah diluluskan oleh Parlimen pada 8 Disember 2014 dan digazetkan tarikh kuatkuasa pada 20 Februari 2015. Kadar baru caruman ini berkuatkuasa mulai tahun kewangan 2015 berdasarkan tarikh kuatkuasa berkenaan.

Bayaran kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan dalam tahun kewangan semasa sebanyak RM338,400,226 adalah pecahan peruntukan tahun 2014 dan 2013 sebanyak RM 172,757,226 dan RM 165,643,001 masing-masing.

Menteri Kewangan, melalui gazet bertarikh 27 Februari 2014, telah bersetuju untuk mengurangkan peratusan sumbangan bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2012 daripada lima puluh peratus (50%) kepada empat puluh satu peratus (41%) daripada jumlah hasil tahunannya.

Sebelum itu dengan persetujuan oleh Menteri Kewangan, pembayaran sumbangan bagi tahun 2012 telah dibuat dalam dua peringkat iaitu bayaran pertama berjumlah RM 106,518,367 telah dibuat pada 19 Disember 2013 dan baki sebanyak RM 38,806,316 telah dibuat pada 13 Januari 2014.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

16. PEMIUTANG LAIN

	2015 RM	2014 RM
Perbelanjaan belum bayar dan terakru	12,663,238	21,024,047
Perbelanjaan statutori belum bayar	486,291	453,378
Akaun amanah	5,307,733	1,192,988
Lain-lain pemiutang (Lihat Nota 14)	2,205,623	1,470,802
	20,662,885	**24,141,215**

Tempoh kredit yang diterima untuk pemiutang lain adalah antara tiga puluh (30) hingga enam puluh (60) hari daripada tarikh invois diterima.

17. PEMIUTANG PROJEK JANGKA PENDEK

Tiada pemiutang projek jangka pendek dalam tahun kewangan semasa.

Tempoh kredit yang diterima untuk pemiutang projek jangka pendek adalah antara tiga puluh (30) hingga enam puluh (60) hari daripada tarikh invois diterima.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

18. PENDAPATAN

	2015 RM	2014 RM
Pendapatan bersih daripada aktiviti operasi:		
Pendapatan perkhidmatan	287,811,660	281,215,479
Kompaun	56,500,180	35,596,217
Program Latihan Korporat	2,452,267	2,381,268
Pendapatan bukan operasi:		
Keuntungan dan dividen	23,960,246	22,875,146
Lain-lain pendapatan	4,336,607	3,446,341
	375,060,960	**345,514,451**

19. KOS PEKERJA

	2015 RM	2014 RM
Gaji	58,569,349	53,365,567
Elaun tetap	13,639,653	7,863,535
Sumbangan berkanun	14,835,252	12,963,342
Elaun lebih masa	905,111	749,068
Bonus dan lain – lain faedah	18,615,041	15,201,406
Faedah perubatan	6,724,478	5,921,381
Elaun Anggota	1,155,719	372,240
Subsidi pembiayaan pekerja atas pinjaman Kerajaan	43,575	46,954
	114,488,178	**96,483,493**

Bilangan pekerja Suruhanjaya sehingga 31 Disember 2015 adalah seramai 1,308 termasuk 111 orang pekerja sambilan (2014: 1,283 termasuk 77 orang pekerja sambilan).

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

20. KOS PENTADBIRAN

	2015 RM	2014 RM
Perjalanan dan penginapan	6,067,041	4,113,464
Komunikasi dan utiliti	8,329,881	8,332,636
Sewa	14,190,457	14,902,963
Percetakan dan alatulis	3,637,960	3,265,517
Penyelenggaraan peralatan	23,636,023	14,321,628
Penyelenggaraan dan kawalan pejabat	3,948,140	3,871,665
Fi professional	8,951,220	4,239,727
Keraian dan hospitaliti	12,365,366	4,576,714
Lain-lain kos pentadbiran	2,000,712	1,526,450
	83,126,800	**59,150,764**

21. LEBIHAN SEBELUM CUKAI

	2015 RM	2014 RM
Lebihan sebelum cukai bagi tahun semasa diperolehi setelah mengambil kira: -		
Keuntungan dan dividen	23,960,246	22,875,146
Pendapatan pelbagai	2,083,871	1,874,268
Sewa hartanah	1,633,486	1,572,610
Keuntungan pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan	15,065	-
Pelepasan penyusutan nilai pelaburan	604,185	-

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

21. LEBIHAN SEBELUM CUKAI (sambungan)

	2015 RM	2014 RM
dan kenaan: -		
Elaun Anggota	1,155,719	372,240
Ganjaran juruaudit	69,355	65,000
Bonus dan lain-lain faedah	18,615,041	15,201,406
Susutnilai	8,236,325	18,836,777
Kerugian pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan	-	16,650
Pelunasan ke atas geran yang diterima	-	(5,111,193)
Pelunasan ke atas pelaburan jangka panjang	326,126	1,130,985

22. CUKAI DAN ZAKAT

	2015 RM	2014 RM
Cukai dan Zakat	**7,235,000**	**-**

Kementerian Kewangan telah memberi pengecualian cukai pendapatan ke atas semua pendapatan statutori Suruhanjaya untuk tempoh sepuluh (10) tahun mulai tahun taksiran 2002 hingga tahun taksiran 2011 serta telah memberi lanjutan tempoh pengecualian cukai untuk tempoh lima (5) tahun daripada tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2016.

Suruhanjaya menggunapakai kaedah Modal Kerja (Syar'iyyah), iaitu mengambil kira kedudukan harta semasa ditolak dengan tanggungan semasa dan dibuat pelarasan dengan beberapa perkara yang berkaitan dengan zakat yang perlu diambil kira.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

23. KOMITMEN MODAL

	2015 RM	2014 RM
Komitmen modal:		
Diluluskan dan berkontrak	2,927,816	4,117,865
	2,927,816	**4,117,865**

24. POLISI PENGURUSAN RISIKO

Program pengurusan risiko kewangan Suruhanjaya menumpu kepada ramalan pasaran kewangan dan cubaan untuk meminimumkan potensi kesan yang berlawanan ke atas prestasi kewangan Suruhanjaya. Pengurusan risiko kewangan dilaksanakan melalui kajian risiko, sistem kawalan dalaman, program insuran dan pegangan kepada polisi pengurusan risiko kewangan Suruhanjaya. Suruhanjaya sentiasa mengkaji risiko-risiko ini dan meluluskan polisi perbendaharaan yang merangkumi pengurusan risiko berkenaan.

Risiko utama yang timbul daripada aset dan liabiliti kewangan Suruhanjaya adalah risiko kecairan, risiko aliran tunai, risiko kadar keuntungan dan faedah serta risiko nilai saksama.

a) *Risiko Kecairan*

Suruhanjaya mengurangkan risiko kecairannya dengan mengekalkan sebahagian daripada pelaburannya dalam aset cair berbentuk deposit dengan institusi kewangan bagi memenuhi komitmen kewangan jangka pendek.

b) *Risiko Aliran Tunai*

Suruhanjaya sentiasa mengkaji kedudukan aliran tunainya untuk pengurusan pendedahan turun naik aliran tunai masa hadapan.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

25. POLISI PENGURUSAN RISIKO (sambungan)

c) *Risiko Kadar Keuntungan dan Faedah*

Suruhanjaya mempunyai tunai, baki di bank dan peletakan deposit dengan bank dan institusi kewangan berlesen yang mempunyai kepercayaan kredit. Suruhanjaya mengurus risiko kadar keuntungan dan faedahnya dengan meletakkan baki berkenaan mengikut terma kematangan, keuntungan dan kadar keuntungan dan faedah yang berbeza-beza.

d) *Nilai Saksama*

Berhubung dengan tunai dan kesetaraan tunai, pelaburan jangka pendek, penghutang perdagangan dan penghutang lain, sumbangan kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan, pemiutang lain dan pemiutang projek jangka pendek, nilai bawaan adalah lebih kurang nilai saksamanya disebabkan oleh tempoh matang yang pendek yang dimiliki oleh instrumen kewangan ini.

26. KELULUSAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan yang beraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 telah dibentang dan diluluskan oleh Anggota Suruhanjaya Syarikat Malaysia melalui Resolusi Edaran bertarikh 25 Julai 2016.

DIREKTORI SSM

IBU PEJABAT
MENARA SSM@SENTRAL
No 7, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral,
50623 Kuala Lumpur.
SSM Contact Centre:
Tel: 03-7721 4000
Fax: 03-7721 4001
SSM General Line:
Tel : 03-2299 4400
Fax : 03-2299 4411
E-mail : enquiry@ssm.com.my

PEJABAT NEGERI
JOHOR
Hairul Anuar bin Yasin
Podium 4B & 5, Menara Ansar,
65 Jalan Trus,
80000 Johor Bahru, Johor.
Tel : 07-224 4710
Fax : 07-224 1714 / 224 8169
E-mail : hairul@ssm.com.my

KEDAH
Ab Razak bin Isa
Tingkat 1 & 2,
Wisma PERKESO,
No.186 Jalan Teluk WanJah,
05538 Alor Setar, Kedah.
Tel : 04-733 0111
Fax : 04-731 5517
E-mail : abrazak@ssm.com.my

KELANTAN
W.Abd Rahim bin W.Daud
Tingkat 2, 3 & 4, Kota Sri Mutiara,
Jalan Sultan Yahya Petra,
15150 Kota Bharu, Kelantan.
Tel : 09-748 2860 / 748 4599
Fax : 09-744 7622 / 747 2607
E-mail : wrahim@ssm.com.my

MELAKA
Pauziah Binti Mohamed Sin
Aras Bawah Menara MITC,
Kompleks MITC,
Jalan Konvensyen,
75450 Ayer Keroh, Melaka
Tel : 06-231 1717
Fax : 06-231 3502
E-mail : pauziah@ssm.com.my

NEGERI SEMBILAN
Khairudin bin Rusli
Aras 3, Wisma Perkeso,
Lot 3757 & 52,
Jalan Sungai Ujong,
70000 Seremban, Negeri Sembilan.
Tel : 06-761 9098 / 761 5506 /
06-764 1885 / 764 5598
Fax : 06-765 5877
E-mail : krudin@ssm.com.my

PAHANG
Roslina Binti Abdul Malek
No. 3.04 – 3.11, Tingkat 3,
Mahkota Square,
Jalan Mahkota,
25000 Kuantan, Pahang.
Tel : 09-516 4866 / 516 4600
Fax : 09-516 1869 / 516 3316
E-mail : roslina@ssm.com.my

PERAK
Rozaini Muhamed
Tingkat 2C, Angsana Ipoh Mall,
Jalan Hospital,
30450 Ipoh, Perak.
Tel : 05-241 6900 / 254 7913 / 253 3071
Fax : 05-255 7162
E-mail : rozaini@ssm.com.my

PERLIS
Ramle Bin Leen
Tingkat 8, Bangunan KWSP,
Jalan Bukit Lagi,
01000 Kangar, Perlis.
Tel : 04-978 1877 / 976 7899 / 977 3182
Fax : 04-977 4758
E-mail : lramle@ssm.com.my

PULAU PINANG
Muhd Nasir Bin Mahmood
Tingkat 6-7, Bangunan KWSP,
No. 3009, Off Leboh Tenggiri 2,
Bandar Seberang Jaya,
13700 Pulau Pinang.
Tel : 04-397 7793
Fax : 04-397 7713
E-mail : mnasir@ssm.com.my

SABAH
Mohd Yasin @ Jafri Abd Malik
Tingkat 4, Menara MAA,
6 Lorong Api-Api,
Locked Bag 2039,
88999 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel : 088-233 551 / 233 346
Fax : 088-237 884
E-mail : yasin@ssm.com.my

SARAWAK
Adzman bin Ahmad
Tingkat 2 & 3, Wisma STA,
26 Jalan Datuk Abang Abdul Rahim,
93450 Kuching, Sarawak.
Tel : 082-481 499
Fax : 082-334 622
E-mail : adzman@ssm.com.my

SELANGOR
Lokman Bin Ramli
Tingkat 3, Plaza Alam Sentral,
Jalan Majlis, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor.
Tel : 03-5511 6500 / 5513 5997
Fax : 03-5510 4200
E-mail : lokman@ssm.com.my

TERENGGANU
Kamarudin Bin Mohd Daud
Tingkat 6-7, Menara Yayasan Islam,
Jalan Sultan Omar,
20300 Kuala Terengganu, Terengganu.
Tel : 09-623 7170 / 624 0721
Fax : 09-623 0945
E-mail : kmrudin@ssm.com.my

WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
Noorlia binti Mohd Khalid
No. 6A1 & 6A2, Tingkat 6,
Block 4, Kompleks Ujana Kewangan,
Jalan Merdeka,
87000 Wilayah Persekutuan Labuan.
Tel : 087-414 100
Fax : 087-414 152
E-mail : mknoorlia@ssm.com.my

PEJABAT CAWANGAN/BRANCH OFFICES

MIRI
Ronatkinson Nujol
Ground Floor, Yu Lan Plaza,
Lot 97, Jalan Brooke,
98008 Miri, Sarawak.
Tel : 085-424777 / 421117
Fax : 085-422225
E-mail : ronatkinson@ssm.com.my

MUAR
Norsilawati binti Bachek
No.1, Jalan Perdagangan,
Off Bulatan Jalan Bakri,
84000 Muar, Johor.
Tel : 06-9546611 / 9547711
Fax : 06-9546600
E-mail : norsilawati@ssm.com.my

TAWAU
TB 4444, GF & 1st floor,
Blok F, Sabindo Square,
Jalan Dunlop,
91018 Tawau, Sabah.
Tel : 089-750 585 / 752 585
Fax : 089-754 585

TEMERLOH
Adnan Hj Omar
No. 15 & 16,
Jalan Ahmad Shah,
28000 Temerloh, Pahang.
Tel : 09-2964600 / 2965600
Fax : 09-2960010
E-mail : adnan@ssm.com.my

URBAN TRANSFORMATION CENTRE
URBAN TRANSFORMATION CENTRE (UTC) KUALA LUMPUR
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Ruang Legar, Tingkat Bawah,
Bangunan UTC Kuala Lumpur,
Jalan Pudu (Pudu Sentral)
55100 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2026 2041 / 03-2026 2042
Fax : 03-2026 2036

URBAN TRANSFORMATION CENTRE (UTC) MELAKA
Aras 3, Wisma UTC,
Jalan Hang Tuah,
75300, Melaka
Tel : 06-2830076

URBAN TRANSFORMATION CENTRE (UTC) PAHANG
1-11 Aras Satu,
Bangunan UTC Pahang,
Jln Stadium,
25200, Kuantan Pahang
Tel : 09-5124137
Fax : 09-5124136

URBAN TRANSFORMATION CENTRE (UTC) KEDAH
No 4-7, Kompleks MBAS,
Jalan Kolam Air,
05675 Alor Setar,
Kedah.
Tel : 04-736 0815
Fax : 04-732 0622

URBAN TRANSFORMATION CENTRE (UTC) TERENGGANU
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
L4-UTC-04, UTC Terengganu,
Paya Bunga Square,
Jalan Masjid Abidin,
21000, Kuala Terengganu
Tel : 09-622 6174 / 09-622 6765
Fax : 09-622 6765

PUSAT PERKHIDMATAN/SERVICE CENTER LANGKAWI
Pusat Perkhidmatan
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
No 4, Aras Mezzanine, Kompleks LADA,
Jalan Persiaran Putra,
07000 Langkawi, Kedah.
Tel : 04-966 7943
Fax : 04-966 5318

KAUNTER PERKHIDMATAN DAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN/ BUSINESS REGISTRATION SERVICE COUNTER

PUTRAJAYA
Kaunter Khidmat Pengguna,
Aras G,
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK),
No. 13, Persiaran Perdana,
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62623 Putrajaya,
Wilayah Persekutuan Putrajaya.
Tel : 03-8882 6509/6480


MyLLP
e-Aduan
SBMJ
e-Info
e-Kueri
MyCoID
ezBiz
XBRL
e-CBID
e-Semak
e-Kompaun



MENARA SSM@SENTRAL NO.7, JALAN STESEN SENTRAL 5
KUALA LUMPUR SENTRAL 50623 KUALA LUMPUR

+603 7721 4000 www.ssm.com.my enquiry@ssm.com.my